

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

2019

HARI SELASA : 23 APRIL 2019

SOALAN : 1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DR. NUING JELUING
TARIKH : 23 APRIL 2019

Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu petani terutamanya di luar bandar Sarawak untuk memasarkan hasil tanaman mereka kerana kebanyakan mereka tidak dapat memasarkan hasil tanaman dan ini mengakibatkan para petani tidak mendapat pulangan hasilnya serta menyebabkan kegagalan untuk meningkatkan tahap pendapatan mereka.

SOALAN : 1

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian ini telah membantu petani yang berada di luar bandar Sarawak untuk memasarkan hasil tanaman mereka melalui program-program pemasaran di bawah FAMA seperti Program Ladang Kontrak, Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) dan program MyBest Buy (MBB).

Melalui *Program Ladang Kontrak*, petani mendapat jaminan pasaran ke atas produk yang dihasilkan dengan membuat perjanjian jual beli di antara pihak petani dengan FAMA. Dalam perjanjian jual beli tersebut, FAMA menawarkan dua (2) kaedah penetapan harga iaitu belian pada harga semasa yang disokong dengan harga lantai dan belian pada harga tetap.

Pada tahun 2018, seramai 160 orang petani telah berdaftar bagi komoditi sayur-sayuran dengan keluasan kawasan tanaman seluas 269.82 hektar dan nilai jualan sebanyak RM15.23 juta.

Bagi komoditi buah-buahan pula, peserta yang berdaftar dalam program ini adalah seramai 333 orang petani dengan keluasan tanaman seluas 626.7 hektar dan nilai jualan sebanyak RM26.36 juta.

Petani juga turut digalakkan untuk menjual hasil keluaran mereka secara terus kepada pengguna dalam program jualan anjuran FAMA seperti Program JTDL dan MBB di *Medan Niaga Satok, Pasar Tani*

SOALAN : 1

dan outlet-outlet FAMA seperti *Agrobazaar Kedai Rakyat* di seluruh Sarawak.

Pada tahun 2018, seramai **5,821 orang petani** di Sarawak telah mendapat **bimbingan FAMA dari segi khidmat pemasaran** dan telah berjaya mencatatkan nilai jualan sebanyak RM180.77 juta.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 2

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN MANOLAN BIN
MOHAMAD
TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Manolan Bin Mohamad minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyerahkan pengurusan dan pembangunan projek Tanam Semula Komersial (TSK) yang diusahakan oleh RISDA dan FELCRA di atas kawasan tanah Orang Asli kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) atau pemilik asal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon menjawab pertanyaan ini bersama dua pertanyaan lain yang berkaitan dengan projek Tanam Semula Komersial (TSK) FELCRA dan RISDA di atas kawasan tanah Orang Asli yang diutarakan oleh Yang Berhormat Tuan Manolan bin Muhamad bertarikh 24 April 2019 dan 8 Mei 2019.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan TSK yang diusahakan oleh FELCRA dan RISDA di atas kawasan tanah Orang Asli adalah berdasarkan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dengan FELCRA pada tahun 1992 dan RISDA pada tahun 1997.
3. Namun sebenarnya projek TSK ini telah bermula lebih awal sekitar tahun 1980an di mana ketika itu kawasan-kawasan tersebut dibangunkan untuk tujuan keselamatan dan dijadikan zon penampungan bagi menghindari gangguan dan serangan pihak komunis. Projek Keselamatan dan Sempadan ini atau singkatannya KESBAN yang kebanyakannya terletak di negeri Perak dan Pahang adalah merupakan kawasan penempatan Orang Asli.

SOALAN : 2

4. Segala keputusan dasar berhubung projek ini dibuat oleh pihak JAKOA termasuk jumlah pemberian dividen kepada peserta Orang Asli. Pada masa ini, FELCRA mengusahakan 37 ladang JAKOA dengan keluasan 6,128 hektar yang melibatkan 2,432 peserta manakala RISDA pula mengusahakan 93 projek TSK JAKOA dengan keluasan kebun 11,970 hektar yang melibatkan 6,101 peserta.
5. Tanggungjawab FELCRA dan RISDA dalam hal ini adalah untuk membangun dan menguruskan ladang TSK Orang Asli bagi mendapatkan pulangan yang optimum untuk manfaat peserta.
6. Penyerahan semula kawasan pembangunan tanah kepada pengurusan JAKOA adalah tertakluk kepada persetujuan bersama di antara JAKOA dan FELCRA/RISDA.
7. Bagi FELCRA, penyerahan semula kawasan ladang dibuat apabila tempoh tanam semula selesai iaitu di antara 25 hingga 30 tahun. Dimaklumkan juga bahawa pengurusan ladang projek Orang Asli ini adalah sama seperti pengurusan bagi ladang-ladang penyatuan dan pemulihan FELCRA yang lain.
8. Manakala bagi RISDA, penyerahan semula ladang boleh dilakukan apabila ladang telah mengeluarkan hasil iaitu 4 tahun bagi tanaman sawit dan 7 tahun bagi tanaman getah.

SOALAN : 2

9. Walau bagaimanapun, sekiranya penyerahan semula ladang kepada JAKOA ingin dilakukan lebih awal, maka kos pembangunan yang telah didahulukan oleh FELCRA dan RISDA hendaklah diselesaikan terlebih dahulu.
10. Untuk makluman, keuntungan bersih yang telah dijana dari keseluruhan projek TSK yang diuruskan oleh FELCRA pada tahun 2018 adalah sebanyak RM5.82 juta, manakala keuntungan bagi projek yang diuruskan oleh RISDA bagi tahun yang sama adalah sebanyak RM12.62 juta. Keuntungan TSK Orang Asli ini juga bergantung kepada harga komoditi semasa.
11. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, tidak wujud isu projek TSK terbengkalai. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa projek TSK yang kurang berdaya maju disebabkan faktor seperti bentuk muka bumi, lokasi projek yang jauh di pedalaman, bencana alam dan serangan haiwan liar yang meningkatkan kos pembangunan.
12. Selain itu, terdapat situasi di mana selepas pembangunan dibuat, peserta mengambil keputusan untuk mengeluarkan hasil dari kebun-kebun tanpa mengikut prosedur yang sepatutnya seperti yang diamalkan oleh FELCRA dan RISDA. Kesannya, ia akan menyukarkan lagi pengurusan ladang dan pengeluaran hasil yang optimum.

SOALAN : 2

13. Antara langkah segera yang boleh diambil bagi mengatasi isu ini adalah dengan penglibatan secara langsung pihak JAKOA dalam memberi penerangan dan kefahaman tentang kaedah pengurusan ladang dan peranan peserta dalam memastikan hasil ladang dapat dioptimumkan.
14. Ahli Yang Berhormat, boleh saya simpulkan bahawa projek TSK ini sentiasa diberikan perhatian dengan komitmen penuh daripada FELCRA dan RISDA dalam usaha meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DR. NUING JELUING

TARIKH : 29 APRIL 2019

DR. NUING JELUING minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencapai sasaran 80% guru di Sarawak ialah anak tempatan. Sasaran ini ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan ketika itu. Apakah nisbah guru tempatan berbanding dengan guru dari Semenanjung pada masa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar *Empowerment 90:10* (Dasar 90:10) telah diperkenalkan pada akhir tahun 2015 bertujuan untuk mencapai sasaran sebanyak 90 peratus guru berkhidmat di negeri Sarawak terdiri daripada kalangan anak kelahiran Sarawak. Bagi memastikan sasaran ini dapat dicapai, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan langkah-langkah seperti yang berikut:

1. melaksanakan pertukaran guru dengan menempatkan semula guru yang berasal dari Sarawak untuk berkhidmat di negeri asal mereka serta menempatkan semula guru yang berasal dari Semenanjung untuk berkhidmat di Semenanjung;
2. menempatkan guru lantikan baharu yang berasal dari Sarawak ke negeri asal mereka berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran di negeri tersebut;
3. pengambilan graduan yang memiliki Ikhtisas Pendidikan lepasan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) dalam kalangan anak kelahiran Sarawak melalui sistem pengambilan guru secara pasaran terbuka dengan melantik mereka sebagai Guru Interim. Guru Interim yang berjaya dalam urusan pengambilan guru oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) akan ditawarkan pelantikan tetap sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41; dan

SOALAN: 18

4. pengambilan graduan anak kelahiran negeri Sarawak yang tidak memiliki kelayakan Ikhtisas Pendidikan secara interim bagi mengisi kekosongan jawatan berdasarkan keperluan opsyen mata pelajaran. Graduan lantikan interim yang memenuhi kriteria yang ditetapkan akan ditawarkan Program Diploma Perguruan Lepasan Ijazah atau Diploma Pendidikan Ambilan Khas secara Kursus Dalam Cuti (KDC) bagi membolehkan mereka dilantik tetap sebagai PPP Gred DG41 di KPM.

Untuk makluman, sehingga 7 April 2019, data KPM menunjukkan terdapat seramai 41,441 orang guru yang sedang berkhidmat di negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut sejumlah 87 peratus (36,118) merupakan guru kelahiran negeri Sarawak manakala 13 peratus (5,353) merupakan guru bukan kelahiran negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih

SOALAN : 4

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN ALAN LING SIE
KIONG
TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Alan Ling Sie Kiong minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan usaha-usaha dan pencapaian menentang polisi Kesatuan Eropah ke atas sekatan tidak adil terhadap minyak Sawit keluaran Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh 6 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang berikut:

- (a) YB Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang bertarikh 23 April 2019;
- (b) YB Senator Dato' Haji Husain Awang bertarikh 25 April 2019;
- (c) YB Senator Datuk Haji Yahaya Bin Mat Ghani @ Abbas dan YB Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair bertarikh 7 Mei 2019; dan
- (d) YB Senator Datuk Ng Chiang Chin dan YB Senator Datin Rahimah Binti Haji Mahamad bertarikh 9 Mei 2019.

Kesemua 6 orang Ahli Yang Berhormat Senator ini telah membangkitkan isu yang sama dengan pertanyaan YB Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong pada hari ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah merangka beberapa langkah bagi mengatasi ancaman negara-negara EU terhadap industri sawit negara. Antaranya, Kerajaan secara konsisten telah dan akan terus:

- i. mengkritik sekeras-kerasnya dan mengeluarkan artikel serta klip video yang menentang kempen anti-sawit Eropah. Tindakan yang

telah diambil oleh Kesatuan Eropah dilihat sebagai langkah yang mendiskriminasi industri sawit kita;

- ii. memperjuangkan hak dengan menyuarakan bantahan terhadap langkah diskriminasi industri sawit negara di platform antarabangsa seperti *World Trade Organization* (WTO) melalui mesyuarat Jawatankuasa Halangan Teknikal Kepada Perdagangan (*Technical Barriers to Trade*), Majlis bagi Perdagangan Barang (*Council for Trade in Goods*) dan Jawatankuasa Perdagangan dan Alam Sekitar (*Trade and Environment Committee*);
- iii. bekerjasama melalui *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) untuk merangka usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti bagi menangkis sebarang usaha untuk menyekat eksport minyak sawit dan produk-produk sawit;
- iv. bekerjasama dengan negara-negara anggota ASEAN dalam menyuarakan bantahan terhadap sebarang langkah diskriminasi terhadap ekonomi dan perdagangan serantau sepertimana yang telah dilaksanakan dalam Mesyuarat Dua Hala di antara ASEAN dan Kesatuan Eropah di Brussels, Belgium pada 21 hingga 23 Januari 2019. Dalam mesyuarat tersebut, ASEAN telah memutuskan untuk menangguhkan agenda penaiktarafan hubungan dialog ASEAN-EU ke peringkat Kerjasama Strategik (*Strategic Partnership*) pada satu tarikh yang akan datang; dan

SOALAN : 4

- v. Kementerian juga telah menyuarakan bantahan kepada negara anggota Kesatuan Eropah berhubung *Delegated Regulation* di bawah *European Renewable Energy Directives II* (EU RED II) yang mendiskriminasi industri sawit kita. Satu Lawatan Kerja Kementerian yang diketuai oleh Ketua Setiausaha ke Belgium juga telah diadakan pada 8 dan 9 April 2019. Lawatan ini adalah misi bersama di bawah kerangka *Council of Palm Oil Producing Countries (CPOPC)* yang dianggotai oleh Malaysia, Indonesia dan Columbia.

Selain itu, kerjasama erat telah dijalankan dengan Menteri Luar Negeri, Menteri Industri Utama, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, dan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim dalam menangani isu diskriminasi terhadap industri sawit negara. Kelima-lima Menteri telah bersetuju untuk bersama-sama mempertahankan industri sawit negara di setiap persidangan atau program yang berkaitan sama ada di dalam atau luar negara khususnya di negara Kesatuan Eropah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pelbagai program dan aktiviti telah diatur untuk menangani kempen antiminyak sawit tersebut. Antaranya adalah Kempen Sayangi Sawitku yang telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Mac 2019.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 5

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK MOHAN A/L THANGARASU
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status ke atas kajian Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan status kes-kes yang disiasat di bawah seksyen tersebut.

SOALAN : 5

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pada masa ini, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedang memperhalusi kajian ke atas Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).
2. Moratorium ke atas Seksyen 233, Akta 588 telah ditarik balik sejak bulan Januari tahun ini. Sepanjang masa moratorium, walaupun aduan tidak dapat disiasat di bawah Seksyen 233, Akta 588, namun aduan-aduan tersebut boleh disiasat di bawah undang-undang sedia ada yang lain seperti Kanun Keseksaan.
3. Dari Oktober 2018 sehingga Disember 2018, bilangan aduan yang telah dirujuk kepada agensi penguatkuasaan **selain SKMM** adalah berjumlah **31** kes.

SOALAN : 6

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN ADRIAN BANIE
LASIMBANG**

TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Adrian Banie Lasimbang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk menangani isu-isu Orang Asal khasnya dalam isu tanah, ekonomi dan pendidikan dan adakah Malaysia mengiktiraf Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Hak Orang Asal (UNDRIP) yang menjadi piawaian asas dalam melindungi hak Orang Asal serta mengiktiraf 9 Ogos, Hari Orang Asal Sedunia yang diisytiharkan oleh PBB sebagai satu hari untuk merayakan kepelbagaian budaya Orang Asal di Malaysia.

SOALAN : 6

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, sepetimana yang termaktub di dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) bidang kuasa Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) adalah berkaitan Orang Asli di Semenanjung Malaysia sahaja. Oleh itu, saya hanya akan menjawab usaha-usaha pihak Kerajaan terhadap kepentingan Orang Asli di Semenanjung Malaysia sahaja.

Dalam usaha pihak Kerajaan bagi menangani isu-isu Orang Asli, pihak Kerajaan telah mengenalpasti 7 fokus utama iaitu tanah, pendidikan, ekonomi, kesihatan, kepimpinan, infrastruktur dan kebudayaan.

Di antara isu utama yang perlu ditangani adalah isu hakmilik tanah adat dan tanah yang diduduki oleh Orang Asli secara sah. Kerajaan sedang dalam usaha melaksanakan kerja-kerja mengukur.

Dalam sektor pembangunan ekonomi, JAKOA menghadapi isu pembayaran dividen ladang yang diuruskan oleh RISDA dan FELCRA. Sehingga kini JAKOA telah melantik RISDA dan FELCRA melalui Memorandum Persefahaman untuk membangun dan menguruskan ladang sawit dan getah dengan keluasan 30,545.40 hektar dan melibatkan seramai 13,021 orang. Status terkini terdapat sebanyak 22 ladang di bawah pengurusan RISDA tidak dapat membayar dividen bulanan dan menjadi isu di kalangan peserta yang terlibat. Kegagalan pembayaran dividen mula berlaku pada Januari 2019, namun demikian JAKOA telah dan akan mengambil tindakan seperti berikut:

SOALAN : 6

- i. Menyemak semula Memorandum Persefahaman dengan RISDA bagi membuat penambahbaikan untuk mengatasi isu kegagalan pembayaran dividen;
- ii. Melaksanakan pemantauan prestasi projek secara berkala ke atas setiap projek dan turut menyemak laporan perbelanjaan yang dilakukan oleh RISDA.
- iii. Mencari alternatif lain sebagai agen mengurus ladang bagi menggantikan RISDA.
- iv. Mulai Oktober 2018, JAKOA telah membuat kaedah pembayaran dividen mengikut harga komoditi semasa.
- v. Mendapatkan kepakaran daripada rakan sinergi yang lain bagi membincangkan bagaimana untuk memaksimumkan hasil, sekaligus dapat menaikkan pendapatan dividen peserta.
- vi. Mengalu-alukan peserta untuk mengambil alih ladang daripada agensi mengurus dan menguruskan sendiri di bawah Jawatankuasa Pengurusan Ladang. Kaedah ini dapat memperi pendapatan terus kepada peserta di samping memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat Orang Asli.

Dalam isu pendidikan anak-anak Orang Asli pula, keciciran merupakan perkara utama yang perlu ditangani oleh kerajaan. Bagi menangani isu ini, JAKOA bersama Kementerian Pendidikan Malaysia telah bekerjasama dengan menubuhkan Sekolah Komprehensif 9 (K9) dan sekolah ini akan

SOALAN : 6

diperluaskan pelaksanaanya secara berperingkat di kawasan-kawasan yang memerlukan.

Fokus-fokus utama ini adalah selari dengan hak-hak yang digariskan dalam *Declaration on the Rights of Indigenous Peoples* (UNDRIP). Sehubungan dengan itu, satu Konvensyen Orang Asli Kebangsaan 2019 telah diadakan pada 22 April 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Konvensyen itu telah disempurnakan perasmianya oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri. Konvensyen ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas terhadap 7 fokus utama tersebut daripada masyarakat Orang Asli dan pihak-pihak berkepentingan Orang Asli bagi mencapai resolusi ke arah pembentukan Pelan Pembangunan Orang Asli Kebangsaan yang lebih komprehensif.

Untuk makluman Yang Berhormat susulan daripada keputusan Jemaah Menteri pada 28 Julai 2017, pihak Kerajaan telah bersetuju supaya diadakan sambutan Hari Orang Asli Kebangsaan bersempena dengan *International Day of the World's Indigenous Peoples* yang diadakan pada 9 Ogos setiap tahun. Sehubungan dengan itu, JAKOA telah merancang untuk mengadakan sambutan Hari Orang Asli peringkat kebangsaan pada bulan Ogos tahun ini.

Sekian terima

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesahihan dan perincian jelas tentang tanggungan hutang Kerajaan Persekutuan dan Liabiliti Semasa yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Merujuk kepada dokumen penerbitan terkini Kementerian Kewangan iaitu *Fiscal Updates 2018*, kedudukan hutang langsung Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM741 bilion atau 51.8% daripada KDNK pada akhir 2018, kekal di bawah paras 55% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Hutang domestik merangkumi 97.1% atau RM719.5 bilion daripada jumlah hutang langsung, manakala baki 2.9% atau RM21.5 bilion adalah pinjaman luar pesisir. Bank Negara Malaysia melalui Laporan Tahunan 2018 turut melaporkan hutang langsung Kerajaan Persekutuan adalah 51.8% daripada KDNK.
2. Di samping itu, Kerajaan juga mempunyai tanggungan liabiliti lain seperti jaminan yang perlu ditanggung Kerajaan, hutang 1MDB dan liabiliti lain menjadikan kedudukan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan dianggarkan berjumlah RM1.1 trilion atau sekitar 76% daripada KDNK pada akhir 2018.
3. Jaminan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan adalah meliputi jaminan yang diberikan kepada syarikat berkaitan Kerajaan untuk melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam seperti transit aliran ringan (LRT), transit aliran massa (MRT) dan Lebuhraya Pan-Borneo.
4. Selain menanggung hutang syarikat 1MDB, Kerajaan juga mempunyai liabiliti lain meliputi bayaran pajakan kewangan (*finance lease*) bagi projek yang dilaksanakan secara *Public-Private Partnership* (PPP), inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan Pembinaan BLT Sdn Bhd (PBLT). Bayaran bagi projek PPP adalah berdasarkan perjanjian konsesi yang ditandatangani antara Kerajaan dan syarikat konsesi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN KAMARUDIN BIN
ABDUN
TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Kamarudin Bin Abdun minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- a) pembinaan Hospital Padang Besar untuk Negeri Perlis yang telah diumumkan untuk pembinaan dari tahun 2012 belum dilaksanakan sehingga kini; dan

- b) pengiktirafan kaedah perubatan alternatif bagi kes-kes tertentu yang gagal diselesaikan oleh pakar perubatan moden.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia telah dimaklumkan melalui surat bertarikh 24 Oktober 2018 bahawa status terkini pembinaan Hospital Padang Besar, Perlis telah dibatalkan oleh Kerajaan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memberi pengiktirafan kepada rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K). Pengiktirafan ini dicerminkan dalam Dasar PT&K Kebangsaan yang dilancarkan pada tahun 2001 dan Akta PT&K 2016 [Akta 775] yang mengawal selia amalan dan pengamal PT&K dalam bidang amalan yang diiktiraf. Setakat ini, terdapat 7 bidang amalan yang diiktiraf iaitu:

1. Perubatan Tradisional Melayu;
2. Perubatan Tradisional Cina;
3. Perubatan Tradisional India;
4. Homeopati;
5. Kiropraktik;
6. Osteopati; dan
7. Amalan Pengubatan Islam.

KKM ingin menegaskan bahawa perkhidmatan PT&K yang disediakan di fasiliti kesihatan Kerajaan adalah sebagai pelengkap kepada perubatan moden. Ia adalah bukan sebagai rawatan alternatif atau untuk merawat kes-kes yang gagal dikendalikan

SOALAN : 8

dengan kaedah perubatan moden. Sebagai contoh, pesakit yang mengalami kesakitan kronik serta penyakit tekanan darah tinggi perlu menerima rawatan perubatan moden untuk mengawal tekanan darah. Di samping itu, pesakit tersebut boleh menerima rawatan akupuntur sebagai pelengkap untuk mengurangkan kesakitan beliau.

Susulan daripada pengiktirafan ini, perkhidmatan PT&K telah disediakan di 15 buah hospital Kerajaan dan perkhidmatan penjagaan tradisional postnatal turut ditawarkan di 82 klinik Kerajaan. Usaha untuk memartabatkan PT&K di Malaysia akan sentiasa dijalankan oleh KKM bagi memastikan sumbangan PT&K ke dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan akan dapat dioptimumkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI MUHAMAD BIN
MUSTAFA
TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh manakah kejayaan pelaksanaan Food Bank yang dilancarkan baru-baru ini dan apakah keberkesanan mekanisme yang digunakan di dalam menyampaikan program ini kepada golongan sasar.

SOALAN : 9

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sentiasa berusaha mencari mekanisma terbaik bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat di negara ini. Salah satu alternatif adalah Program Food Bank Malaysia. Sepanjang pelaksanaan sehingga bulan Mac 2019, Program Food Bank Malaysia **telah berjaya** membantu seramai 113,706 ahli isi rumah. Secara tidak langsung, telah berjaya **menyelamatkan sebanyak 1,156 metrik tan lebihan makanan dengan anggaran nilai lebihan makanan sebanyak RM5.78 juta.**

Pelaksanaan ini juga bukan sahaja kepada ahli isi rumah tetap. Ianya telah dipanjangkan kepada Program Food Bank Malaysia di lima (5) buah universiti awam sebagaimana keputusan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 15 Februari 2019.

SOALAN : 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK NG CHIANG CHIN
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Ng Chiang Chin minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk meningkatkan jumlah pelancong China ke Malaysia memandangkan laporan yang menunjukkan bahawa jumlah pelancong China yang melawat ke Malaysia dalam tempoh Tahun Baru Cina pada tahun ini telah menurun sebanyak 15 peratus berbanding dengan tahun lepas.

SOALAN : 10

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan pelancong China melawat ke Malaysia telah menurun sebanyak 15% dalam tempoh Tahun Baru Cina pada tahun ini adalah satu jangkaan oleh pihak tertentu. Mengikut data ketibaan pelancong yang dibekalkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, pelancong China yang datang ke Malaysia bagi bulan Februari 2019 adalah seramai 295,150 orang pelancong berbanding 296,084 orang pelancong pada Februari 2018, iaitu penurunan yang minimal sebanyak -0.3% jika dibandingkan kedua-dua tempoh tersebut. Namun, prestasi ketibaan pelancong China bagi tempoh Januari sehingga Februari 2019 masih menunjukkan peningkatan positif sebanyak +8.4%, iaitu dari 524,705 orang pelancong pada tahun 2018 ke 568,881 orang pelancong pada tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua,

Seramai 2.9juta pelancong China telah melawat ke Malaysia pada tahun 2018 dengan pertumbuhan sebanyak +29.0% berbanding dengan tahun 2017. Kementerian ini dan Tourism Malaysia sentiasa menjalankan pelbagai usaha promosi melalui Pejabat-pejabat Luar Negeri Tourism Malaysia di Beijing, Shanghai dan Guangzhou supaya ketibaan pelancong China ke Malaysia dapat bertumbuh secara positif. Antara usaha-usaha promosi adalah seperti berikut:

SOALAN : 10

- i. Menyertai bersama-sama dengan penggiat industri pelancongan Malaysia di pameran dan ekspo pelancongan utama seperti China International Tourism Industry Expo (CITIE), China-ASEAN Expo dan China International Travel Mart (CITM), agar maklumat pelancongan terkini sentiasa dapat disebarluaskan kepada kumpulan sasar;
- ii. Penggunaan saluran media sosial seperti Weibo dan Wechat secara meluas dalam menyampaikan maklumat aktiviti dan produk pelancongan Malaysia terus kepada konsumen China;
- iii. Meningkatkan jaringan kerjasama di bawah program Mega Fam dengan membawa para wartawan dan media, *social influencer* seperti *bloggers*, agensi-agensi pelancongan serta krew profileman;
- iv. Membangunkan lebih banyak pakej pelancongan istimewa bersama agen pelancongan China yang memberi fokus kepada segmen percutian premium;
- v. Memperbanyak kerjasama pintar dengan persatuan-persatuan pengusaha pelancongan, syarikat-syarikat penerbangan dan badan-badan korporat; dan
- vi. Melantik agensi perhubungan awam untuk pasaran China yang membantu dari segi promosi, publisiti dan pengurusan isu negatif.

SOALAN : 10

Kementerian ini akan sentiasa meneliti prestasi ketibaan pelancong China supaya dapat mengaturkan usaha promosi yang sesuai untuk pertumbuhan positif dalam ketibaan pelancong China.

Sekian, terima kasih.

SOALAN: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' ZAHARI BIN SARIP

TARIKH : 23 APRIL 2019

Dato' Zahari bin Sarip minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah bantuan-bantuan kepada pelajar yang dikurangkan untuk tahun 2019 berbanding tahun sebelum ini dan berapakah jumlah keseluruhan dari pemotongan serta pemansuhan peruntukan bantuan tersebut.

SOALAN: 11

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan 17 jenis bantuan persekolahan kepada murid sekolah yang dibahagikan kepada tiga (3) bentuk bantuan iaitu bantuan umum (lima program bantuan) dan bantuan khusus (sebelas program bantuan) dan bantuan *one-off* (satu program). Bantuan umum disediakan untuk semua murid manakala bantuan khusus dan *one-off* pula disalurkan kepada murid mengikut kriteria yang ditetapkan oleh KPM dan Kementerian Kewangan.

Daripada 17 jenis bantuan tersebut, sebanyak 12 jenis bantuan telah mengalami penurunan peruntukan pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 dengan jumlah keseluruhan penurunan sebanyak RM222,318,800. Manakala, sebanyak empat (4) jenis bantuan mengalami peningkatan peruntukan iaitu Elaun Murid Berkeperluan Khas (EMK), bantuan Geran Per Kapita (PCG), Bantuan Awal Persekolahan (BAP) dan bantuan Jaket Keselamatan Murid (JKM) dengan jumlah keseluruhan peningkatan sebanyak RM82,802,400. Di samping itu, satu (1) jenis bantuan iaitu Biasiswa Sukan menerima jumlah peruntukan tahun 2019 dengan yang jumlah yang sama seperti tahun 2018.

SOALAN: 11

Manakala di peringkat pendidikan tinggi, KPM menguruskan empat (4) bentuk program bantuan kepada pelajar seperti berikut:

1. Program Bantuan Kewangan Asasi IPTA;
2. Program Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya (OKU);
3. Program Pendidikan Khas; dan
4. Program Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti.

Kesemua empat (4) program bantuan di atas tidak dikurangkan peruntukan malah diunjurkan berlaku pertambahan sebanyak RM16,338,400.18 pada tahun 2019 berbanding tahun 2018. Jumlah perbelanjaan bantuan pada tahun 2019 adalah sebanyak **RM68,538,040.00** berbanding **RM52,199,639.82** pada tahun 2018.

Sekian, terima kasih

SOALAN : 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DR. YAAKOB BIN
SAPARI
TARIKH : 23 APRIL 2019

Dr. Yaakob Bin Sapari minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menghapuskan kilang-kilang haram di seluruh negara dan berapakah peruntukan yang disediakan untuk usaha ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan memperbaiki alam sekeliling, selaras dengan kuasa yang diberikan oleh Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya, akan menjalankan tindakan penguatkuasaan serta menyasarkan pematuhan bagi kesemua punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

2. Berhubung dengan tindakan JAS terhadap kilang-kilang haram, tindakan penguatkuasaan akan dikenakan ke atas premis-premis tersebut jika didapati melanggar sebarang peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Jika semasa menjalankan pemeriksaan penguatkuasaan didapati aktiviti yang dijalankan oleh kilang berkemungkinan akan menyebabkan sama ada pencemaran udara, bau, bunyi atau pelepasan efluen, JAS boleh mengambil tindakan penahanan ke atas operasi kelengkapan untuk menghentikan operasi bagi memastikan pencemaran tidak terus berlaku.

SOALAN : 12

3. Bagi menangani isu berkaitan kilang-kilang haram yang mencemarkan alam sekitar yang dihadapi oleh negara pada masa kini, polisi JAS adalah seperti berikut:
 - (i) Kilang haram yang tidak terletak di kawasan perindustrian tidak akan disokong oleh JAS untuk dilesenkan beroperasi; dan
 - (ii) Kilang baharu yang tertakluk di bawah Aktiviti Yang Ditetapkan, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 adalah dikehendaki untuk menyediakan Laporan Penilaian Alam Sekeliling (EIA) sebelum dilesenkan untuk beroperasi.
4. Kilang haram adalah takrifan yang diguna pakai yang merujuk kepada premis/kilang dibawah bidang kuasa PBT dalam mengenal pasti sama ada premis/kilang ini mempunyai lesen yang diluluskan oleh PBT untuk beroperasi. Di mana mereka mempunyai bidang kuasa untuk menyita, menutup daripada terus beroperasi, menarik semula lesen premis tersebut.
5. Pendekatan operasi penguatkuasaan JAS ke atas kilang-kilang haram ialah JAS bekerjasama dengan lain-lain agensi seperti PBT, Pejabat Tanah, PDRM, Imigresen, KASTAM dan syarikat utiliti yang berkaitan semasa menjalankan operasi pemeriksaan penguatkuasaan bersepadu. Setakat ini tiada peruntukan kewangan yang khusus disediakan untuk program bersepadu yang dilaksanakan bagi menghapuskan kilang-kilang haram namun

SOALAN : 12

operasi penguatkuasaan ini dijalankan menggunakan peruntukan perbelanjaan mengurus masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB SENATOR PUAN SITI FATIMAH BINTI
YAHAYA**
TARIKH : 23 APRIL 2019 (SELASA)

Puan Siti Fatimah Binti Yahaya minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mempertimbangkan semula keputusan untuk menutup Klinik Komuniti Kuala Lipis (Klinik 1 Malaysia) dan status projek Pusat Kesihatan Bandar Kuala Lipis yang telah diluluskan oleh Kerajaan sebelum ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Klinik 1Malaysia (K1M) Plaza Alamanda, Kuala Lipis merupakan salah satu daripada fasiliti berkedatangan rendah yang telah dipersetujui penutupannya pada tahun 2018. Jumlah kedatangan bagi tahun 2017 adalah sebanyak 14,860 orang dengan purata kedatangan harian adalah seramai 39 orang sehari. Kos operasi bukan perubatan bagi klinik ini yang meliputi sewaan, utiliti dan penyelenggaraan bagi tahun 2017 adalah berjumlah sebanyak RM50,500.00.

Untuk makluman, lokasi klinik ini adalah berhampiran (400m sahaja) dengan Jabatan Pesakit Luar Hospital Lipis. Pada masa yang sama, Kementerian juga telah meluluskan pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 3 dengan Kuarters Bandar Lipis.

Berdasarkan maklumat di atas, K1M Plaza Alamanda, Kuala Lipis dilihat tidak kos efektif untuk ditukarkan kepada Klinik Komuniti. Walaupun dengan penutupan klinik ini, penduduk di Daerah Lipis masih tidak diabaikan kerana penduduk setempat masih lagi menerima perkhidmatan kesihatan di 8 buah Klinik Kesihatan, 1 Klinik Kesihatan Ibu dan Anak, 23 buah Klinik Desa serta 9 Pasukan Kesihatan Bergerak dengan kos minima.

SOALAN : 13

Untuk makluman juga, Kementerian telah meluluskan pembinaan Klinik Kesihatan baru Jenis 3 Bandar Lipis yang sedang dalam peringkat penyediaan Surat Setuju Terima oleh pihak JKR serta sedang menunggu kelulusan Kebenaran Merancang. Kerja-kerja pembinaan Klinik Kesihatan ini dijangka akan dimulakan pada 25 Jun 2019 dan dijangka siap pada 27 Disember 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Paul Igai minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah program yang telah dilaksanakan dan program-program sedia ada oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan apakah impak dan kejayaannya setakat ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sejak merdeka lagi, negara kita telah terbina sebagai sebuah negara yang bertuah kerana memiliki rakyat yang majmuk iaitu kepelbagaian masyarakatnya yang terdiri dari latar belakang keturunan, kaum, agama, budaya dan bahasa yang berbeza. Para pemimpin negara yang terdahulu telah mentadbir negara ini dengan berteraskan semangat perpaduan bagi menjamin kebebasan, keadilan, kesejahteraan dan keamanan masyarakat Malaysia sehingga ke hari ini. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk terus memastikan keharmonian negara dan kesejahteraan rakyat terus terjamin.

Mengambil jejak sebelum ini, Kerajaan Pakatan Harapan juga tidak terkecuali dalam memastikan perpaduan dalam kalangan rakyat negara ini menjadi agenda utama negara. Ekoran dari itu, impian pucuk pimpinan Malaysia kini adalah menjadikan Malaysia sebagai negara model kepada dunia sebagai satu negara yang mempunyai bangsa, agama, bahasa dan budaya yang pelbagai tetapi hidup bersatu dalam suasana harmoni, demokratik, progresif dan makmur dengan kerajaan yang berintegriti yang dipimpin melalui tadbir urus yang baik dan bertanggungjawab. Lebih penting lagi, Kerajaan semasa bertekad akan memastikan semua rakyat pelbagai bangsa dan agama di negara ini dapat berkongsi hasil kemakmuran dan kemajuan negara secara adil dan saksama.

SOALAN : 14

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah mengambil dan memperkasakan beberapa inisiatif bagi mencapai hasrat dan aspirasi kerajaan semasa seperti berikut:-

- a) Program Sayangi Komuniti (PSK) yang dilaksanakan di lokasi miskin bandar dan pinggir bandar (B40) bagi meningkatkan keharmonian masyarakat setempat agar mereka hidup dengan selamat, aman dan sejahtera. Umpamanya, pelaksanaan PSK membolehkan PERPADUAN melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bersama penduduk melalui kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi membendung, menangani dan menyelesaikan isu/masalah yang dihadapi oleh penduduk sebagai salah satu usaha untuk mengintegrasikan masyarakat pelbagai kaum di kawasan ini agar dapat terus memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial.
- b) Program-program Detik-Detik Kebersatuan (*Moments of Unity*) yang telah dilaksanakan oleh PERPADUAN melalui kerjasama strategik dengan pihak swasta, pertubuhan/persatuan sukarela serta badan bukan kerajaan (NGO) juga merupakan salah satu usaha ke arah mengintegrasikan masyarakat di Semenanjung. Program ini bertujuan mengingatkan seluruh rakyat agar terus bersatu-padu, saling menerima dan berhubung mesra dalam apa jua keadaan tanpa mengira kaum.

SOALAN : 14

- c) Pelaksanaan Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) merupakan salah satu platform untuk mengintegrasikan golongan muda bumiputera dan bukan bumiputera melalui program *internship* di syarikat-syarikat swasta dan *Government Linked Companies* (GLCs) sebagai usaha untuk menggalakkan perkongsian silang kerjaya dan budaya antara golongan mahasiswa universiti yang terdiri dari pelbagai kaum dan latarbelakang keturunan. Bermula dari 2015 hingga 2018, seramai 5,218 orang pelajar telah menyertai program ini.
- d) Pelbagai aktiviti telah disusun melalui pengajuran program 1SRN 1Komuniti yang merupakan kerjasama antara PERPADUAN dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di mana mahasiswa dari institut pengajian tinggi awam dan swasta berpeluang mendekati dan menabur bakti kepada komuniti setempat yang memerlukan bantuan dan keprihatinan generasi muda. Antara pengisian program tersebut yang memanfaatkan komuniti setempat adalah seperti:
- Membaik pulih rumah penduduk yang usang
 - Pendawaian elektrik dalam rumah penduduk
 - Khidmat jagaan warga emas
 - Kelas motivasi dan tuisyen percuma kepada pelajar sekolah
 - Aktiviti gotong-royong pembersihan kawasan perumahan

SOALAN : 14

Jabatan juga melalui kerjasama dengan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan persefahaman dan keharmonian antara kaum. Antaranya adalah seperti berikut:

- a) Penganjuran Dialog Keharmonian Antara Agama yang melibatkan perkongsian nilai-nilai murni dan amalan-amalan terbaik (*best practices*) antara agama;
- b) Sambutan Hari Toleransi Sedunia (*International Tolerance Day*) yang diadakan pada 16 November setiap tahun memberi fokus ke arah mendidik masyarakat ke arah persefahaman, keharmonian dan keamanan sejagat melalui pengamalan sikap kerjasama dan penerimaan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama; dan
- c) Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (*World International Harmony Week*) yang disambut pada 1 - 7 Februari setiap tahun bertujuan mewujudkan kesedaran dan kefahaman antara para penganut semua agama akan kepentingan memelihara keamanan sejagat dan sentiasa menghargai pendamaian dan menolak sebarang unsur yang boleh menggugat keharmonian.

Antara langkah jangka panjang yang dirancang oleh Kerajaan ke arah memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial adalah seperti berikut:

SOALAN : 14

- a) Kerajaan juga melalui PERPADUAN telah merangka *Blueprint* - Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia (PPKPM) sebagai *way forward* untuk mengharungi perubahan global di masa depan yang semakin mencabar dan kini sedang memuktamadkan Pelan Tindakan bagi melaksanakan syor-syor yang telah dikemukakan melalui *Blueprint* tersebut.
- b) PERPADUAN juga sedang dalam proses membangunkan satu instrumen indeks yang akan menjadi kayu pengukur bagi tahap perpaduan negara ini. Melalui indeks ini, keberkesanan pelaksanaan program yang dirancangkan melalui Pelan Tindakan dapat dinilai.
- c) Penjenamaan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) kepada Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) merupakan usaha kerajaan ke arah penyatuan nasional (*national reconciliation*) bagi mengurangkan polarisasi kaum dan membina bangsa Malaysia yang bersatu padu. Penubuhannya adalah untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kompleks serta merintis jalan penyelesaian ke arah merapatkan jurang yang menghalang perpaduan. Selain itu, Majlis ini akan berperanan mewujudkan kesedaran dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat Malaysia agar bersikap moderat bagi mengelakkan perpecahan antara kaum dan agama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB SENATOR DATO' FAHARIYAH BINTI
HAJI MD NORDIN**
TARIKH : 23 APRIL 2019

Dato' Fahariyah Binti Haji Md Nordin minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bentuk bantuan khusus kepada pekebun kecil getah RISDA dan FELCRA dalam usaha memulihkan pendapatan mereka yang terjejas kerana kemerosotan harga global komoditi getah dan sawit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui RISDA telah mengambil inisiatif untuk membantu pekebun kecil dalam usaha memulihkan pendapatan mereka yang terjejas kerana kemerosotan harga global komoditi. Ini dilaksanakan melalui pelbagai program berdaya maju dalam bidang perkhidmatan, makanan, pembuatan dan pertanian. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

1. **Program Pembangunan Produk** yang menawarkan bantuan bagi meningkatkan mutu dan kualiti produk keluaran usahawan pekebun kecil.
2. **Program Pengembangan Perniagaan** yang menawarkan bantuan khusus kepada usahawan terpilih untuk mengembangkan ke peringkat yang lebih tinggi berbanding perniagaan sedia ada.
3. **Program Pemasaran dan Promosi** yang membantu usahawan pekebun kecil bagi meluaskan pemasaran produk keluaran mereka dengan melibatkan diri dalam mana-mana program seperti karnival/ pameran/ expo yang dianjurkan oleh agensi atau pihak luar.
4. **Program Premis Perniagaan** yang menawarkan perkhidmatan promosi untuk produk usahawan pekebun kecil di bawah satu model perniagaan yang strategik seperti RisSMart dan Koperasi FELCRA.

SOALAN : 15

5. Di bawah RISDA terdapat satu program khusus iaitu **Program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET)** di mana program ini adalah memberi bantuan dalam bentuk peralatan, mesin dan bahan mentah kepada pekebun kecil / ahli isi rumah untuk menjalankan aktiviti ekonomi mengikut kemahiran masing-masing.
6. Kementerian melalui agensi FELCRA dan RISDA akan terus memperkuuh program keusahawan dalam kalangan pekebun kecil bagi menjana pendapatan tambahan agar tidak bergantung sepenuhnya kepada satu (1) sumber pendapatan sahaja.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Razali Bin Idris minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan kapasiti penjanaan tenaga elektrik di Tasik Kenyir, Terengganu.

SOALAN : 16

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan tidak bercadang untuk menambah sebarang kapasiti penjanaan tenaga elektrik di Tasik Kenyir, Terengganu.
2. Berdasarkan Pelan Pembangunan Penjanaan 2019 – 2038 yang telah diluluskan oleh Kerajaan, kadar rizab margin di Semenanjung berada pada paras yang mencukupi untuk menampung permintaan tenaga elektrik di seluruh Semenanjung dan tiada keperluan untuk menambah kapasiti penjanaan tenaga elektrik di Tasik Kenyir, Terengganu.

Sekian, terima kasih.

SOALAN: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PROF EMERITUS TAN SRI DATO' SERI DR.
IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**

TARIKH : 23 APRIL 2019

Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah
minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hala tuju
Kementerian bagi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET)
agar ia menepati keperluan semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat komited untuk menjadikan bidang teknikal dan vokasional (TEVT) sebagai pilihan utama seiring dengan matlamat melahirkan 35 peratus pekerja mahir dalam kalangan tenaga kerja negara menjelang 2020. Sehubungan dengan itu, antara hala KPM bagi TVET agar ia menepati keperluan semasa adalah seperti berikut:

1. Jawatankuasa Pemerkasaan *Technical And Vocational Education And Training*

Jawatankuasa Pemerkasaan *Technical And Vocational Education And Training* (JKPTVET) telah diwujudkan bagi membincang serta menyelesaikan isu dan cabaran dalam pelaksanaan TVET merentasi sembilan (9) kementerian iaitu berkaitan akreditasi dan pentaulahan program, pertindihan penawaran program TVET oleh Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA), artikulasi, jurang kemahiran tenaga pengajar TVET, peruntukan kewangan, yuran pengajian, gaji graduan TVET serta persepsi masyarakat.

2. Sistem Jaminan Kualiti Tunggal Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional

Mesyuarat Jemaah menteri telah meluluskan Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional pada 30 Januari 2019 menyediakan sistem tunggal yang akan diguna pakai oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

SOALAN: 17

dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dalam mengakreditasi program TVET yang ditawarkan oleh institusi TVET awam dan swasta berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Strategi ini membolehkan mobiliti pelajar antara semua institusi TVET.

3. Sistem Penarafan Tunggal TVET

Membangunkan sistem Penarafan Tunggal TVET merentas kementerian penyedia TVET bertujuan untuk mengukur prestasi dan kemampuan pengoperasian sesebuah institusi penyedia TVET. Instrumen sistem penarafan ini sedang diharmonikan antara KPM dan Kementerian Sumber Manusia (KSM).

4. Mempertingkatkan Kerjasama dengan Industri

Mengadakan kolaborasi industri berimpak tinggi seperti membawa masuk industri ke institusi, atau menggunakan fasiliti industri bagi memberi pendedahan dunia pekerjaan sebenar kepada pelajar.

Dalam usaha untuk memastikan TPV relevan dengan keperluan industri, KPM telah dan sedang menjalinkan kerjasama dengan pihak swasta / industri dalam memperkasakan TVET. Sehingga kini, sebanyak 825 *Memorandum of Understanding* (MoU) telah dibuat bersama industri sejak tahun 2013, sebanyak 609 *Note of Understanding* (NoU) serta sebanyak 5137 *Letter of Intent* (LOI) telah ditandatangani.

SOALAN: 17

KPM juga telah menandatangani MoU bersama pihak Sabah Shell, Sarawak Shell, Panasonic, Perodua, *United Engineers Malaysia Berhad* (UEM) dan Kedah Industrial Skills and Management Development Centre (KISMEC). Input daripada industri amat penting kepada KPM bagi penambahbaikan kepada kurikulum dan penggunaan peralatan berteknologi tinggi dan bersesuaian dengan peluang pekerjaan yang ditawarkan.

5. Kebolehpasaran Graduan TVET

KPM sangat komited bagi memastikan kebolehpasaran graduan TVET antara penyedia TVET KPM. Sehingga kini kadar kebolehpasaran graduan di institusi penyedia TVET KPM adalah melebihi 95 peratus.

6. Keusahawanan – Melahirkan Teknousahawan

Antara *Outcomes* TPV adalah 10 peratus pelajar KV menjadi usahawan. Bagi melahirkan usahawan muda dalam kalangan graduan KV, KPM telah mengadakan pelbagai program kerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) bagi melatih dan memberi pendedahan awal tentang bidang keusahawanan kepada pelajar KV.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' CHAI KIM SEN
TARIKH : 23 APRIL 2019

Dato' Chai Kim Sen minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah strategi Kementerian bagi membantu meningkatkan industri lada negara seperti menyuntik nilai tambah terhadap produk berasaskan lada. Adakah melalui pelaksanaan Skim Tanaman Baharu Lada yang diperkenalkan mampu untuk meningkatkan sumber pendapatan para pekebun kecil tanaman lada.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian terus komited dalam membantu meningkatkan nilai tambah terhadap produk berasaskan lada. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah melalui Program Penjenamaan dan Pengukuhan Industri Lada serta Program Pembangunan Usahawan Hiliran Lada di mana pada tahun 2019, Kementerian telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM 600,300.00 dan RM1,000,000.00 masing-masing.

Selain itu, Kerajaan juga komited untuk membantu para pekebun kecil lada dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM10 juta pada tahun ini di bawah Program Pembangunan Kawasan Penanaman Lada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, objektif Program Tanaman Baharu Lada di bawah Program Pembangunan Penanaman Lada RMKe-11 mampu meningkatkan pendapatan pekebun kecil terutamanya apabila pokok lada sudah menjadi matang. Anggaran pendapatan kasar yang mampu dijana dari kebun seluas satu hektar adalah RM58,063.00 bagi lada hitam dan RM97,687.20 bagi lada putih setahun. Ini adalah berdasarkan harga lada semasa (**08 April 2019**) iaitu RM9,365 per tan bagi lada hitam gred Lada Berkualiti Eksport (LBE) Special dan RM15,756 per tan bagi lada putih gred Lada Berkualiti Eksport (LBE) *Fair Average Quality (FAQ)*.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ISMAIL BIN YUSOP
TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Ismail Bin Yusop minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perkembangan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar yang dilancarkan bulan Oktober tahun lalu khususnya pembangunan luar bandar di Negeri Perak yang memerlukan keprihatinan Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian telah melancarkan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar pada 29 Oktober 2018 yang bertemakan ‘Luar Bandar Sejahtera’. Pelan ini merupakan perancangan dan hala tuju pembangunan luar bandar bagi 5 tahun yang akan datang iaitu 2018 hingga 2023 berdasarkan aspirasi rakyat seperti mana yang terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan. Pelan ini meliputi 6 Teras, 29 Strategi dan 94 Program yang akan dilaksanakan bagi memenuhi hasrat dan aspirasi tema ‘Luar Bandar Sejahtera’ tersebut.

Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian telah membuat Pelan Tindakan bagi Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar yang merangkumi sasaran jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi kesemua program-program Kementerian yang telah dirancang untuk dilaksanakan di bawah pelan ini. Sebanyak 66 program/projek telah dikenalpasti oleh Kementerian untuk dilaksanakan pada tahun 2019.

Di antara program-program baharu yang diperkenalkan oleh Kementerian di bawah pelan ini adalah sebagai contoh Program Desa Harapan yang merupakan satu inisiatif kolaborasi antara pihak kerajaan dan swasta yang memberi fokus kepada usaha-usaha pemerkasaan ekonomi desa. Program ini bertujuan untuk membangunkan kampung dan meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar secara holistik melalui kerjasama strategik di antara KPLB dan sektor swasta. Melalui

SOALAN : 19

program ini, kampung-kampung terpilih akan menjadi “kampung angkat” syarikat korporat dan swasta, di mana program pembangunan sosio-ekonomi akan dilaksanakan berdasarkan konsep *Corporate Social Responsibility* (CSR).

Kampung Kinjang, Chenderiang, Daerah Batang Padang, Negeri Perak telah dipilih sebagai lokasi projek perintis bagi Program Desa Harapan. Antara projek CSR yang dilaksanakan adalah pembinaan bangunan TABIKA di kampung tersebut yang bernilai RM80,000 yang dibiayai sepenuhnya oleh Syarikat Hume Cemboard Industries.

Selain itu, Kementerian juga akan melancarkan inisiatif Desa Digital yang bertujuan untuk menaiktaraf kemudahan capaian internet di Pusat Komuniti Desa (PKD) termasuk PKD di negeri Perak yang akan dapat dinikmati oleh penduduk di luar bandar.

Sehubungan dengan itu, Kementerian berkeyakinan bahawa pelaksanaan segala perancangan dan program di bawah Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar ini akan dapat menaik taraf dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar Bandar dengan memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal, rohani dan sahsiah.

SOALAN : 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN SOPIAH BINTI SHARIF
TARIKH : 23 APRIL 2019

Puan Sopiah binti Sharif minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah bantuan yang dihulurkan oleh Kerajaan bagi membantu penjawat awam (kontrak atau sambilan) yang telah ditamatkan (*retrenched*) atau tidak disambung perkhidmatan mereka oleh Kerajaan.

SOALAN : 20

JAWAPAN:

YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pegawai yang ditamatkan kontrak lebih awal daripada tempoh kontrak yang sedang berkuatkuasa, pegawai tersebut sama ada diberi notis penamatan selama satu (1) bulan atau dibayar satu (1) bulan gaji jika notis penamatan diberi kurang daripada satu (1) bulan seperimana peraturan yang ditetapkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2008.

Pelantikan secara kontrak adalah bertempoh iaitu perkhidmatan bagi tempoh tertentu sahaja. Oleh itu pegawai kontrak sewajarnya berusaha mencari pekerjaan tetap yang lain samada di sektor awam atau swasta. Kerajaan juga tidak dapat memberi sebarang jaminan bahawa pegawai lantikan kontrak akan dilantik secara tetap kemudiannya.

Namun begitu bagi mereka yang akan menghadiri sesi temuduga bagi tujuan pelantikan secara tetap beberapa program sokongan berbentuk latihan termasuk *Coaching* dan *Mentoring* ada ditawarkan bagi meningkatkan keyakinan dan keupayaan mereka dalam membuat persiapan menghadapi sesi temuduga.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk John Ambrose minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) usaha Kerajaan untuk memastikan generasi baru iaitu yang baru bergelar graduan akan mampu membeli rumah sendiri; dan
- (b) bilangan perumahan yang dibina untuk kakitangan Kerajaan, bilangan rumah yang sedang dibiayai, bilangan rumah yang kosong serta kos pembaikan rumah-rumah Kerajaan ini.

SOALAN : 21

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Soalan (a)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedia maklum berkenaan kekangan yang dihadapi oleh golongan graduan muda yang belum mampu untuk membeli rumah sendiri.
2. Bagi membantu golongan ini mendapatkan tempat tinggal yang selesa dengan kadar sewaan yang berpatutan, KP KT telah menyediakan Program Rumah Transit Belia. Melalui program ini, kadar sewaan unit rumah adalah 30% lebih rendah berbanding harga pasaran. Program ini juga menerapkan elemen *force saving* yang akan memberi pulangan wang simpanan kepada penyewa bertujuan untuk membantu penyewa menyediakan deposit bagi membeli rumah sendiri yang lebih selesa.
3. Sebanyak 3,648 unit rumah di bawah Program ini akan dibina di 3 lokasi berikut :
 - (i) Mukim Kepong, Kuala Lumpur (1,048 unit);
 - (ii) Pekan Kuang, Daerah Gombak, Selangor (2,200 unit); dan
 - (iii) Mukim Batu, Kuala Lumpur (400 unit).

SOALAN : 21

4. Ketiga-tiga projek ini masih di peringkat perancangan dan dijangka akan mula dibina pada penghujung tahun 2019. Tempoh pembinaan dijangka akan mengambil masa selama 36 hingga 48 bulan.
5. Selain itu, KPKT juga menyediakan bantuan insentif sebanyak RM30,000.00 di bawah Skim Perumahan Mampu Milik Swasta bagi pembelian rumah pertama kepada pemohon berkelayakan yang berumur 21 tahun dan ke atas. Skim ini akan membantu golongan M40 dan B40 termasuklah golongan belia untuk memiliki rumah yang berharga di bawah RM300,000.00. Insentif ini akan membantu pembeli dari segi penyediaan deposit rumah di samping mengurangkan kadar pinjaman perumahan yang perlu ditanggung.
6. KPKT turut menyediakan kemudahan pemilikan unit rumah secara sementara kepada pasangan muda yang telah berkahwin dan berumur antara 18 hingga 30 tahun melalui Program Rumah Transit. Program Rumah Transit ini bertumpu di bandar-bandar besar untuk mengurangkan beban pasangan muda yang berpendapatan rendah.
7. Justeru, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang penambahbaik skim berkenaan supaya skim ini dapat menyediakan sumber kewangan alternatif bagi membantu pembeli rumah pertama.

SOALAN : 21

8. Antara cadangan mekanisme baharu di bawah perlaksanaan Skim ini adalah:-
- i) Had pinjaman maksima 10% daripada harga belian rumah atau maksima RM30,000.00;
 - ii) Bayaran Faedah Perkhidmatan 2% mengikut kaedah *reducing balance*;
 - iii) Tempoh maksimum bayaran balik sehingga 15 tahun; dan
 - iv) Bayaran balik pinjaman selepas 5 tahun dari tarikh Perjanjian Pinjaman Deposit.

Soalan (b)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini, sebanyak 261 projek (52,697 unit) Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan di seluruh negara bagi membantu penjawat awam memiliki kediaman sendiri di lokasi-lokasi yang strategik dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran.
2. Program ini mensasarkan penjawat awam khususnya penjawat awam muda dan berpendapatan sederhana untuk memiliki rumah dan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan terhadap permintaan kediaman kuarters sedia ada.

SOALAN : 21

3. Berkenaan bilangan rumah yang sedang dibiayai pula, maklumat ini diselaraskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan bagi peminjam yang bekerja di sektor awam, maklumat ini diselaras oleh Lembaga Pinjaman Perumahan Sektor Awam (LPPSA).
4. Bilangan rumah yang kosong serta kos pembaikan rumah-rumah Kerajaan pula adalah di bawah penyelarasan Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) Jabatan Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

SOALAN: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK LEE TIAN SING
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Lee Tian Sing minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan syor-syor pembaharuan institusi yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Reformasi Institusi (IRC), serta adakah hasil kajian laporan jawatankuasa tersebut akan dibenarkan supaya dibaca oleh semua rakyat.

JAWAPAN :

YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya menjawab soalan berkenaan isu Jawatankuasa Reformasi Institusi (IRC) ini secara bersekali dengan soalan yang dibangkitkan oleh YB Datuk Lee Tian Sing bertarikh 23 April 2019.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Reformasi Institusi (IRC) dengan keanggotaan seramai 5 orang ahli telah ditubuhkan oleh Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) pada 15 Mei 2018 bagi mengkaji langkah-langkah dan cadangan melakukan penambahbaikan terhadap institusi-institusi penting yang ada di negara ini selepas Pilihanraya Umum ke-14 yang lalu.
2. Jawatankuasa ini dianggotai oleh bekas Hakim Mahkamah Rayuan Dato' KC Vohrah; bekas hakim Mahkamah Rayuan dan Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) Dato' Mah Weng Kwai; Presiden Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) Brig. Jen. Dato' Mohamed Arshad Raji (B); Presiden Persatuan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (Hakam) Dato' S. Ambiga dan pakar perlembagaan dan pensyarah undang-undang Emeritus Profesor Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi. Laporan akhir IRC telah pun dibentangkan kepada Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) pada 17 Julai lalu dan diserahkan kepada YAB Perdana Menteri pada 19 Julai 2018.

SOALAN: 22

3. Pihak IRC telah mengemukakan laporan berkaitan **9 institusi penting** iaitu Parlimen, Suruhanjaya Pilihanraya, badan kehakiman/Mahkamah, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).
4. Laporan IRC keseluruhannya mengandungi **2 volume** dengan **256 cadangan** mengikut **8 Bab** dan **Tajuk Utama** seperti berikut:

BAB	TAJUK UTAMA	BILANGAN CADANGAN
A.	Reformasi Parlimen	48
B.	Pilihanraya	73
C.	Kehakiman	28
D.	Pegawai undang-undang dan legal	3
E.	Pencegahan rasuah	20
F.	Polis dan keimigresenan	18
G.	Komunikasi, media dan informasi	33
H.	Hak asasi manusia dan perundangan	33
	JUMLAH	256

5. Daripada jumlah 256 cadangan ini, terdapat **223 cadangan** yang berkaitan dengan skop kerja governans, integriti dan pencegahan rasuah di bawah 21 Janji-janji Kerajaan. Dalam hal ini, Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) akan menjadi penyelaras di peringkat dasar bersama-sama dengan agensi pelaksana sebelum sebarang cadangan dilaksanakan. **Baki sebanyak 33 cadangan** yang berkaitan

SOALAN: 22

dengan aspek komunikasi, media dan informasi akan dipantau oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM).

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan dasar berkenaan cadangan-cadangan tersebut akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Seterusnya, keputusan dasar ini akan diangkat kepada Mesyuarat Jemaah Menteri untuk mendapatkan persetujuan Kerajaan. Cadangan-cadangan IRC berkenaan reformasi institusi Kerajaan ini sedang giat dilaksanakan dan pelaksanaannya dipantau oleh GIACC. Sebahagian daripada cadangan ini dimasukkan dalam Pelan Anti-Rasuah Nasional, dengan izin *The National Anti Corruption Plan (NACP)*. Perkara ini akan terus dilaksanakan dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) bagi memastikan pelaksanaannya dapat dijalankan dengan baik.

7. Persoalan sama ada laporan tersebut didedahkan kepada umum akan hanya diputuskan setelah laporan-laporan tersebut diteliti dan diumumkan pelaksanaannya oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Apa yang penting, semua cadangan penambahbaikan yang diterima, dilaksanakan sebaik mungkin demi kesejahteraan dan kestabilan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB SENATOR DATIN RAHIMAH BINTI
HAJI MAHAMAD**
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datin Rahimah Binti Haji Mahamad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah aset pengendalian bencana bahan kimia dan bahan berbahaya (Hazardous Substances) di seluruh negeri-negeri di Malaysia dan kelengkapan alatan perlindungan diri yang bersesuaian dengan potensi 'hazard' bagi anggota dan pegawai yang mengendalikan bencana ini.

SOALAN : 23

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat **17 Pasukan Pengurusan Bahan Berbahaya** atau dikenali sebagai *Hazardous Material Unit Team (HAZMAT)* di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di seluruh negara dengan keahliannya seramai **578 orang pegawai bomba**.
2. Pasukan-pasukan ini ditempatkan di balai-balai bomba yang berada di kawasan berisiko tinggi dan terdedah dengan bahan-bahan kimia seperti di kawasan-kawasan perindustrian. Setiap pasukan dilengkapi dengan **sebuah jentera HAZMAT** bagi mengendali insiden melibatkan bahan kimia dan bahan berbahaya.
3. Semasa menjalankan tugas yang melibatkan bahan kimia dan bahan berbahaya, setiap anggota akan memakai **Chemical Protection Suit (CPS)** sebagai perlindungan kepada pernafasan, mata dan kulit serta dilengkapi dengan **alat pengesan gas, radiasi dan bahan kimia**. Kelengkapan perlindungan diri ini adalah mengikut standard antarabangsa dan dibekalkan kepada setiap pasukan yang diletakkan dalam jentera HAZMAT untuk digunakan semasa operasi.
4. Kesemua ahli pasukan HAZMAT JBPM adalah terdiri daripada **pegawai bomba yang terlatih**. Mereka perlu menjalani kursus kepakaran HAZMAT di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia atau pusat latihan bomba di negeri-negeri.
5. Pada masa ini, anggota **HAZMAT** menerima elauan khas bulanan sebanyak **RM100.00**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN BATHMAVATHI
KRISHNAN
TARIKH : 23 APRIL 2019

Puan Bathmavathi Krishnan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada terdapat rancangan untuk melantik seorang OKU sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk membantu menyelaraskan polisi pengambilan 1% pekerja OKU sebagai penjawat awam di kesemua Kementerian.

JAWAPAN:

YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, selaras dengan Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong selepas menimbangkan nasihat Perdana Menteri telah berkenan melantik YBhg. Dato' Abdul Rahman Othman yang merupakan seorang OKU (fizikal) sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam berkuat kuasa pada 1 April 2019.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah mengambil langkah proaktif dalam **pengambilan calon OKU** dengan **hanya menetapkan tapisan yang minimum berdasarkan syarat skim perkhidmatan sahaja**. Pertimbangan khas juga diberikan kepada calon OKU apabila calon-calon mencapai tahap kelayakan yang sama dengan calon-calon normal, yang mana keutamaan akan diberi kepada calon-calon OKU yang sesuai menjalankan tugas mengikut jawatan yang dipohon.

Pada tahun 2018, daripada seramai 13,454 pelantikan tetap, SPA telah melantik seramai 114 calon OKU (0.85%) ke Perkhidmatan Awam. Peratusan ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya iaitu 0.39%. Manakala, bagi pelantikan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) pula, pada tahun 2018 seramai 16 calon OKU (0.23%) telah dilantik daripada jumlah keseluruhan pelantikan seramai 6,845 orang. Peratusan ini juga menunjukkan peningkatan berbanding 0.19% pada tahun sebelumnya.

SOALAN: 24

Sasaran 1% peluang pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam kepada OKU seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 merupakan sasaran yang akan dijadikan asas kepada semua Pihak Berkuasa Melantik (PBM) termasuk SPA dan SPP. Walau bagaimanapun, pencapaiannya banyak bergantung pada kesediaan Kementerian/Jabatan yang menerima penempatan calon OKU. Ia perlu disesuaikan di antara norma kerja dan jenis kecacatan calon OKU. Selain itu, aksesibiliti dan kemudahan OKU di bangunan pejabat juga perlu diambil kira bagi mengelakkan kesukaran dalam menjalankan tugas yang diberikan.

Sungguhpun demikian, SPA sentiasa mengadakan perbincangan dengan Kementerian/Jabatan bagi setiap urusan pengambilan agar sasaran 1% peluang pekerjaan kepada calon OKU dapat dicapai.

Berdasarkan statistik Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), sehingga 4 Mac 2019, jumlah pengisian OKU dalam perkhidmatan awam adalah seramai 3,670 pegawai (0.29%) berbanding jumlah keseluruhan pengisian seramai 1,262,463 pegawai (tidak termasuk skim perkhidmatan polis dan tentera).

Sebagai makluman, selain SPA dan SPP, terdapat juga Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang lain yang melaksanakan urusan pengambilan dan pelantikan berdasarkan bidang kuasa masing-masing seperti Suruhanjaya Pasukan Polis, Majlis Angkatan Tentera (MAT), Badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN AKNAN EHTOOK
TARIKH : 23 APRIL 2019 (SELASA)

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan sejauh manakah hasil yang tercapai sejak Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh (2011) dari aspek produk dan nilai eksport, keluasan, penyelidikan, usahawan, pelaburan dan lain-lain. Apakah penambahbaikan yang bakal dibuat ke atas pelan tersebut untuk menjadikan buluh sebagai alternatif yang '*viable*'.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Industri buluh di Malaysia berpotensi untuk dibangunkan sebagai sebuah industri komoditi baharu. Ini kerana iklim dan tanah di Malaysia amat sesuai untuk tanaman buluh. Tanaman buluh boleh dituai hasilnya dalam tempoh yang singkat iaitu tiga (3) tahun. Pertumbuhan buluh akan berterusan sepanjang tahun di mana tunas-tunas baru akan sentiasa tumbuh selepas ditanam dan ini secara tidak langsung mengurangkan modal dalam mengusahakan perladangan buluh. Selain itu, kos penanaman dan penjagaan juga amat rendah berbanding tanaman komoditi lain.

Nilai eksport buluh dunia dianggarkan mencecah sehingga USD68.8 bilion dengan didominasi oleh negara seperti China, India dan Taiwan. Papan lelantai buluh (*laminated bamboo flooring*) merupakan antara produk daripada buluh yang mendapat permintaan tinggi daripada Amerika Syarikat. Nilai eksport buluh Malaysia pada tahun 2018 masih kecil iaitu RM102,827. Walau bagaimanpun, industri buluh di Malaysia berpotensi untuk diperkembangkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Dalam menggalakkan industri buluh terus berkembang, pihak Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) melalui anak sayarikatnya iaitu *Forest Plantation Development Sdn. Bhd.* (FPDSB) di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) menyediakan bantuan pinjaman mudah (*soft loan*) dengan tempoh bayaran balik selama 15 tahun kepada pengusaha yang berminat melaksanakan perladangan buluh. Jumlah

SOALAN : 25

pinjaman adalah RM10,000 per hektar dengan kadar faedah 0.5 peratus bagi skala kecil dan 3.0 peratus bagi skala besar. Lima (5) spesis buluh yang diluluskan di bawah PPLH ialah Buluh Betung, Buluh Semantan, Buluh Beting, Buluh Beti dan Buluh Hitam.

Kementerian melalui MTIB telah membangunkan pelan khusus bagi industri buluh iaitu Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Malaysia (2011-

2020). Pelan tindakan itu merangkumi usaha mewujudkan perladangan buluh dan sumber semula jadi sedia ada yang diurus secara lestari, pembangunan

produk nilai tambah, penyelidikan dan pembangunan, pemasaran, perdagangan dan promosi.

Bagi menyokong pelan tersebut, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan oleh MTIB dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap buluh dan menggalakkan lebih banyak industri berkecimpung dalam industri buluh.

Sehingga kini, seramai 2,219 orang individu dan usahawan telah dilatih melalui seminar dan bengkel berkaitan perusahaan perladangan, pengawetan dan pemprosesan buluh di peringkat tempatan dan antarabangsa. Selain itu, MTIB turut menganjurkan Hari Buluh Sedunia

SOALAN : 25

pada 18 September setiap tahun sejak tahun 2012. Pada tahun 2018, penganjuran Hari Buluh Sedunia di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) berjaya menarik seramai 19,082 orang pengunjung.

Produk-produk berasaskan buluh seperti bakul, kayu penyepit (*chopstick*), pencungkil gigi, lidi sate, layang-layang hanya berada di peringkat tradisi sebelum ini. Namun, dengan peredaran masa, pihak industri didapati lebih kreatif kerana mula menggunakan buluh di dalam pembuatan perabot dan infrastruktur bangunan. Beberapa infrastruktur dan bangunan ikonik berasaskan buluh telah dibina dengan kerjasama awam dan swasta. Antaranya adalah:

- i. Masjid Buluh di Gua Musang, Kelantan;
- ii. Masjid Buluh di Kuala Kangsar, Perak;
- iii. Bamboo Playhouse di Taman Botani Perdana;
- iv. Tadom Hill Resort di Banting, Selangor;
- v. Sahom Valley Resort di Kampar, Perak; dan
- vi. KL Bamboo Village di Ulu Langat, Selangor.

Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh akan berakhir pada tahun hadapan dan beberapa penambahbaikan ke atas pelan tersebut akan dilakukan untuk menjadikan buluh sebagai alternatif yang berdaya saing (*viable*). Antaranya dari segi promosi dan pembangunan modal insan melalui latihan dan penggalakan inovasi dalam penghasilan produk berasaskan buluh yang bernilai tambah tinggi.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK LIM PAY HEN

TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan memandatorikan pendaftaran bagi tempat-tempat beribadat seperti masjid, kuil, tokong dan sebagainya bagi memastikan isu pengambilan atau pemindahan tapak tempat beribadat seperti kuil Sri Maha Mariamman tidak berulang lagi serta mewartakan secara rasmi lot tanah kepada tempat beribadat.

SOALAN : 26

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, urusan mengenai rumah ibadat adalah terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Khas yang bertanggungjawab terhadap isu-isu rumah ibadat selain Islam. Sebagai contoh di Negeri Selangor dikenali sebagai Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam (HESI) manakala di Pulau Pinang ia dikenali sebagai Jawatankuasa Penyelarasan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Setiap Kerajaan Negeri mempunyai tatacara pendaftaran dan penguatkuasaan ke atas rumah ibadat selain Islam dan tempat penyembahan. Sehubungan itu, kelulusan bagi tapak rumah ibadat bukan Islam dan penguatkuasaan terhadap isu ini adalah tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK RABIYAH
BINTI ALI
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Rabiyah Binti Ali minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jumlah terkini kapasiti penjanaan elektrik menggunakan tenaga solar dan hidroelektrik yang terpasang di seluruh negara dan apakah perancangan Kerajaan dalam memastikan penjanaan tenaga ini akan terus mendominasi keupayaan penjanaan tenaga elektrik negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Jumlah terkini kapasiti penjanaan elektrik daripada sumber tenaga solar di seluruh negara adalah berjumlah 856.1MW. Manakala jumlah kapasiti penjanaan daripada sumber hidroelektrik pula adalah sebanyak 5,797MW iaitu sebanyak 50.3MW daripada janakuasa hidro berskala kecil yang dilaksanakan di bawah mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) dan 5,746.7MW lagi daripada janakuasa hidro berskala besar yang berkapasiti melebihi 100MW.
2. Bagi memastikan sumbangan Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam penjanaan tenaga elektrik negara termasuk daripada sumber tenaga solar dan jana kuasa hidro berskala kecil terus meningkat, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan campuran kapasiti TBB dalam pembekalan elektrik negara kepada 20% menjelang tahun 2025 berbanding 4.7% pada tahun 2018.
3. Sasaran ini dijangka akan dapat dicapai melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif seperti berikut:
 - i. Mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) untuk penjanaan hidro berskala kecil, biogas dan biomass;

SOALAN : 27

- ii. *Net Energy Metering* (NEM) dan *Supply Agreement with Renewable Energy* (SARE) untuk menggalakkan penjanaan solar di atas bumbung; dan
- iii. Projek Janakuasa Solar Berskala Besar (*Large Scale Solar - LSS*) yang dilaksanakan secara bidaan kompetitif.

Sekian, terima kasih.

SOALAN: 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN NURIDAH BINTI
MOHD SALLEH
TARIKH : 23 APRIL 2019

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan berperanan dalam memberikan kefahaman tentang kepentingan memahami perlembagaan dan fungsi Yang Dipertuan Agong dan apakah ada indeks untuk mengukur tahap kefahaman rakyat tentang Institusi Agong.

SOALAN: 28

JAWAPAN :

YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Dalam hal ini, Kerajaan sememangnya mempertahankan kedaulatan Institusi Diraja seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
2. Langkah utama bagi memastikan rakyat jelata terus memahami dan menghormati Institusi Diraja dan Perlembagaan adalah melalui pendidikan terutamanya kepada generasi muda. Kurikulum pendidikan di peringkat sekolah dan universiti perlu diperkasakan lagi bagi menerapkan pengetahuan mengenai sistem kenegaraan yang diamalkan di negara ini termasuk peranan Institusi Diraja. Kesedaran perlu dipupuk bahawa peranan Institusi Diraja bukan sahaja terhad kepada hal ehwal adat istiadat dan agama Islam, malah bertindak sebagai lembayung yang menaungi perpaduan rakyat berbilang kaum dan agama serta memastikan keharmonian dan keadilan sosial dipertahankan.
3. Di samping itu, Kerajaan akan terus berusaha mempertingkatkan program-program yang sedia ada dan memperkenalkan program-program baru di peringkat sekolah rendah dan menengah melalui Kelab Rukun Negara dan juga di Institusi Pengajian Tinggi melalui Sekretariat Rukun Negara, dengan menyemai semangat setia kepada Raja dan Negara, sesuai dengan kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Kerajaan juga menggalakkan aktiviti-aktiviti penyelidikan yang mana boleh membantu menyebarkan maklumat atau memberi penerangan yang berterusan kepada generasi hari ini tentang Institusi

SOALAN: 28

Diraja. Generasi muda perlu diberi pendedahan yang secukupnya tentang institusi ini supaya ia sentiasa utuh sepanjang masa. Selain itu, ceramah dan penerangan melalui media arus perdana akan disebar luaskan bagi mengukuhkan pemahaman tersebut.

4. Namun, tiada sebarang indeks dibangunkan setakat ini untuk mengukur tahap kefahaman rakyat tentang Institusi Diraja memandangkan kes-kes penghinaan terhadap Institusi Diraja merupakan insiden-insiden yang terpencil. Secara amnya rakyat negara ini amat memahami dan menghormati akan fungsi dan peranan Institusi Diraja.
5. Kesimpulannya, Kerajaan menegaskan bahawa Institusi Diraja akan terus dijamin dan hubungan antara pihak Kerajaan dan Istana akan terus dipereratkan di samping sebarang provokasi dan tindakan yang menghina Institusi Diraja akan diambil tindakan tegas berdasarkan undang undang yang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN ASMAK BINTI
HUSIN
TARIKH : 23 APRIL 2019

Puan Asmak Binti Husin minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah kerajaan berhasrat untuk mengurangkan restoran 24 jam secara berperingkat mengikut keperluan.

SOALAN : 29

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang mengkaji sekatan mandatori operasi kedai makan selepas jam 12 malam di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Bagi Persekutaran Hidup Yang Sihat Bil.1/2018 pada 1 November 2018. Satu Garis Panduan berkaitan mekanisme pelaksanaan polisi untuk mengehadkan waktu operasi kedai makan dan restoran kepada 12 tengah malam akan disediakan oleh KPKT untuk keseragaman pelaksanaan di semua PBT. Sesi libat urus bersama PBT, Kementerian Kesihatan dan Persatuan Pengusaha Makanan akan dilaksanakan terlebih dahulu bagi melihat kebolehlaksanaan polisi ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK IR. YONG
WUI CHUNG
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Ir. Yong Wui Chung minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Sabah dilibatkan sama di dalam Skim Large Scale Solar 3 (LSS3) yang dianggarkan bernilai 2 bilion ringgit dan nyatakan daerah yang terlibat.

SOALAN : 30

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Negeri Sabah tidak terlibat dalam Program *Large Scale Solar 3* (LSS3) yang telah dibuka untuk bidaan kompetitif pada 27 Februari 2019.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 23 APRIL 2019 (SELASA)

Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah atau tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk mengawal pornografi dalam talian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bagi mengekang aktiviti ini dari terus menular, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengambil langkah antaranya menyekat akses ke laman porno, dan bekerjasama dengan pembekal Internet untuk menyediakan *filters* bagi menyekat akses tersebut. Walau bagaimanapun, tindakan sekatan ke atas sesuatu laman adalah berdasarkan kepada permintaan, aduan dan laporan daripada Kementerian dan agensi lain serta orang awam. Dari tahun 2016 sehingga 31 Mac 2019, SKMM telah melaksanakan tindakan sekatan ke atas sejumlah 3,858 laman pornografi.
2. Dari aspek penguatkuasaan, selain dari Kanun Keseksaan, tindakan undang-undang boleh diambil di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) terhadap pihak yang menyalahgunakan Internet termasuk menyimpan dan menyebarkan kandungan yang berbentuk sumbang, luah, palsu, atau jelik. Hukuman yang boleh dikenakan adalah penjara tidak melebihi 1 tahun atau denda sehingga RM50,000 atau kedua-duanya sekali.
3. Bermula tahun 2001, Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia (CMCF), sebuah forum industri yang terletak di bawah

SOALAN : 31

SKMM telah diwujudkan bagi menggubal dan membangunkan satu Kod Kandungan untuk pengamal industri dan juga pengguna awam. CMCF turut menerima aduan orang ramai melalui Biro Aduan CMCF bagi kandungan-kandungan yang tidak mematuhi Kod Kandungan merangkumi pelbagai medium utama termasuklah Internet. Selain itu, pelbagai kempen kesedaran dianjurkan oleh CMCF bagi menekankan kepentingan aspek kawal kendiri oleh pengguna sendiri.

4. Selain itu, ibu-bapa juga perlulah peka dan memainkan peranan di dalam mengawal selia penggunaan kemudahan komunikasi oleh anak-anak mereka. Dalam hal ini, Kementerian telah bekerjasama dengan Penyedia Perkhidmatan Internet di Malaysia untuk menyediakan Perkhidmatan *Parental Control Tools* bagi mengupayakan pengguna Internet, khususnya golongan ibu bapa, dengan kemudahan untuk memantau dan menyaring kandungan yang diakses oleh keluarga serta anak-anak, bagi mengelakkan penularan kandungan yang tidak diingini.

SOALAN : 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK TEO ENG TEE @
TEO KOK CHEE
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan semula skim MyDeposit yang sudah tamat seperti mana yang tertera di laman sesawang rasmi Kementerian.

SOALAN : 32

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Pelaksanaan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) yang diperkenalkan pada tahun 2016 adalah **sumbangan** deposit oleh Kerajaan iaitu bantuan 10% daripada harga rumah atau maksima RM30,000.00 kepada pembeli yang berjaya bagi pembelian rumah berharga RM500,000.00 dan ke bawah. Skim ini telah memberi manfaat kepada 2,264 pembeli rumah.
2. Secara keseluruhannya, sehingga 31 Disember 2018 jumlah sumbangan yang telah dibiaya oleh Kerajaan melalui skim MyDeposit adalah sebanyak RM61,673,343.94
3. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang menambahbaik skim berkenaan supaya skim ini dapat menyediakan sumber kewangan alternatif bagi membantu pembeli rumah pertama.
4. Antara cadangan mekanisme baharu di bawah perlaksanaan Skim ini adalah:-
 - i) Had **pinjaman** maksima 10% daripada harga belian rumah atau maksima RM30,000.00;

SOALAN : 32

- ii) Bayaran Faedah Perkhidmatan 2% mengikut kaedah *reducing balance*;
- iii) Tempoh maksimum bayaran balik selama 15 tahun; dan
- iv) Bayaran pinjaman bermula selepas 5 tahun dari tarikh Perjanjian Pinjaman Deposit ditandatangani.

Sekian, terima kasih.

SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK HJ. BASHIR BIN HJ.
ALIAS
TARIKH : 23 April 2019

Datuk Hj. Bashir bin Hj. Alias minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan pendidikan percuma bagi sekolah rendah agama yang merangkumi yuran buku teks khususnya di wilayah persekutuan.

SOALAN: 33

JAWAPAN:

**(YB. DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI) / (YB.
PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH, TIMBALAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Mulai tahun 2012, pendidikan percuma telah dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bagi Sekolah Rendah Agama (SRA), Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA) dan Sekolah Integrasi Rendah Agama JAWI (SIRAJ) melalui pengecualian bayaran yuran bulanan.

Pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) juga telah memberikan bantuan yuran bulanan dengan kadar RM 10.00 setiap murid selama 11 bulan setiap tahun sehingga kini.

Untuk makluman, MAIWP memberikan peruntukan bagi pengurusan SRA, SIRAJ dan KAFA seperti berikut :

Bil.	Tahun	Jumlah
1.	2017	28 juta
2.	2018	24 juta
3.	2019	24 juta

SOALAN: 33

Keseluruhan peruntukan yang diberikan ini bagi membiayai pendidikan Islam di Wilayah Persekutuan termasuk bantuan yuran bulanan percuma. Walaubagaimanapun, buku teks masih wajib dibeli oleh setiap orang murid.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' DR. ANANTHAN
A/L SOMASUNDARAM
TARIKH : 23 APRIL 2019

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah masalah yang dihadapi oleh pihak Kementerian untuk melantik Penolong Pengarah Bahasa Tamil di negeri Selangor yang kosong sekian lama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Selangor telah melaksanakan sesi temuduga bagi jawatan Penolong Pengarah Bahasa Tamil di negeri Selangor pada 8 Februari 2019. Pihak JPN Selangor telah mengenal pasti calon yang layak bagi mengisi kekosongan tersebut. Surat Arahan Penempatan telah dikeluarkan dan calon dijangka akan melapor diri pada 16 April 2019.

Sekian, terima kasih

SOALAN : 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI
MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**

TARIKH : 23 APRIL 2019

Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran Bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan mengambil tindakan ke atas Syarikat Cengal Jati Sdn Bhd yang gagal menyiapkan pembinaan Landasan Helikopter di Pulau Jarak yang telah menjelaskan operasi pembekalan logistik kepada anggota keselamatan yang bertugas di Pulau tersebut.

JAWAPAN:

YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL

TIMBALAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat yang sentiasa prihatin tentang projek-projek keselamatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil langkah proaktif bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan maritim negara dengan memastikan Projek Pembinaan Semula Infrastruktur Asas di Pulau Jarak termasuk pembinaan tapak pendaratan helikopter untuk kegunaan operasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan agensi penguatkuasaan yang berkaitan berjalan dengan lancar.
3. Pengawal projek iaitu Jabatan Kerja Raya sentiasa melakukan mesyuarat serta lawatan tapak bersama-sama wakil ATM bagi memastikan unjuran pelaksanaan projek menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak ATM. Kerajaan sentiasa memastikan semua projek yang dilaksanakan menepati skop perancangan, spesifikasi serta tempoh yang telah ditetapkan dan ini termasuklah Projek Pembinaan Semula Infrastruktur Asas di Pulau Jarak.

SOALAN : 35

4. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan juga memandang serius usaha untuk memastikan keselamatan perairan dan kedaulatan negara dengan melaksanakan pemantauan berterusan ke atas semua projek kerajaan termasuk projek ini. Jadi tidak timbul persoalan projek tersebut gagal disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' SRI TI LIAN
TARIKH : KER
: 23 APRIL 2019

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kajian impak yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian mengenai caj kesesakan yang diumumkan oleh Kerajaan dan bagaimanakah caj ini mampu untuk mengurangkan kadar kesesakan jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, caj kesesakan adalah caj boleh ubah atau *variable charge* yang bergantung kepada masa penggunaan. Ini akan menggalakkan pengguna lebuh raya untuk merancang perjalanan mereka pada waktu luar puncak dan mengurangkan kesesakan lalu lintas semasa waktu puncak. Dengan dasar baharu ini, pengguna lebuh raya pada waktu puncak juga akan menikmati pengurangan kesesakan lalu lintas berbanding dengan situasi semasa. Model caj kesesakan ini telah berjaya dilaksanakan di bandar seperti London, Singapura dan Stockholm untuk mengurangkan kesesakan di dalam bandar-bandar tersebut.

Caj kesesakan yang telah diumumkan oleh Kerajaan sebelum ini adalah berdasarkan rekod aliran trafik semasa. Kerajaan yakin melalui pemberian diskaun sehingga 30% pada waktu luar puncak dan kadar percuma pada waktu bukan puncak mampu mengubah corak aliran trafik sedia ada. Di samping itu, bagi tidak membebankan rakyat, Kerajaan akan mengekalkan caj kesesakan maksimum pada waktu puncak pada kadar tol sedia ada.

Struktur caj kesesakan ini akan dikaji secara lebih terperinci sebelum ianya dilaksanakan dan perubahan sewajarnya juga boleh dibuat sekiranya perlu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA PARLIMEN
KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' ONG CHONG SWEN
TARIKH : 23 APRIL 2019

Dato' Ong Chong Swen minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Menteri sedar bahawa terdapat banyak isu berkait dengan golongan wanita seperti ketidaksamaan peluang pekerjaan, "*marital rape*" dan lain-lain perkara yang belum diberikan perhatian wajar oleh Kerajaan. Adakah Kementerian akan meluangkan masa untuk mendapat maklum balas daripada NGO-NGO wanita di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Agenda pemerkasaan wanita bermula sejak Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) apabila ia dinyatakan secara khusus dalam “Bab

16: Wanita dalam Pembangunan”. Kepentingan peranan wanita dalam perancangan dan pembangunan negara telah pun dikenal pasti lebih awal sebelum Malaysia menyertai Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) pada tahun 1995. Kementerian seterusnya telah menyemak semula Dasar Wanita Negara yang telah diwujudkan pada tahun 1989 bagi menyediakan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita pada tahun 2009 selaras dengan komitmen antarabangsa Kerajaan terhadap CEDAW.

Kementerian menyedari masih wujud cabaran dan isu yang melibatkan golongan wanita dalam pelbagai aspek seperti yang tersenarai dalam Dasar Wanita Negara antara lain adalah peluang pekerjaan dan isu perkahwinan dan penceraian. Oleh yang demikian, antara inisiatif Kementerian ialah menyediakan draf undang-undang gangguan seksual bagi mewujudkan persekitaran yang selamat, melindungi wanita serta memberi wanita peluang untuk sama-sama memperkasakan diri setanding dengan lelaki terutamanya daripada segi tenaga buruh.

Dalam merealisasikan hasrat untuk mencapai kesaksamaan gender dan pembangunan negara yang seimbang dan lestari, Kementerian tidak pernah bergerak sendiri dan sentiasa bekerjasama secara aktif dengan pihak berkepentingan termasuk NGO.

SOALAN : 37

Kementerian melihat NGO sebagai rakan strategik (*strategic partner*) yang melengkapi usaha Kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan sehingga ke peringkat akar umbi. Bagi kerjasama dengan NGO berkaitan hal ehwal wanita, Kementerian telah bekerjasama dengan gabungan NGO seperti *Joint Action Group (JAG)*, *Women's Aid Organisation (WAO)*, *National Council of Women's Organisations (NCWO)* dan IKRAM dalam melaksanakan program dan aktiviti pembangunan wanita. Kementerian akan sentiasa memberi peluang dan meluangkan masa untuk mendapatkan maklum balas daripada NGO-NGO wanita. Antaranya, Kementerian sentiasa melibatkan NGO dalam penggubalan kerangka perundangan dan polisi-polisi berkaitan wanita.

Kementerian mengalui-alukan kerjasama bersama NGO yang mempunyai kepakaran dan keupayaan dalam menangani isu tertentu dan sudah tentu dapat membantu Kementerian melaksanakan program pembangunan wanita secara cekap dan berkesan. Sehubungan itu, Kementerian amat berbesar hati sekiranya ada NGO lain atau baharu yang ingin menjadi rakan strategik Kementerian bagi mencapai agenda kesaksamaan gender di Malaysia kerana tanggungjawab ini harus dipikul bersama semua pihak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK ABDUL GHANI
BIN MOHAMED YASSIN
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam membantu anak-anak siswa siswi Sabah Sarawak yang tinggal di semenanjung dari segi kebijakan mereka seperti tiket penerangan dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan dua (2) bentuk program bantuan kewangan bagi membantu kumpulan pelajar dari kelompok B40 iaitu;

1. bantuan Kewangan Pelajar Asasi Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA); dan
2. bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti.

Melalui dua (2) bentuk bantuan kewangan di atas, pembiayaan pelajar merangkumi yuran pengajian dan penginapan serta turut akan menerima elaun wang saku setiap bulan dari RM300 – RM350. Bagi Bantuan Kewangan Pelajar Asasi IPTA, Kementerian juga akan membiayai pembelian tiket kapal terbang pergi dan balik (sekali sahaja) kepada pelajar dari Sabah dan Sarawak.

Selain, itu, peruntukan tahun 2019 bagi setiap program ini adalah sebanyak RM33,320,000.00 bagi Bantuan Kewangan Pelajar Asasi IPTA dan RM24,308,740.00 untuk Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN LIM HUI YING
TARIKH : 23 APRIL 2019

Puan Lim Hui Ying minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan dalam sektor pendidikan, sektor swasta dan juga sektor perkhidmatan awam untuk memupuk semangat muhibah dan integrasi pelbagai kaum bagi mewujudkan hubungan etnik yang lebih mesra dan harmoni.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memupuk semangat muhibah dan integrasi pelbagai kaum melalui inisiatif di bawah Sektor Pendidikan seperti berikut:

- a) PERPADUAN melalui **1,781** kelas **Tabika Perpaduan** di seluruh negara mengguna pakai silibus Kurikulum Standard Pra Sekolah Kebangsaan di bawah Kementerian Pendidikan yang meletakkan keutamaan perkembangan potensi murid secara menyeluruh dan bersepada dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Di samping itu, PERPADUAN juga sentiasa berusaha menerapkan semangat muhibah dan nilai-nilai perpaduan dalam kalangan kanak-kanak pra-sekolah bermula seawal 4 hingga 6 tahun melalui pengisian aktiviti merangkumi elemen silang budaya dan nilai-nilai perpaduan. Anak-anak ini dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami, menghayati dan meraikan perbezaannya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.
- b) Penubuhan **Kelab Rukun Negara** (KRN) di sekolah rendah dan menengah serta **Sekretariat Rukun Negara** (SRN) di institusi pengajian tinggi awam dan swasta dengan kerjasama erat

Kementerian Pendidikan Malaysia. PERPADUAN dari masa ke semasa sentiasa memantau dan mengukur keberkesanannya pelaksanaan pelbagai program yang menyasarkan kepada golongan remaja dan belia melalui penubuhan 6,458 Kelab Rukun Negara (KRN) di peringkat sekolah dan 164 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di Institusi Pengajian Tinggi. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-bibit perpaduan dan rasa kekitaan serta menyemaikan rasa cinta kepada negara.

- c) Mendidik atas silang budaya melalui **Modul Silang Budaya** yang diperkenalkan kepada pelajar dan Guru Penasihat Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah. Pendidikan melalui modul ini merupakan pendedahan kebersamaan untuk membolehkan para pelajar memahami dan menghormati bahasa, agama dan budaya kaum-kaum lain serta menerima dan menghargai kepelbagaian tersebut.

PERPADUAN sebagai agensi peneraju yang bertanggungjawab untuk memperkasakan perpaduan dan keharmonian sentiasa bergerak bersama-sama dan mendapat sokongan dari Sektor Swasta, melalui inisiatif seperti berikut:

- a) Mengadakan jalinan kerjasama dengan **Rakan Perpaduan** yang merupakan rakan strategik PERPADUAN yang telah banyak menyokong dan membantu dalam menjayakan program perpaduan dan keharmonian. Rakan Perpaduan ini terdiri

SOALAN : 39

daripada badan korporat/swasta dan badan bukan kerajaan yang bersedia menyumbang dana dan sumber ke arah peningkatan perpaduan dalam kalangan rakyat negara ini sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka. Jaringan dan kerjasama strategik bersama pihak swasta, pertubuhan/persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan (NGO) sebagai inisiatif untuk memperluaskan sinergi jaringan dan menyebarluaskan mesej-mesej perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat.

b) Program Latihan Industri Perpaduan terdiri daripada **PLIP Fasa 1** yang memberi peluang penempatan kepada pelajar bumiputera menjalani latihan industri di syarikat bukan bumiputera. Manakala, **PLIP Fasa 2** menempatkan pelajar bukan bumiputera menjalani latihan industri di syarikat bumiputera. Pelaksanaan program ini sebagai kaedah menggalakkan silang kerjaya untuk pengukuhan perpaduan dan menerapkan unsur-unsur silang budaya, pemahaman antara agama, *inter-faith* dan penerimaan antara kaum. Pelaksanaan PLIP dilaksanakan dengan jayanya di atas sokongan dan komitmen dari sektor swasta yang terdiri dari syarikat bukan bumiputera dan syarikat di bawah GLC. Seramai lebih dari 1,000 pelajar terlibat dalam program ini setiap tahun.

Di samping itu, PERPADUAN juga sentiasa komited dalam memastikan nilai-nilai perpaduan dan integrasi diterapkan di dalam sektor perkhidmatan awam melalui program-program berikut:

a) Program Orientasi/Integrasi Pegawai Persekutuan Perkhidmatan Awam memberi peluang kepada Pegawai Persekutuan Perkhidmatan Awam untuk lebih mengenali dan

memahami adat budaya dan cara hidup masyarakat setempat. Pengisian program ini disusun untuk menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi nasional bagi memberikan kesan yang signifikan dalam mempercepatkan proses integrasi, meningkatkan persefahaman, semangat perpaduan dan semangat persaudaraan antara masyarakat Semenanjung, Sabah, Sarawak dan WP Labuan.

b) **Program My Rukun Negara** dilaksanakan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang bertujuan untuk menyuburkan amalan dan pembudayaan prinsip Rukun Negara kepada mahasiswa yang merupakan barisan pemimpin masa depan negara. PERPADUAN juga telah mengambil langkah awal dengan menekankan pelaksanaan Program My Rukun Negara di peringkat Institut Pendidikan Perguruan sebagai persediaan kepada bakal guru yang akan bertugas sebagai pendidik anak bangsa. Pengisian program ini disusun agar dapat meningkatkan pemahaman, penerimaan dan hormat-menghormati kepelbagaian adat budaya di negara ini kepada bakal pendidik dan guru agar ilmu yang mereka pelajari dapat disampaikan kepada para pelajar mereka untuk turut menerima dan meraikan kepelbagaian yang wujud dalam kalangan rakan-rakan sebaya mereka.

PERPADUAN telah merancang untuk melipatgandakan pelbagai usaha untuk membentuk masyarakat yang lebih bersatu-padu dan berintegrasi di negara ini, namun usaha-usaha tersebut tidak dapat dilaksanakan tanpa kerjasama semua pihak kerana usaha memelihara perpaduan bukanlah tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi tanggungjawab bersama semua lapisan masyarakat di negara ini.

SOALAN : 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI MOHD SUHAIMI
BIN ABDULLAH**

TARIKH : 23 APRIL 2019

Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa sehingga hari ini kes penipuan atau 'scammers' sukar didakwa dan adakah terdapat kajian dilakukan untuk memastikan mereka boleh didakwa.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian memandang serius kes-kes penipuan yang berlaku di dalam negara termasuk kes penipuan telekomunikasi atau dikenali sebagai “Macau Scam” yang menyebabkan kerugian yang besar kepada mangsa.

Di antara pendekatan dan inisiatif yang diambil bagi menangani isu jenayah scammer adalah:-

- i) Dengan membangunkan satu portal oleh PDRM untuk memudahkan masyarakat untuk menyemak nombor telefon sindiket dan akaun-akaun bank yang digunakan oleh sindiket untuk memindahkan wang mangsa ke akaun sindiket boleh disemak di portal ini. Alamat portal PDRM ini boleh dicapai melalui <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule;>
- ii) Dengan mengadakan kempen kesedaran di radio dan television di RTM dan juga media lain. Dalam mengadakan kempen-kempen ini, pihak kementerian telah menjemput pihak polis dan lain agensi yang berkaitan dalam siasatan jenayah ini untuk memberi ceramah-ceramah kesedaran tentang penipuan jenayah scammer kepada orang awam;
- iii) Mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001. Selain itu, tindakan pencegahan turut diambil dibawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA);
- iv) Menjalankan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan sama ada di dalam mahupun di luar Negara untuk memastikan suspek dikesan dan ditangkap dan seterusnya dibawa ke muka pengadilan;

SOALAN : 40

- v) Pihak Kementerian juga berusaha untuk mengkaji serta membuat cadangan pindaan bagi memantapkan lagi Akta-akta yang sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Kanun Acara Jenayah dan lain-lain akta yang berkaitan selaras dengan perkembangan masa kini untuk tujuan kelancaran siasatan; dan
- vi) Menubuhkan pasukan petugas khas yang terdiri daripada lain-lain agensi penguatkuasa tempatan dan luar negara, pakar industri serta penyedia perkhidmatan online dalam usaha mengekang aktiviti jenayah atas talian memandangkan jenayah ini beroperasi merentasi sempadan negara. Jenayah siber turut dimasukkan sebagai salah satu komponen jenayah rentas sempadan di peringkat kerjasama ASEAN.

Jumlah kes yang melibatkan sindiket penipuan atas talian (online scammer) di Malaysia pada tahun 2018 adalah 4,965 kes dengan melibatkan jumlah kerugian sebanyak RM224,653,895.18. Untuk tahun 2017 sebanyak 4,178 kes direkodkan dengan kerugian adalah RM99,984,423.00. Dari jumlah 4,965 kes tersebut sebanyak 689 kes (13.9%) telah dituduh di mahkamah dengan melibatkan seramai 888 orang.

Walaubagaimanapun masih terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kes jenayah siber sukar di tuduh. Antaranya ialah :-

- i) Penggunaan peralatan dan teknologi spoofing atau VPN (*Virtual Private Network*) oleh penjenayah yang menyebabkan kesukaran kepada pihak berkuasa untuk mengesan penjenayah;
- ii) Kebanyakan penjenayah siber gemar menggunakan keldai akaun bagi menerima wang dari mangsa. Rantaian keterangan di antara penjenayah dengan keldai akaun kadang kala sukar dibuktikan sekaligus menyebabkan pendakwaan tidak dapat di lakukan;

SOALAN : 40

- iii) Terdapat sindiket penipuan atas talian yang beroperasi di luar negara dan ianya sukar untuk di kesan; dan
- iv) Masih lagi terdapat ruang dan kelemahan mengenai perkongsian maklumat diantara pihak PDRM dengan Syarikat Telekomunikasi serta Industri Bank berkaitan maklumat kegiatan penipuan atas talian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK MUSTAPA KAMAL
BIN MOHD YUSOFF**

TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Mustapa Kamal Bin Mohd Yusoff minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pelajar-pelajar yang terdedah kepada kes pencemaran Sungai Kim Kim. Adakah mereka akan mengalami masalah kesihatan jangka panjang atau tidak.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bermula daripada 7 sehingga 23 Mac 2019, kumulatif kes yang dilaporkan di Negeri Johor berikutan kes pencemaran Sungai Kim Kim adalah seramai 5,905 orang. Daripada jumlah itu, seramai 978 kes dimasukkan ke wad dan 4,927 adalah dirawat sebagai pesakit luar. Tiada kes baru dilaporkan semenjak dari tarikh 24 Mac 2019. Dalam tempoh yang sama, kumulatif kes yang dilaporkan dari negeri-negeri lain selain dari Negeri Johor adalah sebanyak 306 kes, iaitu terdiri daripada mereka yang terdedah kepada pencemaran Sg. Kim Kim tetapi telah mengunjungi negeri-negeri lain terutamanya semasa cuti pertengahan penggal satu persekolahan yang bermula daripada 22 Mac 2019 (Jumaat) sehingga 30 Mac 2019 (Sabtu) di Negeri Johor. Daripada jumlah itu, seramai 183 kes dirawat sebagai pesakit luar dan 123 kes dimasukkan ke wad. Secara keseluruhannya, daripada 7 sehingga 23 Mac 2019 (**tiada kes baru dilaporkan bermula 24 Mac 2019**), kumulatif kes yang dilaporkan adalah 6,211. Daripada jumlah tersebut, seramai 5,110 kes (82.3%) dirawat sebagai pesakit luar manakala 1,101 kes (17.7%) dimasukkan ke wad.

Setakat ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak menjangkakan ada masalah jangka panjang yang akan berlaku kepada pelajar-pelajar ini kerana tempoh pendedahan terhadap bahan kimia ini adalah singkat atau akut dan bukan berpanjangan atau kronik. Semua pelajar yang terdedah kepada bahan kimia tersebut telah didiscaj dalam keadaan sihat tanpa komplikasi serius. Namun begitu, KKM akan terus melakukan pemantauan kesihatan yang khusus ke atas

SOALAN : 41

pelajar-pelajar ini bagi memastikan sebarang kesan sampingan yang mungkin dialami, sekiranya berlaku, dapat dikesan dan ditangani pada peringkat awal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS
TARIKH : 23 APRIL 2019

Puan Hajah Rahemah Binti Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian kepada penganjuran himpunan LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender) yang telah mencemarkan sambutan Hari Wanita Sedunia di Dataran Merdeka yang lalu.

SOALAN: 42

JAWAPAN:

**(YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, umum mengetahui bahawa tarikh 8 Mac setiap tahun merupakan Sambutan Hari Wanita Sedunia yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai Hari Wanita Antarabangsa bagi menghargai dan mengiktiraf kejayaan yang diperoleh golongan wanita di seluruh negara tanpa mengira latar belakang, etnik, bahasa, budaya, ekonomi sekalipun politik.

Negara kita tidak ketinggalan meraikan hari tersebut bagi menghargai jasa dan perjuangan kaum wanita di Malaysia. Pada tahun ini sambutan tersebut telah diadakan pada 9 Mac 2019 di Dataran Merdeka dengan tema “Hentikan Keganasan, Hormati Perempuan”. Walau bagaimanapun, perhimpunan tersebut menerima pelbagai laporan yang dikatakan menjadikan perhimpunan ini sebagai medan LGBT.

Berhubung dengan isu ini, pihak PDRM telah menjalankan siasatan dibawah Seksyen 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 dan Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 berdasarkan laporan yang diterima di IPD Dang Wangi.

Pihak pengajur telah pun dipanggil ke IPD Dang Wangi untuk diambil keterangan pada 18 Mac 2019 dan sehingga kini tiada tangkapan dibuat berhubung kes ini. Kertas Siasatan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya dan telah di NFA (*No Further Action*) pada 18 Mac 2019.

SOALAN : 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN KHAIRUL AZWAN
HARUN**

TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Khairul Azwan Harun minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah KPI ataupun sasaran kontinjen pasukan Malaysia bagi menghadapi Sukan SEA di Filipina.

SOALAN : 43

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, temasya Sukan SEA 2019 akan berlangsung pada 30 November hingga 10 Disember 2019 di Filipina. Temasya dwi tahunan ini akan mempertandingkan sebanyak 524 acara daripada 56 jenis sukan.
2. Jumlah penyertaan kontinjen negara dalam sukan dan acara yang dipertandingkan kali ini akan dibincangkan serta diputuskan oleh Majlis Olimpik Malaysia (MOM) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan yang akan diadakan pada 25 April 2019.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) akan mengkaji dan menetapkan bilangan sasaran pingat emas kontinjen negara setelah keputusan penyertaan kontinjen mengikut sukan diputuskan dalam mesyuarat tersebut. Pada masa yang sama juga, proses penilaian akan dilakukan dari semasa ke semasa berdasarkan prestasi semasa atlet negara serta negara lain.
4. Pencapaian terbaik kontinjen Malaysia adalah di Temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dengan pungutan sejumlah 144 emas, 92 perak dan 86 gangsa sekali gus menjadi juara keseluruhannya.

SOALAN : 43

Sebanyak 38 jenis dan 404 acara sukan dipertandingkan dengan penglibatan seramai 845 atlet dan 390 pegawai dan jurulatih.

5. Sukan dan acara yang sering menjadi tumpuan emas kontinen Malaysia telah dikurangkan jumlahnya di mana Filipina sebagai pihak pengajur telah menyenaraikan sukan-sukan baru yang akan memberi kelebihan kepada negaranya. Oleh yang demikian, sasaran pada Sukan SEA kali ini akan mengambil kira faktor tersebut bagi memastikan pencapaian negara adalah realistik dan kompetitif.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' SRI KHAIRUDIN BIN E.S.
ABD SAMAD
TARIKH : 23 APRIL 2019

Dato' Sri Khairudin Bin Abd Samad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan menangani masalah permohonan warga asing yang berkahwin dengan warga negara Malaysia mendapatkan taraf penduduk tetap.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat, dijelaskan bahawa warga asing dalam konteks soalan ini merujuk kepada warga asing yang masuk secara sah dan mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

Terdapat garis panduan yang khusus bagi menguruskan permohonan warga asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia dan berhasrat untuk mendapatkan taraf Pemastautin Tetap selaras dengan peruntukan perundangan yang berkuat kuasa. Setiap permohonan akan diteliti secara terperinci bagi memastikan kemudahan ini tidak disalah guna.

Sebelum seseorang mendapat taraf Pemastautin Tetap melalui permohonan di Jabatan Pendaftaran Negara, pemohon perlu mendapat kelulusan Permit Masuk dari Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Pemberian Permit Masuk kepada warga asing adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 10 (1) dan Seksyen (2) Akta Imigresen 1959/63 yang memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah Imigresen untuk mengeluarkan Permit Masuk berdasarkan syarat dan prosedur yang ditetapkan.

Pasangan kepada warganegara Malaysia layak dipertimbangkan pemberian Permit Masuk kerana termasuk dalam kategori orang yang

SOALAN : 44

dikecualikan daripada larangan kemasukan di bawah Perintah Imigresen (Larangan Masuk) 1963. Walau bagaimanapun, permohonan Permit Masuk golongan ini masih tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia seperti berikut:

- i) Pemohon perlu mempunyai Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang Pasangan kepada warganegara untuk tempoh melebihi lima (5) tahun;
- ii) Pemohon perlu mendaftar perkahwinan di Malaysia;
- iii) Pemohon perlu melepassi tapisan keselamatan (halus) daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan bebas daripada Senarai Syak / Senarai Hitam Jabatan Imigresen Malaysia (JIM); dan
- iv) Pemohon perlu melalui sesi temu duga dan naziran bagi memastikan perkahwinan benar-benar wujud dan teratur.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK THEODORE
DOUGLAS LIND
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Theodore Douglas Lind minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan akan menambah peruntukan bagi Kerajaan Negeri Sabah supaya pembangunan Negeri Sabah akan lebih seimbang dengan Semenanjung Malaysia seperti mana Titah KDYMM Yang Dipertuan Agong pada pembukaan Parlimen pada 11hb Mac 2019.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sabah merupakan antara negeri yang menerima peruntukan terbesar di bawah Perbelanjaan Pembangunan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi memastikan pembangunan Negeri Sabah tidak terjejas dan lebih seimbang dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Peruntukan pembangunan bagi Negeri Sabah pada tahun 2019 telah meningkat kepada RM5,032 juta berbanding tahun 2018 iaitu sebanyak

RM4,276 juta. Antara projek pembangunan yang sedang dilaksanakan antaranya adalah Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Negeri Sabah dan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Sistem Solar Hibrid. Selain daripada peruntukan pembangunan ini, Kerajaan Persekutuan juga menyediakan geran tahunan kepada Sabah iaitu sebanyak RM1.092 bilion pada tahun 2017 dan telah meningkat kepada RM1.4 bilion pada tahun 2018. Ini menunjukkan Kerajaan amat perihatin dan tidak meminggirkan mana-mana negeri dalam memastikan pembangunan yang lebih seimbang sama ada di Sabah dan juga di Semenanjung Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK JOHN AMBROSE

TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk John Ambrose minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) adakah polisi serta syarat-syarat pengambilan pekerja asing di Sabah, Sarawak dan Semenanjung perlu setara atau ia lebih baik berdasarkan keperluan zon masing-masing; dan
- (b) tentang pertindihan (overlapping) di antara Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri berkaitan dengan polisi serta permohonan mengambil pekerja asing untuk keperluan industri.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk menjawab soalan (a), pengurusan pekerja asing di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah mengikut bidang kuasa masing-masing seperti yang termaktub di bawah undang-undang Persekutuan dan Negeri. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) serta Kementerian-Kementerian lain yang berkaitan hanya menggubal dan melaksanakan polisi pengurusan pekerja asing bagi pekerja asing yang bekerja di Semenanjung Malaysia sahaja. Sementara itu, polisi serta syarat-syarat penggajian pekerja asing (pekerja bukan pemastautin) di Sabah dan Sarawak pula adalah berdasarkan kepada autonomi serta kepentingan negeri masing-masing selaras dengan peruntukan undang-undang berkaitan dengannya di bawah Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76).

Bagi menjawab soalan (b) pula, secara dasarnya tidak ada pertindihan (*overlapping*) di antara bidang kuasa KSM dan KDN mengenai polisi pengurusan pekerja asing serta permohonan penggajian pekerja asing di Semenanjung Malaysia. Secara umumnya, KSM dan KDN mempunyai fungsi dan peranan masing-masing yang turut ditentukan dan dikawal oleh peruntukan undang-undang di bawah Akta yang berkuatkuasa di bawah kedua-dua Kementerian selain daripada Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

SOALAN : 46

- (i) KSM bertanggungjawab dalam penggubalan dasar-dasar berkaitan guna tenaga negara, pemantauan pematuhan akta-akta yang digariskan, mengadakan kerjasama bilateral dengan negara sumber, pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh, keselamatan sosial serta mengawal selia Sistem Permohonan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx). Sebagai contoh, antara Akta yang berkaitan dalam pelaksanaan fungsi dan peranan KSM adalah Akta Kerja 1955, Akta Pekerjaan dan Standard Perburuhan, Akta Keselamatan Sosial dan lain-lain; dan
- (ii) Manakala KDN pula berperanan untuk memelihara keselamatan dan ketenteraman awam, menguruskan hal ehwal imigresen dan pengurusan pekerja asing termasuk dasar migrasi, dasar visa dan pas, kawalan pintu masuk, penguatkuasaan, menguruskan pembangunan sistem-sistem keimigresenan, menyelaras permohonan penggajian pekerja asing melalui Pusat Kelulusan Setempat (*One Stop Centre - OSC*), Kementerian Dalam Negeri serta lain-lain berkaitan hal ehwal pendaftaran negara dan pertubuhan, pemulihan pesalah dan pelaksanaan hukuman, membasmi pengedaran dan penagihan dadah serta lain-lain fungsi yang berkaitan dengan keselamatan dalam negeri. Antara Akta yang berkaitan dalam pengurusan keselamatan oleh KDN adalah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah) Khas 2012, Akta Imigresen 1959/67 (Akta 155) dan Peraturan-Peraturan Pasport 1966 (Akta 150) dan sebagainya.

SOALAN : 46

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pekerja Asing (JKKPA), Kali Ke-33, Bil. 2/2005 pada 05 Julai 2005 telah bersetuju untuk menubuhkan OSC di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) ketika itu atau kini dikenali sebagai KDN. Penubuhan OSC bertujuan merealisasikan hasrat kerajaan melaksanakan tadbir urus yang baik serta mengurangkan birokrasi seterusnya meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai. Perkara ini adalah selaras dengan objektif OSC KDN untuk mempercepatkan dan mempermudah pemprosesan permohonan pengambilan pekerja asing mengikut sektor-sektor yang dibenarkan setelah majikan gagal mengisi kekosongan jawatan dengan pekerja tempatan. Seterusnya, bagi menambah baik pelaksanaan dan pengoperasian OSC, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI), Kali ke-10, Bil. 1/2013 pada 1 Julai 2013 telah memutuskan supaya semua kelulusan pekerja asing hanya dibuat di OSC KDN dan pegawai-pegawai Agensi Kawal Selia (AKS) ditempatkan secara sepenuh masa di OSC KDN. OSC KDN yang diurus setiakan oleh KDN turut terdiri daripada KSM dan lapan (8) AKS yang berperanan untuk menilai dan mempertimbangkan permohonan pengambilan pekerja asing mengikut sektor-sektor berkaitan. Senarai Agensi Kawal Selia mengikut sektor adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah.

SOALAN : 46**Jadual 1: Senarai AKS Mengikut Sektor**

BIL.	AKS	SEKTOR
1.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	Perkilangan
2.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	Pertanian
3.	Kementerian Industri Utama	Perlادangan
4.	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia	Pembinaan
5.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	Sub-sektor Restoran (Tukang Masak), dan Pembersihan Pencucian
6.	Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya	Sub-sektor spa, refleksologi, hotel, kedi (lelaki), pulau peranginan dan taman tema
7.	Kementerian Pengangkutan Malaysia	Pengendalian Kargo (Pelabuhan dan Lapangan Terbang)
8.	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli	Perlombongan dan Pengkuarian

SOALAN : 46

Mengenai prosedur memproses permohonan penggajian pekerja asing, sebelum permohonan majikan untuk menggaji pekerja asing dapat dipertimbangkan di OSC KDN, majikan terlebih dahulu perlu mengemukakan permohonan penggajian pekerja asing secara dalam talian melalui ePPAx yang dibangunkan dan dikawal selia oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), KSM. Dalam hal ini, pihak majikan dikehendaki untuk memohon dan sekiranya layak, majikan akan memperoleh sijil *Job Clearing System* (JCS) yang mempunyai tempoh sah laku selama tiga bulan daripada JTKSM, KSM. Sijil ini adalah sebagai sokongan kepada majikan yang memohon pekerja asing untuk memastikan kekosongan jawatan telah diiklankan dan tidak dapat diisi oleh rakyat tempatan. Pada masa yang sama, JTKSM juga akan menyemak kelayakan majikan untuk menggaji pekerja asing daripada segi pematuhan majikan terhadap undang-undang berkaitan perburuhan. Majikan yang didapati melakukan apa-apa kesalahan di bawah peruntukan undang-undang berkaitan perburuhan termasuk keselamatan sosial tidak akan dibenarkan untuk menggaji pekerja asing. Oleh itu, hanya majikan yang mematuhi peraturan dan dapat membuktikan kegagalan mengisi kekosongan dengan pekerja tempatan sahaja yang akan disokong oleh JTKSM untuk menggaji pekerja asing.

Seterusnya, setelah majikan memperoleh JCS, majikan pada bila-bila masa dalam tempoh tiga bulan mengikut kesesuaian boleh hadir ke OSC, KDN untuk ditemu duga oleh AKS mengikut sektor masing-masing bagi pertimbangan kuota penggajian pekerja asing berdasarkan keperluan sebenar majikan serta syarat dan nisbah kelayakan yang ditetapkan oleh AKS masing-masing.

SOALAN : 46

Sehubungan dengan itu, secara keseluruhan, dasar mengenai perburuhan dan perancangan guna tenaga negara ditentukan dan dikawal selia oleh KSM yang akan melihat daripada segi keperluan industri, pasaran graduan, kadar pengangguran dan aspek-aspek lain seperti kadar gaji, kemudahan dan sebagainya. Dalam hal ini, kajian dan polisi untuk membuka mana-mana sektor pekerjaan kepada warga asing juga tidak ditentukan oleh KDN; sebaliknya dikaji, disemak semula, ditetapkan dan dilaksanakan oleh KSM yang menerajui sesi libat urus dengan pemegang taruh (*stakeholders*) dalam menambah baik dasar-dasar berkaitan pengurusan pekerja asing secara komprehensif dan praktikal.

Namun demikian, walaupun majikan telah mematuhi semua kriteria yang ditetapkan oleh JTKSM dan AKS untuk menggaji pekerja asing, KDN sebagai sebuah Kementerian yang menerajui keselamatan dan keamanan dalam negeri masih mempunyai bidang kuasa dalam menentukan serta menguruskan urusan keluar masuk negara oleh warga asing sama ada bagi tujuan bekerja, belajar, melancong dan sebagainya. Justeru, sekali lagi ditegaskan bahawa tidak ada pertindihan (*overlapping*) antara Kementerian dalam menguruskan pekerja asing. Sebaliknya, pewujudan KSM, KDN dan AKS bertindak sebagai *check and balance* dalam menguruskan dan mengawal kemasukan pekerja asing ke negara ini secara kolektif, konsensus dan konstruktif.

SOALAN 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK HAJI ABIDULLAH
BIN SALLEH
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Haji Abidullah Bin Salleh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pembongkaran di media berhubung sindiket tertentu yang menjual sijil palsu bagi doktor falsafah dan individu yang menggunakan gelaran 'Doktor' dengan sewenang-wenangnya tanpa pemantauan. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian mengenai perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak KPM sentiasa memandang serius sebarang urusan yang melibatkan integriti dan pengiktirafan university awam (UA) dan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS). Bagi kes sijil-sijil palsu di UA dan IPTS, KPM bertindak berdasarkan aduan yang diterima menerusi saluran aduan yang telah disediakan. Sehingga hari ini, KPM telah menerima dua (2) kes aduan yang melibatkan pemalsuan Ijazah Kedoktoran (Ph.D) dan tindakan diambil oleh universiti berkaitan dengan membuat laporan kepada pihak berkuasa.

Antara usaha yang telah dimbil untuk menangani isu sijil palsu di UA dan IPTS oleh pihak Kementerian adalah dengan memperkenalkan sistem pemantauan dalaman, sebagai contoh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merupakan institusi pengajian tinggi pertama menggunakan Sistem Pengeluaran dan Pengesahan Universiti atau e-Scroll yang menggunakan teknologi *Blockchain*. Usaha jaminan kualiti dan pengesahan sijil ini telah dilanjutkan melalui penubuhan *consortium e-Scroll System* yang diketuai oleh UIAM bersama enam (6) lagi IPT lain.

Proses pengesahan dapat dibuat di seluruh dunia dengan pantas dengan mengimbas kod respon pantas atau kod QR yang dicetak pada ijazah berkenaan. Sistem e-Scroll ini turut diguna pakai di Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Dengan

SOALAN 47

menggunakan sistem ini, pihak-pihak berkepentingan seperti majikan boleh membuat semakan bagi menentukan kesahihan dan ketulenan sijil tersebut.

Bagi menyokong usaha ini, KPM telah membangunkan sistem pangkalan data bagi Penerima Ijazah Kehormat dan Ph.D di peringkat Kementerian. Pangkalan data ini melibatkan graduan Ph.D UA dan IPTS yang bergraduat di Malaysia sahaja. Sistem ini sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa. Bagi fasa seterusnya, penggunaan sistem ini akan diperluas ke peringkat sijil, ijazah sarjana muda dan sarjana di UA dan IPTS dalam negara dan juga kepada pengumpulan data Ph.D dari luar negara. Semakan nama boleh dilayari di pautan berikut: <https://dohe.moe.gov.my/award/>.

Dalam konteks pengurusan pendidikan tinggi swasta, pihak Kementerian sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas IPTS bagi memastikan IPTS sentiasa mematuhi akta dan peraturan di bawah Akta 555 (Akta IPTS 1996).

Bagi mengekang penularan kes-kes kelulusan akademik palsu yang semakin menjadi-jadi ketika ini, Kementerian telah mengambil pelbagai inisiatif yang mencakupi langkah pemantauan dan pencegahan serta tindakan bersifat punitif sekiranya mempunyai keterlibatan IPTS antaranya; bekerjasama dengan bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menyekat akses ke laman-laman sesawang yang disyak menawarkan atau menjual sijil palsu, perkongsian maklumat dan risikan dengan agensi penguatkuasaan lain, memberi penerangan dari semasa ke semasa

SOALAN 47

kepada masyarakat untuk meningkatkan kesedaran, semakan status program melalui Malaysia Qualification Agency (MQA) atau menggalakkan penggunaan teknologi dan ciri keselamatan terkini bagi menjamin ketulenan sijil dan lain-lain lagi.

Sebarang laporan berhubung perkara ini perlu dibuat kepada pihak PDRM untuk siasatan lanjut menerusi Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574) atau Akta Akuan Berkanun 1960 atau Peraturan 4(2)(f) dan (g) di bawah KDN, Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) bagi yang melibatkan penjawat awam atau mana-mana peruntukan perundangan yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih

SOALAN : 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK SR. HAJI HANAFI
BIN HAJI MAMAT
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Sr. Haji Hanafi Bin Haji Mamat minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan unjuran jangkaan royalti yang akan dibayar kepada Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun 2018/19 dan dari hasil telaga manakah royalti tersebut diberikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengemukakan saman terhadap Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) berhubung tuntutan royalti minyak di Mahkamah Tinggi pada 2011. Walau bagaimanapun, pada Oktober 2018 kerajaan negeri telah menyatakan hasrat untuk menarik balik saman tersebut.

2. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) menyambut baik hasrat Kerajaan Negeri Kelantan tersebut. YAB Perdana Menteri juga telah menyatakan persetujuan agar pembayaran royalti minyak terus kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Kerajaan Persekutuan akan membayar royalti minyak kepada Kelantan selepas urusan berkaitan prosiding penarikan balik saman terhadap PETRONAS dan Kerajaan selesai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN HAJAH SABANI
BINTI MAT
TARIKH : 23 APRIL 2019

Puan Hajah Sabani Binti Mat minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan dalam menangani obesiti dan diabetes memandangkan perangkaan menunjukkan bahawa Malaysia merupakan negara yang teratas dalam kategori ini. Apakah juga Kerajaan bercadang untuk menaikkan cukai ke atas minuman yang bergas memandangkan minuman ini adalah dianggap sebagai punca kepada perkara tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kerajaan sangat prihatin dan menyedari peningkatan prevalen obesiti dan diabetes di kalangan rakyat Malaysia. Sehubungan itu, Jawatankuasa Kabinet bagi Persekutaran Hidup yang Sihat (JKPHS) telah ditubuhkan pada tahun 2011. Ia merupakan satu platform yang bertindak bagi membincang dan mengenal pasti tindakan susulan bagi menangani penyakit tidak berjangkit (termasuk diabetes dan obesiti) yang memerlukan penglibatan aktif pelbagai Kementerian dan Agensi.

KKM juga sentiasa berusaha dan komited melaksanakan pelbagai program dan aktiviti melalui beberapa pelan tindakan jangka panjang yang telah dirancang bagi menangani masalah ini. Ini termasuklah Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit (2016-2025), Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia III (*National Plan of Action for Nutrition Malaysia, NPANM III*) (2016-2025) dan Pelan Strategik Aktiviti Fizikal Kebangsaan (2017-2025).

Strategi menangani obesiti telah dimulakan secara menyeluruh seawal di peringkat bayi, kanak-kanak sehingga dewasa mengikut *setting* merangkumi fasiliti kesihatan, institusi, sekolah, tempat kerja termasuk memperkasa komuniti. Selain daripada itu, kerjasama dengan pihak industri makanan dan minuman turut dijalankan dalam usaha mengurangkan kandungan gula, lemak dan garam di dalam produk makanan atau minuman yang dihasilkan.

SOALAN : 49

Pengenaan cukai eksais ke atas minuman manis bergula termasuk minuman bergas telah diumumkan dalam ucapan Bajet 2019 dan akan dilaksanakan pada 1 April 2019. Walau bagaimanapun, pelaksanaan ini ditangguhkan ke 1 Julai 2019 bagi memberi ruang kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan pihak industri membuat persediaan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB SENATOR DATUK THEODORE
DOUGLAS LIND**
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Theodore Douglas Lind minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah prestasi kedua-dua kapal selam yang dimiliki oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLD) memuaskan dan menyumbang kepada kekuatan pertahanan dan kedaulatan negara.

JAWAPAN: YB TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU,
MENTERI PERTAHANAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setelah hampir 10 tahun beroperasi kedua-dua buah kapal selam negara dari jenis Scorpene iaitu KD Tunku Abdul Rahman dan KD Tun Razak telah mempamerkan prestasi yang cemerlang dan membanggakan.

Kedua-dua buah kapal ini telah berjaya melaksanakan pelbagai tugas dan aktiviti yang telah meletakkan negara setanding dengan negara-negara pengoperasi kapal selam yang lain terutama di rantau Asia. Secara dasarnya, kapal selam negara telah berupaya beroperasi seperti yang dikehendaki berdasarkan kepada jumlah *operational availability* yang telah mencapai sasarannya setiap tahun. *Operational availability* bermaksud keadaan di mana kapal mampu untuk dioperasikan sebilang masa. Sehingga kini, kedua-dua buah kapal selam negara telah berjaya melakukan selaman melebihi dari 25,000 jam sejak ianya dioperasikan.

Kesimpulannya, dengan memiliki keupayaan kapal selam ini TLDM dilihat sebagai sebuah tentera laut yang lebih kredibel di mata dunia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR SURESH SINGH A/L
RASHPAL SINGH
TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Suresh Sing A/L Rashpal Singh minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:

- a) Jumlah tindakan yang telah diambil terhadap pihak majikan yang tidak mengikuti kadar gaji minima yang telah dikuatkuasakan baru-baru ini; dan

- b) Cara mana kadar gaji minima ini dapat digunakan atau dikuatkuasakan untuk pekerja-pekerja yang dibayar gaji secara “kadar jam”(hourly paid).

Jawapan

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan pelaksanaan gaji minimum dipatuhi oleh semua majikan di negara ini, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 02011 (Akta 732) telah memberikan kuasa kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Semenanjung Malaysia, JTK Sabah dan JTK Sarawak (JTK) untuk menjalankan penguatkuasaan dan penyiasatan berhubung pelaksanaan gaji minimum.

2. Dasar gaji minimum telah dikuatkuasakan sepenuhnya mulai 1 Januari 2014. Mulai dari Tarikh tersebut sehingga 31 Mac 2019, sebanyak 726 kes pendakwaan telah dijalankan ke atas majikan yang tidak mematuhi gaji minimum di seluruh negara. Daripada jumlah kes pendakwaan tersebut, sebanyak 513 kes pendakwaan melibatkan majikan di Semenanjung Malaysia, 131 kes pendakwaan melibatkan majikan di Sabah dan 82 kes pendakwaan majikan di Sarawak. Jumlah denda yang telah dikenakan bagi semua kes pendakwaan yang telah selesai di seluruh negara adalah sebanyak RM1,029,150.00.

SOALAN : 51

Tuan Yang di-Pertua,

3. Berkaitan dengan kadar gaji minimum dapat digunakan atau dikuatkuasakan untuk pekerja-pekerja yang dibayar gaji secara “kadar jam” (hourly paid), dalam Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018 telah dinyatakan bayaran gaji minimum mandatori adalah RM5.29 sejam untuk mereka yang dibayar gaji mengikut jam.
4. Kesimpulannya, Kerajaan melalui JTK sentiasa memantau secara berterusan aspek pematuhan gaji minimum. Jika mana-mana pihak pekerja mendapat gaji minimum tidak dipatuhi oleh majikan mereka, adalah disyorkan supaya aduan dibuat di pejabat JTK yang berdekatan dengan tempat kerja.

SOALAN:52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN ISMAIL BIN YUSOP

TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Ismail bin Yusop minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu ekstremis agama dan bangsa yang semakin menjadi kebimbangan rakyat yang berbilang kaum memandangkan Kerajaan Pakatan Harapan mengambil pendekatan Rahmatan lil alamin iaitu Rahmat untuk semua.

SOALAN:52

JAWAPAN:

**(YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani isu ekstremis agama dan bangsa ini, kerajaan komited menjalankan pelbagai usaha melalui mekanisme-mekanisme yang ada seperti berikut:

- (i) Memperkenalkan Gagasan Negara Rahmah bertunjangkan Rahmatan Lil Alamin dan Maqasid Syariah yang akan memperlihatkan sifat inklusif ajaran Islam dan mampu menjadi model yang progresif bagi mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan hidup rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini.
- (ii) Memperkuuhkan peranan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian antara Penganut Agama (JKMPKA) kearah menggalak serta memantapkan iklim perhubungan yang baik dalam kalangan pemimpin serta penganut pelbagai agama dalam usaha mewujudkan persahabatan berteraskan semangat saling hormat-menghormati dan bekerjasama di semua peringkat kepemimpinan serta akar umbi.

Selaras dengan titah perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan pembukaan Penggal Kedua Sidang Parlimen ke-14 pada 11 Mac 2019 dan juga keputusan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-65 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 Mac 2019 yang telah

SOALAN:52

bersetuju terhadap pelaksanaan Gagasan Negara Rahmah, JAKIM dengan kerjasama semua agensi akan mengadakan program-program penjelasan secara menyeluruh bagi merealisasikan matlamat Negara Rahmah tersebut.

Selain itu, Kerajaan melalui JAKIM telah mengambil segala langkah dan usaha melebarluaskan dakwah berkonsepkan Rahmatan lil Alamin melalui program-program yang melibatkan pelbagai agensi dan lapisan masyarakat. Sebagai contoh, program Masjid RAHMAH, RAMAH (Rakan Masjid Hospital), Himpunan Solidariti Kedamaian dan Round Table Discussion (RTD) Bersama Ulama Berkaitan Isu Perpaduan. Program yang dirancang dan dijalankan tersebut adalah bertujuan untuk meningkatkan kefahaman Islam sebagai agama rahmah untuk semua lapisan masyarakat dan seterusnya menangani isu-isu yang berkaitan dengan ekstremis agama dan bangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM

TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah terkini Pegawai Kadet ATM yang menjalani Rancangan Pengurusan Latihan (RPL) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mengikut bidang pengajian sehingga Mac 2019.

**JAWAPAN: YB TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU,
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah Pegawai Kadet (PK) yang mengikuti pengajian dan latihan ketenteraan atas tajaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) setakat Mac 2019, mengikut tahun pengambilan pengajian adalah seramai 1,042 PK. Pecahan mengikut bidang pengajian adalah seperti berikut:

- | | | |
|-----|--|----------|
| 1. | Perubatan | - 69 PK |
| 2. | Kejuruteraan Awam | - 56 PK |
| 3. | Kejuruteraan Mekanikal | - 74 PK |
| 4. | Kejuruteraan Elektronik dan Elektronik Kuasa | - 91 PK |
| 5. | Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Komunikasi | - 58 PK |
| 6. | Kejuruteraan Sains Komputer Sistem Cerdas | - 51 PK |
| 7. | Kejuruteraan Sains Komputer Keselamatan Sistem | - 84 PK |
| 8. | Kejuruteraan Sains Komputer | - 9 PK |
| 9. | Teknologi Maritim | - 98 PK |
| 10. | Sumber Manusia | - 248 PK |
| 11. | Sains Sosial (Bahasa dan Komunikasi Silang Budaya) | - 8 PK |
| 12. | Pertahanan dan Keselamatan | - 18 PK |
| 13. | Strategi Pertahanan | - 120 PK |

SOALAN : 53

- | | | |
|-----|----------------------------------|---------|
| 14. | Pertahanan dan Keselamatan Islam | - 14 PK |
| 15. | Undang-Undang | - 7 PK |
| 16. | Sains Penerbangan | - 23 PK |
| 17. | Pengurusan Logistik | - 14 PK |

SOALAN : 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI YAHAYA BIN MAT
GHANI @ ABBAS**

TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan bahawa sektor swasta dapat memberi pekerjaan kepada penjawat awam yang akan diberhentikan, berikutan daripada rancangan Kerajaan untuk mengurangkan bilangan penjawat awam.

JAWAPAN:

YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dalam proses untuk menstruktur semula jumlah perjawatan dalam perkhidmatan awam berdasarkan kedudukan ekonomi negara dan perkembangan teknologi semasa melalui pelbagai kaedah/mekanisme dan langkah antaranya kajian pertindihan fungsi antara jabatan/agensi, rasionalisasi perjawatan, pengoptimuman sumber manusia, serah urus fungsi (*outsourcing*), penyampaian perkhidmatan alternatif (*Alternative Service Delivery*), penswastaan, penggunaan teknologi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan. Kerajaan berpandangan jumlah perjawatan boleh dikurangkan tanpa menjaskan prestasi penyampaian perkhidmatan dan punca pendapatan pegawai yang terlibat. Sehubungan itu, Kerajaan menjangkakan ianya tidak akan memberi kesan kepada tugas-tugas sedia ada memandangkan perjawatan yang dimansuhkan ini merupakan jawatan kosong yang tidak diperlukan dan tidak melibatkan penyandang sedia ada.

Langkah penstrukturran agensi masih dalam peringkat penelitian dan Kerajaan akan memberi pilihan kepada pihak terbabit apabila ia dilaksanakan. Kerajaan akan memastikan kakitangan awam berkenaan tidak kehilangan pekerjaan dan boleh berpindah ke sektor swasta. Di samping itu, fungsi-fungsi tertentu yang dilaksanakan oleh jabatan/agensi

SOALAN : 54

kerajaan yang boleh menjana hasil secara konsisten dan berdaya maju adalah berpotensi untuk diswastakan. Melalui penswastaan, keupayaan dan kemampuan untuk menjana pendapatan sendiri dapat dipertingkatkan serta mengurangkan pembiayaan kerajaan terhadap perbelanjaan operasi jabatan/agensi berkenaan. Dengan perkembangan teknologi terkini, Kerajaan percaya perkhidmatan awam akan lebih produktif apabila pembaziran dihapuskan, pengagihan sumber dioptimumkan dan guna tenaga diganti dengan penggunaan teknologi terkini serta komputer. Kerajaan berhasrat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di sektor swasta dengan gaji yang lebih lumayan bagi mengurangkan pergantungan rakyat terhadap pekerjaan di sektor awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI HUSAIN BIN
AWANG
TARIKH : 23 APRIL 2019

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan dasar dan inisiatif bagi memastikan golongan wanita dapat berperanan secara seimbang antara keluarga dan kerjaya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan golongan wanita dapat berperanan secara seimbang antara keluarga dan kerjaya beberapa inisiatif telah dirangka oleh Kerajaan. Antaranya:

- (i) Melipatgandakan pewujudan persekitaran kerja yang lebih kondusif dengan memastikan sistem sokongan terhadap wanita yang berkerjaya dan dapat menguruskan keluarga pada masa sama dipenuhi dengan menggalakkan amalan kerja anjal (*flexible working arrangements*). Di peringkat Kerajaan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mula melaksanakan Waktu Bekerja Flexi (WBF) secara rintis di semua Kementerian / Jabatan Persekutuan di Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya) dan hanya Jabatan Persekutuan sahaja di negeri Perlis, Perak, Selangor, Johor, Terengganu, Sabah dan Sarawak bermula pada 1 Mac 2019. Dalam hal ini, waktu pejabat bermula pada jam 7.30 pagi hingga 5.30 petang kecuali hari Khamis di Johor dan Terengganu, yang bermula jam 7.30 pagi hingga 4 petang. Pegawai boleh memulakan tugas pada bila-bila masa antara 7.30 pagi hingga 8.30 pagi. WBF ini dilaksanakan berdasarkan tempoh waktu bekerja sehari iaitu sembilan (9) jam termasuk waktu rehat sejam;
- (ii) Selain itu, Kerajaan juga pada tahun ini telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi penubuhan TASKA Tempat Kerja Awam sebagai satu sistem sokongan kepada Penjawat Awam semasa

SOALAN :55

mereka keluar bekerja. Sehingga Mac 2019, 65 agensi telah dipilih untuk diberikan geran penubuhan taska di Tempat Kerja Awam yang berjumlah RM9.8 juta. Pemilihan ini telah diputuskan berdasarkan kepada permintaan tinggi kepada penubuhan TASKA di agensi tersebut, telah mempunyai lokasi dan keutamaan kepada pejabat yang beroperasi lebih dari 12 jam;

- (iii) TalentCorp juga ada memberikan Insentif pembiayaan bersama (“*co-funding*”) bagi majikan yang menyertai program “kembali bekerja” (*Returnship*). Majikan yang menyertai program “*Returnship*” akan menerima pembiayaan bersama sebanyak RM10,000 (maksima bagi setiap majikan) untuk tujuan peningkatan kemahiran (“*upskilling*”) atau latihan semula (“*reskilling*”) antara 15 Mac 2019 hingga ke 31 Disember 2019; dan
- (iv) Penganugerahan *Life at Work Awards* yang dilaksanakan dengan kerjasama Talent Corp bagi mengiktiraf majikan yang mempunyai amalan kerja mesra keluarga di tempat kerja. TalentCorp juga menyediakan khidmat nasihat bagi majikan yang ingin mengamalkan amalan mesra wanita berkerjaya, termasuk melalui portal www.flexworklife.my.

Dengan adanya inisiatif-inisiatif seumpama ini, Kerajaan menarasarkan kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja dapat terus ditingkatkan kepada sasaran 56.5% menjelang tahun 2020 selain dapat menyeimbangkan peranan wanita dalam keluarga dan kerjaya.

SOALAN : 56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN AKNAN A/L EHTOOK

TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Aknan A/L Ehtook minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah proaktif Kementerian untuk memastikan tempat-tempat ibadat pelbagai agama di negara ini bebas dari sebarang aktiviti pengubahan wang haram seperti yang berlaku di luar negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (Registrar of Societies (ROS)) akan mengambil langkah-langkah bagi memastikan tempat-tempat ibadat pelbagai agama di negara ini bebas daripada sebarang aktiviti pengubahan wang haram. Antara langkah-langkah yang diambil ialah:-

- i. Tempat-tempat ibadat perlulah didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan;
- ii. Tempat-tempat ibadat hendaklah mempunyai akaun-akaun di institusi kewangan agar transaksi kewangan dapat dipantau oleh Bank Negara Malaysia;
- iii. Mewajibkan akaun-akaun tempat ibadat diaudit oleh juruaudit; dan
- iv. Mengadakan ceramah kesedaran berkaitan jenayah pengubahan wang haram dan pembiayaan keagamaan melalui program "*Community Policing*".

Kerajaan sentiasa memastikan tindakan penguatkuasaan diambil dan sebarang pelanggaran undang-undang akan diambil tindakan di bawah undang – undang berkaitan seperti Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Act Financing (AMLATFA) 2001 atau Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan.

SOALAN : 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN ZAIEDI SUHAILI
TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Zaiedi Suhaili minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan untuk memperkasakan Unit Udara Bomba untuk negeri Sarawak.

SOALAN : 57

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menempatkan Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di **pangkalan sementara** yang beroperasi dari Lapangan Terbang Miri, Sarawak. Unit tersebut dilengkapi dengan **2 buah** helikopter jenis Mi-171 bersama **28 orang pegawai bomba** untuk operasi pemadaman, penyelamatan dan pemantauan.
2. Sehubungan itu, bagi tujuan memperkasakan Unit Udara JBPM, KPKT sedang mengenal pasti tapak yang strategik bagi pembinaan Pangkalan Udara JBPM di Negeri Sarawak. Ini adalah bagi membolehkan khidmat Unit Udara JBPM dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan efisyen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' ISA BIN AB. HAMID

TARIKH : 23 APRIL 2019

Dato' Isa Bin Ab. Hamid minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah KPM masih melaksanakan prinsip persefahaman (MOU) di antara KPM dan JAKOA pada tahun 1996 dalam menjaga kepentingan dan kebajikan pelajar dan Asrama SMK Benut, Pontian dan SMK Bekok, Segamat, Johor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menandatangani MoU dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (KPNPM) untuk penyerahan sebanyak 45 buah sekolah rendah dan 27 buah asrama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang pada masa itu dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) kepada KPM pada 1 Januari 1995. Berdasarkan MoU tersebut, KPM bertanggungjawab untuk mengurus serta menyelenggara bangunan sekolah serta asrama yang diserahkan dan menyediakan peruntukan tender bekalan makanan untuk murid sekolah dan asrama.

Berdasarkan MoU tersebut juga, bantuan kebajikan pendidikan kepada murid-murid asli di semua peringkat sekolah dan pengajian tinggi masih menjadi tanggungjawab JAKOA. Ketua Pengarah JAKOA masih lagi bertanggungjawab sebagai Pesuruhjaya bagi Hal Ehwal Orang Asli mengikut Seksyen 4, Akta 134, Akta Orang Asli 1954 (disemak-1974) dalam hal Pentadbiran, Kebajikan, dan Kemajuan Orang Asli.

Merujuk kepada MoU tersebut pengurusan sekolah dan asrama yang diserahkan kepada KPM hanyalah meliputi 45 buah sekolah rendah dan 27 asrama yang ditubuhkan oleh JAKOA seperti yang disenaraikan serta projek sekolah dan asrama yang telah dilaksanakan di bawah RMKe-6. Oleh itu, apabila murid-murid asli ini berada di sekolah menengah, kebajikan serta kepentingan mereka masih menjadi

SOALAN: 58

tanggungjawab pihak JAKOA. Walau bagaimanapun, KPM tetap memberikan bantuan persekolahan kepada murid-murid asli ini sama seperti yang diterima oleh murid-murid lain yang tinggal di asrama.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK SAMBANTHAN
A/L MANICKAM**

TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Sambanthan A/L Manickam minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang dakwaan sejumlah 300,000 kaum India di Malaysia yang tidak mempunyai kad pengenalan dan ia kemudiannya telah dinafikan oleh pihak Kementerian sendiri. Menurut maklumat daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri, sejumlah 2,215 permohonan masih dalam proses sejak tahun lalu. Daripada jumlah tersebut, berapakah jumlah permohonan kad pengenalan kepada kaum India telah diluluskan dan diselesaikan oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada pertanyaan lisan daripada YB Datuk Mohan a/l Thangarasu bertarikh 27 Ogos 2018 dalam sidang Dewan Negara yang lalu, Kementerian menyatakan bahawa telah menerima sebanyak 3,853 permohonan kewarganegaraan daripada individu berketurunan India di bawah semua Perkara Perlembagaan Persekutuan yang mana, sebanyak 2,215 permohonan sedang diproses. Berdasarkan rekod Kementerian dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sehingga 31 Mac 2019, jumlah permohonan kewarganegaraan daripada individu berketurunan India yang telah siap diproses dan diluluskan adalah mengikut pecahan seperti mana berikut:-

- a. 1,641 permohonan daripada pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) berketurunan India berumur 60 tahun dan ke atas; dan
- b. 1,263 permohonan daripada individu berketurunan India di bawah semua Perkara Perlembagaan Persekutuan.

Kedua-dua jumlah berkenaan menjadikan **jumlah permohonan kewarganegaraan daripada individu berketurunan India yang diluluskan sehingga kini adalah sebanyak 2,904 permohonan**. Dalam hal ini, sebanyak 949 orang pemohon telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia dan dikeluarkan Sijil Kewarganegaraan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat perbezaan bagi pemohon yang telah diluluskan permohonan kewarganegaraan dan pemohon yang telah dianugerahkan kewarganegaraan sepetimana berikut:-

- a. Pemohon yang telah diluluskan permohonan kewarganegaraan; dan
- b. Pemohon yang telah diluluskan permohonan dan dianugerahkan kewarganegaraan.

SOALAN: 59

Justeru itu, para pemohon yang telah mendapat kelulusan hendaklah hadir ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi mengangkat sumpah selaras dengan Jadual Pertama, Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya membuat pembayaran fi sebelum dikeluarkan dengan Sijil Kewarganegaraan. Dalam hal ini, kad pengenalan (MyKad) hanya akan dikeluarkan kepada pemohon yang telah mempunyai Sijil tersebut.

SOALAN NO. 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN SOPIAH BINTI SHARIF
TARIKH : 23 APRIL 2019

Puan Sopiah binti Sharif minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan mendedahkan laporan Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) kepada umum, ini berikutan pelbagai pihak termasuk beberapa ahli dalam Majlis itu sendiri yang menggesa agar laporan ini didedahkan kepada umum. Kenapa laporan itu diletak di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972.

JAWAPAN:

YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Apabila Pakatan Harapan mendapat mandat yang besar untuk menubuhkan Kerajaan kita dapat terdapat keperluan bagi proses peralihan kuasa berjalan dengan lancar tanpa menjaskan pertumbuhan ekonomi dan keyakinan pelabur.

Ini kerana buat pertama kalinya Kerajaan Barisan Nasional yang telah memerintah sejak merdeka telah bertukar dan menyebabkan berlakunya perubahan landskap politik negara. Sudah tentulah, dalam pada rakyat meraikan perubahan ini, terdapat kebimbangan di pihak peniaga dan pelabur asing tentang keupayaan Pakatan Harapan mentadbir Kerajaan.

Justeru, YAB Perdana Menteri telah memutuskan untuk menubuhkan Majlis Penasihat Kerajaan atau lebih dikenali *Council of Eminent Persons* (CEP) dengan matlamat utama menasihatkan Kerajaan dalam bidang ekonomi, kewangan serta bidang-bidang lain yang perlu diberi perhatian terutamanya dalam tempoh 100 hari pertama peralihan Kerajaan.

CEP telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan dibantu oleh sebuah sekretariat, dua jawatankuasa – iaitu Jawatankuasa Berkaitan 1MDB dan Jawatankuasa Reformasi Institusi, dengan izin *Institutional Reforms Committee* (IRC) serta dua Pasukan Petugas Khas – iaitu Pasukan Petugas Khas Projek Laluan Rel Pantai Timur, dengan izin *East Coast Rail Link* (ECRL) serta Pasukan Petugas Khas Projek *Multi Product Pipeline* dan Projek *Trans-Sabah Pipeline*. CEP telah tamat

SOALAN NO. 60

melaksanakan tugasnya secara rasmi pada 19 Ogos 2018. Laporan akhir CEP telah pun dibentang kepada YAB Perdana Menteri dan arahan pelaksanaannya telah pun diserahkan kepada Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) dan Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) untuk diselaraskan.

Laporan CEP adalah di bawah bidang kuasa dan menjadi urusan rasmi Kerajaan. Sehubungan itu, semua Ahli CEP dan pegawai yang terlibat secara langsung tertakluk di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972, dengan izin *Official Secrets Act* (OSA). CEP hanya berperanan sebagai badan penasihat dan Kerajaan perlu berhati-hati dalam memutuskan sama ada laporan tersebut wajar didedahkan ataupun tidak kerana beberapa hasil dapatan mereka memerlukan penyiasatan lanjut oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Ini adalah bagi mengelakkan polemik yang mungkin boleh menjaskan hasil siasatan dan keyakinan pelabur.

Apa yang penting, semua cadangan penambahbaikan yang diterima dilaksanakan sebaik mungkin demi kesejahteraan dan kestabilan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN NURIDAH BINTI
MOHD SALLEH
TARIKH : 23 APRIL 2019

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pelan Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara mesra warga emas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada data unjuran penduduk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas akan mencapai 5.80 juta orang atau 15.3% daripada jumlah penduduk. Sekiranya mengikut teori daripada Institut Pengajian Asia Tenggara pada tahun 1989, Malaysia akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila jumlah warga emas mencecah 15% atau lebih.

Sehubungan itu, kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mewujudkan negara mesra warga emas sebagai persediaan menghadapi status negara tua tersebut. Kementerian sedang meneliti cadangan untuk mewujudkan satu akta khusus untuk melindungi kebajikan dan hak asasi warga emas. Saya telah dimaklumkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah pun meluluskan cadangan serta peruntukan untuk melaksanakan perkara tersebut.

Kementerian kini dalam proses menyemak semula Pelan Tindakan Warga Emas Negara bagi tempoh masa 2019 sehingga 2030, yang mana keperluan pindaan adalah berdasarkan penemuan Kajian Kemudahan dan Perkhidmatan bagi Menepati Keperluan Warga emas di Malaysia menjelang 2030 yang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia pada 2017. Perancangan program/aktiviti telah pun dimasukkan dan ditambah baik agar pelan tindakan tersebut kekal relevan dalam menghadapi isu dan cabaran penuaan.

Kementerian juga sedang dalam tindakan untuk melaksanakan kajian berkenaan pewujudan satu sistem penjagaan jangka panjang untuk warga emas yang mampan. Kajian ini akan mengambil kira keperluan jagaan kesihatan dan sosial di institusi dan juga di komuniti.

Melalui kolaborasi dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan *United Nations Development Programme* atau UNDP, Kementerian akan melaksanakan projek daerah mesra warga emas atau dengan izin age-

friendly city melalui projek rintis di Taiping, Perak. Projek bagi fasa pertama perancangan selama dua (2) tahun ini akan dijalankan berdasarkan panduan *age-friendly city* daripada *World Health Organisation* (WHO).

Selain itu, inisiatif sedia ada juga sedang dilaksanakan dengan kerjasama daripada kementerian dan agensi lain seperti berikut:

- 1. Memperkasakan penjagaan berasaskan komuniti:** Konsep penjagaan bersama di antara ahli-ahli dalam komuniti akan mengurangkan kebergantungan serta tekanan kepada anak-anak dewasa. Program utama yang dilaksanakan oleh Kerajaan termasuk Program Khidmat Bantu Rumah (*Home Help*), Program Intergenerasi dan perkhidmatan serta kemudahan pengangkutan kepada warga emas (Unit Penyayang Warga Emas) dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).

Bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara mesra warga emas, kita akan meneruskan usaha menambah bilangan PAWE dengan sasaran satu Parlimen, satu PAWE (222 Parlimen) dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Oleh itu, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM17 juta bermula tahun 2018 sehingga 2023 bagi penubuhan PAWE baharu. Kementerian telah menerima peruntukkan sebanyak RM5 juta bagi tahun 2019 untuk penubuhan sekurang-kurangnya 45 buah PAWE dan menjadikan bilangan pada akhir tahun 2019 dijangka berjumlah 133 buah PAWE iaitu meliputi 60 peratus sasaran PAWE di kawasan Parlimen. Sehingga Februari 2019, sebanyak 88 buah PAWE telah ditubuhkan di seluruh negara.

- 2. Menggalakkan amalan perancangan untuk hari tua:** Kerajaan telah memperkenalkan skim Caruman Sukarela Insentif Persaraan (i-SARAAN) dan Caruman Sukarela Insentif Suri rumah atau i-SURI untuk menggalakkan golongan yang tiada pendapatan tetap termasuk suri rumah mencarum secara sukarela untuk meningkatkan jaminan ekonomi pada hari tua.

3. **Meningkatkan peluang pekerjaan warga emas:** Kementerian Sumber Manusia telah pun melaksanakan kajian mengenai pengajian dan guna tenaga warga emas di Malaysia bagi meningkatkan peluang pekerjaan warga emas. Selain itu, Bajet 2019 juga telah menetapkan supaya caruman mandatori KWSP bagi majikan yang menggaji pekerja berumur 60 ke atas dikurangkan daripada 6% kepada 4%. Selain itu, potongan cukai tambahan turut diberikan kepada majikan ke atas perbelanjaan penggajian golongan ini dengan had jumlah saraan sebanyak RM4,000 sebulan.
4. **Pelepasan cukai:** Pelepasan cukai turut diberikan kepada anak-anak untuk penjagaan ibu bapa sehingga RM3,000 atau perbelanjaan rawatan perubatan ibu dan bapa sehingga RM5,000.
5. **Kesihatan:** Isu kesihatan perlu ditangani dari awal. Sehubungan itu, pendekatan *life course* adalah ditekankan iaitu program menggalakkan pemakanan yang sihat dan kehidupan yang aktif sejak muda bagi mengekalkan kesihatan di hari tua seperti yang dirangka dalam Pelan Strategik Kebangsaan Hidup Aktif oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
6. **Meningkatkan kemudahan dan infrastruktur mesra warga emas:** Usaha ini dapat menggalakkan warga emas untuk menjalankan aktiviti mereka secara lebih berdikari dan mengamalkan hidup aktif dengan meningkatkan penyertaan dalam aktiviti-aktiviti sosial. Audit akses dilaksanakan ke bangunan seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara berterusan pada setiap tahun bagi memastikan ianya mematuhi standard dan piawaian reka bentuk sejagat.

Tuan Yang di-Pertua,

Kesejahteraan warga emas memerlukan kerjasama dan komitmen daripada pelbagai pihak serta tidak hanya terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Kementerian akan terus komited untuk bekerjasama dengan lain-lain Kementerian atau agensi, kerajaan negeri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik dan sektor swasta ke arah persediaan Malaysia sebagai negara tua. Kementerian

SOALAN : 61
SOALAN NO. 61

juga amat mengalu-alukan Ahli-Ahli Parlimen untuk bekerjasama dengan JKM negeri dan daerah bagi menyediakan aktiviti dan program warga emas yang bersesuaian dengan demografi serta komuniti setempat sebagai usaha menjadikan Malaysia sebagai negara mesra warga emas.

SOALAN : 62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK IR. YONG
WUI CHUNG
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Ir. Yong Wui Chung minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan jawatankuasa bagi menguruskan sisa elektronik yang membabitkan isi rumah di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian tiada sebarang cadangan untuk menujuhkan Jawatankuasa bagi mengawalselia sistem pengurusan buangan peralatan elektrikal dan elektronik terjadual (*Scheduled E-wastes*).
2. Kementerian sedang dalam usaha membangunkan sistem pengurusan buangan peralatan elektrikal dan elektronik terjadual (*Scheduled E-wastes*) secara menyeluruh termasuk penyediaan deraf Peraturan Buangan Peralatan Elektrikal Dan Elektronik Terjadual. Sesi libat urus bersama pemegang taruh sudah dimulakan sejak tahun 2015. Satu taklimat kepada ahli-ahli Parlimen akan diadakan pada tahun ini.
3. Peraturan khusus ini adalah berfokuskan terhadap pengurusan buangan peralatan elektrikal dan elektronik terjadual (*Scheduled E-wastes*) dengan mengenalpasti mekanisma pengangkutan, penghantaran, rawatan, kitar semula, pemerolehan kembali dan pelupusan secara *Environmentally Sustainable Management* (ESM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Paul Igai minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dan menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan 'sedikit masalah teknikal' yang di katakan oleh Perdana Menteri untuk mencapai penyelesaian isu MA63 dan adakah isu teknikal itu sudah di selesaikan.

JAWAPAN:

YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator,

Semenjak daripada 17 Disember 2018 sehingga sekarang, Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah bersidang beberapa kali. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan telah memulakan perbincangan masing-masing bagi meneliti senarai isu-isu yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak selaras dengan rangka tuntutan di bawah Perjanjian Malaysia 1963.

Untuk makluman dewan yang mulia ini, isu-isu yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak adalah terdiri daripada pelbagai perkara seperti **kewangan, ekonomi, kerja raya, perkhidmatan awam, sumber manusia** serta terdapat juga isu-isu yang melibatkan **Kuasa Baki Perundangan** atau dengan izin, “***Residual Powers of Legislation***” seperti yang diperuntukkan di bawah **Perkara 77, Perlembagaan Persekutuan**. Isu-isu ini masih lagi dalam proses penelitian dan semakan oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan yang mana turut dianggotai oleh agensi-agensi pusat di peringkat Persekutuan, wakil-wakil agensi Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak serta pakar-pakar yang terdiri daripada ahli akademik turut sama-sama terlibat dalam mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan.

SOALAN : 63

Jawatankuasa Khas Kabinet masih mempunyai tempoh sehingga bulan Jun 2019 untuk meneliti perkara-perkara yang diketengahkan dan mempertimbangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan hasil dari rundingan semua pihak berkepentingan. Satu Laporan terperinci akan disediakan berhubung dengan hasil semakan yang telah dibuat beserta dengan cadangan hala tuju untuk diangkat kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 63

SOALAN : 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN ALAN LING SIE KIONG

TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Alan Ling Sie Kiong minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anggota Imigresen yang terlibat dalam kes rasuah yang telah dijatuhkan hukuman dan sedang dalam rayuan/bicara dengan butiran pangkat mereka bagi tempoh lima (5) tahun ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2016 sehingga 2019, 2 orang pegawai yang bertugas di Jabatan Imigresen Malaysia telah dijatuhkan hukuman bagi kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, 4 orang pegawai sedang dibicarakan bagi pertuduhan di bawah Akta yang sama, dan 4 orang pegawai telah dijatuhkan hukuman bagi kesalahan di bawah Kanun Keseksaan.

SOALAN: 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK LIM PAY HEN
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) adakah pekerja boleh mendakwa golongan majikan atau syarikat korporat asing yang bertindak menutup operasi perkilangan dan pembuatan serta melakukan Skim Berhentian Sukarela (VSS) atas alasan kos perniagaan di Malaysia tidak efektif; dan

- (b) adakah Kerajaan meminda Akta Pekerja dan Akta Perusahaan bagi memperkuatkannya hak pekerja tempatan serta asing melalui kesatuan sekerja yang lebih efektif.

SOALAN: 65

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terdapat beberapa situasi berkaitan pemberhentian pekerja, antaranya penyusunan semula organisasi, pertukaran sebahagian atau sepenuhnya pemilikan perniagaan, termasuk juga pertukaran tersebut berlaku kerana penjualan atau lain-lain sebab pertukaran pihak pengurusan dan perundangan. Terdapat juga penutupan sepenuhnya perniagaan atau pemindahan perniagaan ke negara lain menyebabkan tindakan pemberhentian pekerja dijalankan sama ada Pemberhentian Biasa atau Pemberhentian Secara Sukarela (VSS).
2. Majikan boleh melaksanakan tindakan perberhentian secara sukarela dalam situasi syarikat masih lagi beroperasi, pekerja ditawarkan skim VSS dengan faedah-faedah yang lebih baik daripada syarat minimum pampasan pemberhentian yang ditetapkan oleh Akta Kerja 1955 atau Perjanjian Bersama. Pekerja-pekerja boleh memilih untuk diberhentikan dan menerima pampasan yang ditawarkan ataupun memilih untuk terus bekerja.
3. Pekerja ditakrifkan di bawah Jadual 1, Akta 265, yang telah diberhentikan layak untuk mendapat faedah penamatan kerja yang dikira berdasarkan tempoh perkhidmatan tidak kurang sebagaimana dinyatakan di bawah Peraturan-peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Pemberhentian Kerja Sementara) 1980. Pekerja yang

SOALAN: 65

terlibat perlu menfaikan tuntutan di Pejabat Tenaga Kerja (PTK) yang berhampiran sekiranya perberhentian yang dilaksanakan tiada pampasan di bayar oleh syarikat seperti bayaran gaji, gaji ganti notis, faedah penamatan kerja, gaji ganti cuti tahunan dan lain-lain bayaran sebagaimana peruntukan Akta Kerja 1955 (Akta 265).

4. Sekiranya majikan gagal untuk menjelaskan feadah-fedadah yang tertunggak majikan terhadap pekerja dan mematuhi Perintah Ketua Pengarah yang dikeluarkan oleh pihak jabatan, tindakan penguatkuasaan ketidapatuhan perintah melalui tindakan Saman Penghutang Penghakiman (JDS) atau tindakan-tindakan penguatkuasaan lain seperti writ penyitaan (JN) dan tindakan pendakwaan ke atas kegagalan majikan membuat bayaran boleh dijalankan jika majikan masih beroperasi. Manakala di bawah Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 turut memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja terhadap sebarang bentuk pembuangan kerja tanpa sebab atau tanpa alasan yang munasabah. Pekerja-pekerja yang ingin membuat reinstatement boleh memfaikan kes di Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) sekiranya syarikat masih beroperasi.

5. Pekerja juga boleh memulakan tindakan perundangan di mahkamah sivil ke atas syarikat. Tindakan ini juga boleh diambil terhadap terhadap pemilik syarikat seperti pengarah, pengurus syarikat secara bersama atau berasingan dengan syarikat sekiranya kegagalan syarikat membuat bayaran pampasan atau tidak bersetuju jumlah skim pampasan yang ditawarkan di bawah VSS.

SOALAN: 65

Tuan Yang di Pertua,

6. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa memastikan agar setiap pindaan yang dibuat ke atas undang-undang buruh di negara ini meletakkan kebijakan dan hak pekerja, sama ada pekerja tempatan atau pekerja asing sebagai aspek utama yang perlu diberi perhatian. Dalam hubungan ini, KSM juga akan membuat pindaan ke atas Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) bagi mewujudkan mekanisme penyelesaian pertikaian perusahaan dan representasi pemecatan pekerja yang lebih berkesan.

7. Selain itu, pindaan ini juga bermatlamat untuk mewujudkan penguatkuasaan Mahkamah Perusahaan yang lebih berkesan dan mengimbangi keperluan perniagaan dengan hak pekerja melalui rundingan. KSM juga bercadang untuk membuat pindaan ke atas Akta Kesatuan Sekerja 1959 bagi mempermudahkan urusan pendaftaran dan kelulusan kesatuan sekerja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PROF EMERITUS TAN SRI
DATO' SERI DR IBRAHIM SHAH BIN ABU
SHAH**

TARIKH : 23 APRIL 2019

Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr Ibrahim Shah bin Abu Shah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga Disember 2018, berapa banyak projek-projek pembangunan seperti sekolah, hospital, masjid, dewan masyarakat dan jalan-jalan raya yang telah dibatalkan oleh Kerajaan dan berapa nilainya.

JAWAPAN:

YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Disember 2018, bilangan projek dibawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri yang dibatalkan kerana belum dikeluarkan Surat Setuju Terima Tawaran adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	BIL PROJEK	KOS KESELURUHAN (RM)
1.	Dewan Masyarakat	276	77,58 juta
2.	Jalan Raya	975	107.67 juta
3.	Masjid	151	97.81 juta

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi projek-projek yang telah dibatalkan berikutan daripada Surat Setuju Terima (SST) belum dikeluarkan yang melibatkan kesejahteraan dan keselamatan rakyat, permohonan boleh dikemukakan semula untuk pertimbangan selanjutnya. Walau bagaimanapun pertimbangan kelulusan adalah tertakluk kepada siasatan keperluan bagi menentukan keutamaan projek-projek dan peruntukan semasa yang mencukupi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR**

TARIKH : 23 APRIL 2019

Dato' Kesavadas A/L .Achyuthan Nair minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- a) adakah Kementerian telah memulakan rundingan dengan Hospital Swasta untuk mendapatkan servis secara sumber luar daripada Hospital Swasta yang telah lama ditunggu oleh Hospital Kerajaan; dan
- b) sila bekalkan butiran susulan dan pelaksanaan tempoh masa secara terperinci.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

KKM telah melaksanakan proses perolehan secara rundingan terus bagi penyumberan luar (*outsourcing*) perkhidmatan perubatan swasta daripada Hospital-hospital swasta sejak dari tahun 2011 bagi menampung keperluan perkhidmatan kesihatan dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Perkhidmatan yang telah dilaksanakan secara penyumberan luar adalah seperti rawatan Radioterapi, Kardiologi dan rawatan jantung kanak-kanak.

Sehingga kini, Kerajaan masih lagi meneruskan penyumberan luar perkhidmatan perubatan bagi menampung keperluan rawatan kesihatan kepada rakyat yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Pada masa yang sama, Kerajaan juga sedang giat menambahbaik usaha dan promosi penjagaan kesihatan kepada rakyat bagi meningkatkan kesedaran rakyat berhubung kepentingan penjagaan kesihatan yang baik, yang mana secara tidak langsung dapat mengurangkan perbelanjaan Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISANDEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' CHAI KIM SEN

TARIKH : 23 APRIL 2019

Dato' Chai Kim Sen minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah tiada tindakan lanjut diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) terhadap kesalahan-kesalahan dalam enam pilihan raya kecil termasuk yang terkini di Semenyih yang jelas dilaporkan oleh organisasi Bersih.

JAWAPAN : **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sentiasa komited dalam memastikan **setiap kesalahan pilihan raya yang telah berlaku semasa pilihan raya diambil tindakan yang sewajarnya** selaras dengan peruntukan undang-undang yang ditetapkan. Berhubung dengan kesalahan-kesalahan pilihan raya yang telah berlaku bermula dari Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) N.49 Sungai Kandis, Selangor hingga PRK DUN N.27 Rantau, Negeri Sembilan, SPR telah mengambil tindakan dengan **membuat laporan polis terhadap kesalahan-kesalahan pilihan raya yang telah berlaku** semasa PRK-PRK tersebut.
2. Laporan polis yang telah dibuat adalah merujuk kepada kesalahan pilihan raya semasa tempoh berkempen seperti **ceramah tanpa permit, pemasangan bahan kempen pilihan raya di lokasi yang tidak dibenarkan, penularan imej kertas undi di media sosial dan aktiviti penjamuan**. Selain itu, SPR juga telah membuat laporan polis bagi kesalahan-kesalahan pilihan raya semasa Hari Mengundi seperti **pewujudan barung/pondok panas, aktiviti berkempen dan merayu undi oleh penyokong-penyokong parti pada Hari Mengundi**.
3. Dalam memastikan kelancaran aktiviti berkempen semasa PRK yang dilaksanakan sebelum ini, SPR telah mengedarkan **Surat Pematuhan Peraturan Kempen Pilihan Raya Semasa Tempoh**

SOALAN : 68

Berkempen dan Hari Mengundi bagi memaklumkan peraturan dan syarat yang perlu dipatuhi oleh setiap calon dan parti yang bertanding semasa pilihan raya. Di samping itu, SPR turut mengemukakan **Surat Pemantauan SPR Semasa Hari Mengundi** kepada calon dan parti yang bertanding bagi memaklumkan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan semasa pilihan raya. SPR turut menyediakan **Surat Aku Janji Calon Semasa Tempoh Berkempen dan Hari Mengundi** untuk ditandatangani oleh calon yang bertanding semasa pilihan raya. Ini bagi memastikan setiap calon yang bertanding adalah komited untuk melaksanakan aktiviti kempen pilihan raya mengikut arahan dan peruntukan undang-undang yang ditetapkan.

4. Pada setiap kali pengajuran pilihan raya, SPR sentiasa **memberi saranan kepada semua pihak agar membuat laporan kesalahan pilihan raya kepada mana-mana jabatan/agensi yang berkaitan** seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sekiranya mempunyai maklumat mengenai kesalahan pilihan raya yang telah berlaku semasa pilihan raya. Ini bagi membolehkan tindakan dan siasatan segera diambil oleh jabatan/agensi tersebut.
5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR amat memerlukan **kerjasama yang menyeluruh daripada setiap parti politik, jabatan/agensi, NGO dan pihak-pihak lain yang berkaitan** dalam memastikan urusan kempen pilihan raya dilaksanakan secara lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR LAKSAMANA PERTAMA (B)
HAJI MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**

TARIKH : 23 APRIL 2019

Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran Bin Abd Hamid
minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kedudukan senggaraan (DED) KD PERAK di Limbungan Shin Yang yang gagal disiapkan dalam tempoh 2 tahun dan kini di pindah ke Labuan Shipyard Engineering (LSE) dan apakah tindakan yang diambil ke atas Limbungan Shin Yang yang gagal menyempurnakan tanggungjawabnya.

JAWAPAN: YB TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU,
MENTERI PERTAHANAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selenggaraan *Docking Essential Defect (DED)* KD Perak telah dianugerahkan kepada Limbungan Shin Yang Shipyard Sdn Bhd di Miri, Sarawak bermula 17 Ogos 2017. Tempoh selenggaraan KD Perak sehingga kini adalah selama 1 tahun 8 bulan. Kapal ini dijangka diterima pada pertengahan Mei 2019. Sebagai maklumat, selenggaraan KD Perak tidak pernah diserahkan kepada Labuan Shipyard & Engineering Sdn Bhd.

Selenggaraan DED KD Perak telah mengalami kelewatan, dimana salah satu punca utamanya ialah insiden kerosakan terhadap badan kapal semasa kapal turun galangan di *Floating Dock*. Pembaikan tambahan telah dilaksanakan mengakibatkan tambahan tempoh selenggaraan. Susulan insiden ini dan berdasarkan kepada terma kontrak, tindakan telah diambil dengan memajukan Notis Keselamatan kepada limbungan berkaitan penggunaan/pengendalian *Floating Dock*. Kesan daripada Notis Keselamatan ini, Limbungan Shin Yang Shipyard Sdn Bhd perlu mengatasi isu keselamatan *Floating Dock* untuk diaudit semula oleh pihak Kementerian Pertahanan sebelum sebarang penganugerahan kontrak selenggaraan akan datang boleh dipertimbangkan. Sehubungan dengan itu, sebarang tawaran selenggaraan kapal tidak akan diberikan kepada limbungan sehingga audit tersebut selesai. Selain itu, limbungan juga akan dikenakan *Liquidated Damages (LD)* terhadap jumlah hari kelewatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU
TARIKH : 23 APRIL 2019

Puan Raj Munni Binti Sabu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan strategik Kerajaan dalam memastikan perpaduan kaum dapat dijadikan agenda segar membumi, pada masa yang sama sebarang unsur yang menggugat perpaduan ini ditangani secara tegas.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) dari masa ke semasa sentiasa menyusun perancangan strategik bagi terus memelihara dan mengekalkan keharmonian antara masyarakat berbilang kaum di negara ini. Antara inisiatif dan strategi strategik yang telah dirancangkan adalah seperti berikut:-

- a) Menjenamakan semula Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) kepada Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) di mana ianya akan menjadi satu platform ke arah penyatuan nasional (*national reconciliation*) bagi mengurangkan polarisasi kaum dan membina bangsa Malaysia yang bersatu padu. Penubuhannya adalah untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kompleks serta merintis jalan penyelesaian ke arah merapatkan jurang yang menghalang perpaduan. Selain itu, Majlis ini akan berperanan mewujudkan kesedaran dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat Malaysia agar bersikap moderat bagi mengelakkan perpecahan antara kaum dan agama. Langkah ini adalah selaras dengan aspirasi dan hasrat kerajaan baharu untuk mewujudkan urus tadbir negara yang baik, progresif dan inklusif ke arah menjamin kesejahteraan hidup seluruh rakyat negara ini tanpa mengira latar belakang kaum, bangsa dan agama;

- b) Cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional (*National Harmony Reconciliation*

SOALAN : 70

Commission) bagi menangani isu-isu sensitif yang timbul akibat kesalahfahaman antara masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum, etnik, agama, keturunan dan budaya. Penubuhan suruhanjaya ini dapat mengatasi isu dan sentimen perkauman yang cuba dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu bagi kepentingan sendiri bagi memecah-belahkan rakyat;

- c) Pembangunan Instumen Indeks Perpaduan Nasional sebagai suatu model struktur yang komprehensif di peringkat nasional untuk mengukur dan memantau tahap pencapaian perpaduan di Malaysia secara saintifik dan sistematik menggunakan data empirikal yang diperolehi daripada masyarakat Malaysia. Indeks ini dibina berdasarkan beberapa konstruk tertentu yang meliputi seperti tahap keetnikan, hubungan sosial rentas etnik, etos bangsa, tadbir urus dan pembangunan, kesepaduan sosial dan lain-lain lagi yang akan menjadi kayu pengukur kepada tahap perpaduan negara ini. Indeks ini akan menjadi alat pemantauan peringkat nasional yang dapat memperlihatkan keperluan program intervensi sebenar oleh Kerajaan kepada masyarakat berdasarkan isu-isu semasa yang berlaku kerana nilai indeks yang diukur akan menjadi satu petunjuk sebenar pencapaian tahap perpaduan di Malaysia kelak;

- d) Menjadikan kaedah mediasi komuniti sebagai usaha berterusan untuk menangani pertikaian, pertelingkahan dan persengketaan dalam komuniti setempat yang terdiri dari penghuni yang berbilang kaum dan agama dengan meningkatkan bilangan mediator komuniti yang terlatih di seluruh negara. Dengan cara ini, konflik yang wujud di peringkat akar umbi dapat ditangani

SOALAN : 70

dengan lebih berkesan sebelum ianya menular menjadi lebih besar dan mencetuskan pergaduhan, serangan ataupun rusuhan kaum;

- e) Pemerkasaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional melalui langkah meremajakan agen-agen perpaduan di peringkat akar umbi agar mereka dapat berkhidmat kepada komuniti tanpa sebarang prejedis dan prasangka sesama mereka agar selari dengan usaha kerajaan bagi melahirkan bangsa Malaysia yang berdikari, inovatif dan kreatif. Selain itu, Jabatan juga telah membuat anjakan paradigma dengan mengadakan kerjasama dan kolaborasi strategik dengan pelbagai pertubuhan, badan bukan kerajaan (NGO), kelab dan sektor swasta, institusi pengajian tinggi bagi memastikan mereka dapat menyumbang dengan melakukan usaha-usaha mempromosikan perpaduan sebagai memenuhi sebahagian daripada tanggungjawab sosial mereka melalui pelaksanaan pelbagai program seperti dialog antara penganut agama, larian perpaduan, pemberian pengiktirafan terhadap ikon-ikon perpaduan, hari toleransi, anugerah Rukun Tetatangga, MyHero Awards;
- f) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional juga komited dalam terus menerajui pendidikan perpaduan memandangkan inisiatif-inisiatif pemupukan perpaduan bermula di peringkat pra-sekolah lagi. Jabatan bercadang meningkatkan kualiti guru-guru di Tabika dan Taska Perpaduan melalui latihan yang lebih komprehensif agar mereka dapat mendidik anak-anak kecil sejak di bangku sekolah lagi untuk menghargai perpaduan yang merupakan hadiah yang tidak ternilai terutamanya di negara ini

SOALAN : 70

yang masyarakatnya terdiri dari pelbagai keturunan kaum, agama dan budaya. Ini kerana sekiranya anak-anak dipupuk dengan pengamalan nilai-nilai murni sejak kecil seperti sikap saling hormat-menghormati, bekerjasama, bertoleransi, bersifat patriotik dan menghargai kepelbagaian masyarakat yang wujud di Malaysia, nescaya sentimen-sentimen perkauman tidak lagi akan menggugat generasi akan datang dan mereka tidak mudah terpengaruh dengan berita-berita yang diviralkan dan anasir-anasir yang jahat;

- g) Meneruskan pelaksanaan program-program sedia ada seperti Program Sayangi Komuniti (PSK) yang telah disasarkan untuk dilaksanakan di 456 lokasi miskin bandar dan pinggir bandar (B40) bagi meningkatkan keharmonian masyarakat setempat agar mereka hidup dengan selamat, aman dan sejahtera. Pelaksanaan PSK telah mencapai sasaran sebanyak 103 lokasi sehingga tahun 2018 dan akan diteruskan di 49 lokasi baru yang disasarkan pada tahun 2019 dan 48 lokasi baru pada tahun 2020 bagi membolehkan PERPADUAN melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bersama penduduk melalui kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi membendung, menangani dan menyelesaikan isu/masalah yang dihadapi oleh penduduk sebagai salah satu usaha untuk mengintegrasikan masyarakat pelbagai kaum di kawasan ini agar dapat terus memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial; dan

- h) Pelaksanaan Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) turut diteruskan kerana ia merupakan salah satu platform untuk

SOALAN : 70

mengintegrasikan golongan muda melalui program *internship* di syarikat-syarikat swasta dan *Government Linked Companies* (GLCs) sebagai usaha untuk menggalakkan perkongsian silang kerjaya dan budaya antara golongan mahasiswa universiti yang terdiri dari pelbagai kaum dan latarbelakang keturunan. Bermula dari 2015 hingga 2018, seramai 5,218 orang pelajar telah menyertai program ini.

PERPADUAN telah merancang untuk melipatgandakan pelbagai usaha untuk membentuk masyarakat yang lebih bersatu-padu dan berintegrasi di negara ini, namun usaha-usaha tersebut tidak dapat dilaksanakan tanpa kerjasama semua pihak kerana usaha memelihara perpaduan bukanlah tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi tanggungjawab bersama semua lapisan masyarakat di negara ini.

Sekian, terima kasih.

SOALAN: 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' SRI TI LIAN KER

TARIKH : 23 APRIL 2019

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah strategi menaik taraf sistem dan kualiti pendidikan dan latihan teknik dan vokasional (TVET) telah dirangka bagi memastikan TVET adalah setaraf pendidikan aliran Sains dan Sastera dan apakah status semasa penyediaan laporan pemerkasaan TVET oleh Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dan sedang berusaha mengemudi semula pandangan sarwa masyarakat terhadap kebolehan manusiawi itu sendiri. Manusia mempunyai bakat dan kebolehan yang berbeza berdasarkan lahiriah. Pendidikan dan latihan teknik dan vokasional (TVET) memberi peluang kepada bidang selain akademik untuk menyumbang kepada negara dan juga kepada masyarakat manusiawi. Pencapaian akademik bukanlah satu-satunya kayu ukur dalam menentukan kejayaan seseorang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil Laporan Interim Jawatankuasa Pemerkasaan TVET yang disediakan pada awal Januari 2019, telah mencadangkan beberapa inisiatif. Terdapat beberapa inisiatif tersebut yang telah pun berjalan, ada yang sedang berjalan dan ada yang akan dimulakan. Antara inisiatif yang telah diambil tindakan oleh KPM adalah seperti berikut:

1. Penubuhan Jawatankuasa *Taskforce Khas Hala Tuju Kolej Vokasional* yang diketuai oleh Datuk Boonler Somchit sebagai Penasihat JK *Taskforce* dalam memberi nasihat dan cadangan pemerkasaan Kolej Vokasional terutamanya dari aspek kualiti, pengiktirafan dan pentaulahan program dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
2. Kelulusan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal Pendidikan dan Latihan Teknikal

SOALAN: 71

dan Vokasional pada 30 Januari 2019 buat julung kalinya dalam sejarah Malaysia kita ada sistem jaminan kualiti tunggal pendidikan TVET yang akan diguna pakai oleh MQA dan JPK dalam mengakreditasi program TVET yang ditawarkan oleh institusi TVET awam dan swasta berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Strategi ini membolehkan mobiliti pelajar antara semua institusi TVET di seluruh Malaysia.

3. Perkongsian sumber pendidikan antara institusi TVET KPM bagi tujuan pengoptimuman sumber agar segala kelengkapan, kepakaran boleh dikongsi bersama-sama oleh semua institusi TVET.
4. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemerkasaan TVET (JKPTVET) – Teknikal Bersama Semua Kementerian Penyedia TVET bagi membincangkan kaedah penyelesaian terhadap cadangan yang dikemukakan dan menerima maklum balas daripada kementerian, agensi dan industri yang hadir.
5. *Premier TVET Talk* bersama industri bagi mendapatkan segala input dan pandangan daripada industri untuk memperkasakan TVET.
6. Mengadakan *Town Hall Meeting* dengan melibatkan semua pemegang taruh untuk mendapatkan input dan maklum balas berkaitan TVET negara

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 72

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK MOHAN A/L
THANGARASU**

TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa baru-baru ini YAB Perdana Menteri telah membuat kenyataan bahawa pekerja awam akan dikurangkan. Adakah ini akan menjelaskan 10% pekerja awam dari kaum India yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam (DSKPA) telah dan akan dilaksanakan melalui pelbagai kaedah seiring dengan perkembangan teknologi semasa meliputi antaranya kajian pertindihan fungsi antara jabatan/agensi, rasionalisasi perjawatan, pengoptimuman sumber manusia, serah urus fungsi (*outsourcing*), penyampaian perkhidmatan alternatif (*Alternative Service Delivery*), penswastaan, gabungan teknologi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan. Ini bagi memastikan saiz perkhidmatan awam pada tahap yang terbaik untuk meningkatkan kecekapan dan mengelakkan pembaziran sumber.

Perjawatan yang dikenal pasti untuk dimansuhkan ini antaranya merupakan jawatan kosong yang tidak diperlukan, jawatan di agensi-agensi yang mempunyai pertindihan fungsi, pemansuhan jawatan bagi perkhidmatan yang boleh diautomasi dan diserah urus fungsi (*outsourcing*) serta perkhidmatan alternatif. DSKPA tidak akan memberi kesan kepada tugas-tugas sedia ada dan tiada pengurangan kakitangan awam dalam pelaksanaan dasar ini. Pengurangan hanya melibatkan perjawatan yang kosong dan ini tidak menjaskan janji Kerajaan.

SOALAN : 72

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' FAHARIYAH
BINTI HJ. MD NORDIN
TARIKH : 23 APRIL 209

Dato' Fahariyah binti Hj. Md Nordin minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilangan remaja yang disabitkan dengan kesalahan juvana sehingga Mac 2019 serta apakah langkah koreksional yang paling berkesan memulihkan jati diri dan keperibadian remaja ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa prihatin terhadap nasib kanak-kanak (remaja) yang terlibat dengan kesalahan jenayah. Berdasarkan statistik JKM, bilangan kanak-kanak yang disabitkan dengan kesalahan juvana (jenayah) bagi tahun **2018** adalah seramai **5,294 orang**. Manakala bagi tahun 2019, iaitu sehingga **31 Januari 2019** adalah seramai **384 orang**.

Bagi memastikan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah diberi pemulihan yang berkesan, JKM mengambil pelbagai langkah dan usaha memulihkan jati diri serta keperibadian kanak-kanak melalui program sama ada di dalam institusi atau program pemulihan serta pencegahan di peringkat komuniti.

i) Program Pemulihan di Institusi

Terdapat sebanyak sembilan (9) buah institusi pemulihan kanak-kanak iaitu Sekolah Tunas Bakti (STB) di bawah kendalian JKM telah diwujudkan di seluruh Malaysia untuk memberi pemulihan kepada kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah. Program pemulihan yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

- a) Akademik – Kanak-kanak diberi peluang untuk meneruskan persekolahan sama ada bersekolah di sekolah aliran perdana atau sekolah yang disediakan di dalam institusi kanak-kanak JKM.

SOALAN : 73

- b) Latihan Kemahiran dan Vokasional - Latihan kemahiran dan vokasional disediakan kepada kanak-kanak yang tidak berupaya untuk mengikuti aliran akademik. Kelas kemahiran dan vokasional yang disediakan adalah seperti automotif, pendawaian elektrik, kimpalan, batu bata, roti dan kek, komputer, pertukangan, jahitan, pertanian serta landskap. Latihan kemahiran dan vokasional yang diikuti oleh kanak-kanak diharap dapat membantu mereka meneruskan kehidupan apabila keluar dari institusi kelak.
- c) Aktiviti Keagamaan dan Moral - Bertujuan memupuk nilai-nilai murni bagi menjamin pertumbuhan rohani dan akhlak kanak-

kanak. Semua kanak-kanak diberi peluang untuk mengamalkan agama ibu bapa mereka. Kanak-kanak yang beragama Islam disediakan aktiviti seperti Fardu Ain, Bacaan Al-Quran, Iqra' dan Tajwid. Galakan juga diberi kepada kanak-kanak bukan beragama Islam untuk mengamalkan agama masing-masing dan dibenarkan untuk hadir ke kuil, gereja dan tokong.

- d) Aktiviti Ko Kurikulum – Disediakan dalam bentuk kesenian, sukan dan rekreasi bagi tujuan untuk meningkatkan semangat juang, jati diri dan bekerja secara berpasukan.

ii) Program Pencegahan Di Peringkat Komuniti

- a) Bengkel interaktif - Melibatkan keluarga dan kanak-kanak berkaitan kesedaran mereka tentang tanggungjawab dan peranan terhadap penjagaan kanak-kanak selaras keperluan Akta Kanak-kanak 2001. Pengisian program adalah seperti sesi kaunseling individu, kaunseling keluarga dan kursus keibubapaan untuk meningkatkan hubungan ibu bapa dengan kanak-kanak.
- b) Seliaan dan Jagaan Susul - Kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah diberi bimbingan dan sokongan oleh Pegawai Akhlak agar mereka dapat kembali ke dalam masyarakat dengan sebaiknya.

SOALAN : 73

- c) Khidmat nasihat dan Kaunseling - Seramai 192 orang Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi yang ditempatkan di Pejabat Kebajikan Masyarakat negeri, daerah dan institusi JKM sentiasa bersedia membantu kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah yang memerlukan perkhidmatan kaunseling. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti Kaunseling individu, Kaunseling kerjaya, Kaunseling keluarga, Program Psiko pendidikan, Penaksiran Ujian Psikologi dan Konsultasi.
- d) Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak – ditubuhkan di peringkat komuniti untuk membantu JKM mengadakan program pemulihan, pencegahan, advokasi, pembangunan dan pengintegrasian semula kanak-kanak ke dalam masyarakat. Ahli Pasukan ini dipilih daripada mereka yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam perkara yang berhubungan dengan pelindungan dan pemulihian kanak-kanak. Pasukan ini juga berperanan dalam memantau perkembangan kanak-kanak yang telah melalui pemulihian di institusi kebajikan bagi memastikan kanak-kanak tersebut melalui kehidupan yang lebih baik dan tidak terjebak semula dengan jenayah.

Secara keseluruhannya, kementerian melalui JKM telah melaksanakan pelbagai program bagi memulihkan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah. Selain itu, pindaan terhadap Akta Kanak-Kanak 2001 juga telah memasukkan aspek pemerkasaan komuniti dalam membantu memberi sokongan sosial kepada kanak-kanak. Kerjasama semua pihak sama ada agensi kerajaan, korporat, NGO dan masyarakat untuk menerima dan memberi sokongan secara berterusan kepada kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah adalah langkah yang paling berkesan memulihkan jati diri dan keperibadian mereka.

SOALAN : 74

**PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI HUSAM BIN MUSA

TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Haji Husam bin Musa minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan senarai tanah-tanah DBKL yang telah diberikan kepada pihak swasta atau mana-mana pihak lain sejak 2013 dalam apa-apa bentuk serta syarat, kelulusan dan nilaiasset tersebut.

SOALAN : 74

Jawapan

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebanyak 64 transaksi yang melibatkan 395.9 ekar tanah telah dilaksanakan sejak tahun 2013 sehingga kini. Nilai aset terlibat yang mana majoritinya berdasarkan nilai yang telah dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kementerian Kewangan adalah berjumlah RM 4.30 billion.

Sebanyak 27 transaksi melibatkan pembangunan bercampur yang mengandungi komponen perniagaan, perdagangan dan pangsapuri servis. Ini melibatkan tanah seluas 118.3 ekar. Terdapat 27 transaksi melibatkan pembangunan bercampur yang mengandungi komponen RUMAWIP dan pembangunan perniagaan/perdagangan. Ini melibatkan tanah seluas 258.59 ekar. Manakala terdapat 10 transaksi akan dibangunkan sepenuhnya untuk kediaman yang melibatkan tanah seluas 18.98 ekar. 7 transaksi untuk pembangunan 100% RUMAWIP dan 3 transaksi untuk kediaman harga bebas. Melalui transaksi-transaksi ini dianggarkan terdapat sejumlah 28,700 unit RUMAWIP yang akan dibina untuk memberi kemudahan kediaman kepada warga kota.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, di antara syarat yang dikenakan kepada pembeli/pemaju iaitu mereka dikehendaki membina 50% atau 100% RUMAWIP di tanah terbabit dengan keluasan minimum 800 kaki persegi serta harga jualan yang tidak melebihi RM 300,000 seunit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK DONALD PETER
MOJUNTIN
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Donald Peter Mojuntin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pembinaan Klinik Kesihatan (KK 3) di kawasan Penampang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Projek Klinik Kesihatan (Jenis 3), Penampang, Kota Kinabalu telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (EPU, MEA) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Projek ini dilaksanakan di dalam dua (2) fasa. Fasa pertama yang melibatkan kerja dan rawatan tanah telah dimulakan pada 15 Mac 2013 dan siap sepenuhnya pada 2 Jun 2015.

Namun, untuk makluman, pelaksanaan fasa kedua projek ini tertangguh berikutan kelulusan Pelan Pembangunan (*Development Plan*) dari Majlis Daerah Penampang belum diperolehi sehingga kini. Permohonan ini telah dikemukakan sejak tahun 2012. Lanjutan daripada itu, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi melalui surat bertarikh 16 Julai 2018 dan 24 Oktober 2018 memutuskan untuk membatalkan pelaksanaan projek ini di bawah *Rolling Plan 4 (RP4)*, RMKe-11 tahun 2019.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini telah mengemukakan permohonan semula kepada EPU, MEA bagi melaksanakan projek ini di bawah RMKe-11 tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

SOALAN: 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN MANOLAN BIN
MOHAMAD**

TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah peruntukan bagi sekolah-sekolah dan asrama daif di perkampungan Orang Asli.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengenal pasti sekolah-sekolah yang masih ekonomik untuk dibaiki termasuk di perkampungan orang asli. Pembaikan sekolah-sekolah yang telah dikenal pasti tersebut dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan keutamaan yang disyorkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan peruntukan penyelenggaraan sebanyak **RM42.360** juta pada tahun 2019.

KPM juga sentiasa berusaha menyediakan keperluan harta modal sekolah dan asrama di perkampungan orang asli. Namun, peruntukan yang diterima oleh KPM adalah sangat terhad berbanding keperluan sebenar. Bagi peruntukan harta modal, agihan diturunkan sebanyak **RM28.856** juta kepada sekolah-sekolah berdasarkan keutamaan yang ditentukan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Keutamaan adalah berdasarkan keperluan mendesak seperti penggantian kerana kerosakan yang teruk seperti kebakaran, peralatan yang telah usang dan lain-lain serta pertambahan bilangan murid.

Selain daripada itu, salah satu daripada sembilan (9) Bantuan Persekolahan yang disediakan oleh KPM adalah Bantuan Makanan Asrama (BMA). Semua BMA di asrama murid orang Asli menggunakan menu standard asrama KPM dengan kadar kontrak semasa. Murid orang Asli dikecualikan daripada membayar yuran makan asrama sebanyak RM1 atau RM3 sehari. Merujuk kepada Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bilangan 8 Tahun 2012, Murid Orang Asli telah

SOALAN: 76

mendapat pengecualian dari membayar Yuran Makanan Asrama daripada Perbendaharaan Malaysia.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK RABIYAH BINTI ALI
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Rabiyah Binti Ali minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan kes-kes penyakit tibi dan kusta yang direkodkan pada tahun 2017 dan 2018 serta apakah tindakan pencegahan yang perlu diambil.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Jumlah kes Tibi yang dilaporkan di Malaysia pada tahun 2018 adalah sebanyak 25,837 kes (kadar insiden 79 setiap 100,000 penduduk), penurunan sebanyak 1.3% berbanding 26,168 kes (kadar inseden 81 setiap 100,000 penduduk) pada tahun 2017.

Bagi kes Kusta pula, pada tahun 2018, sejumlah 206 kes dilaporkan iaitu penurunan sebanyak 3.7% berbanding tahun sebelumnya (214 kes).

Untuk makluman ahli – ahli Yang Berhormat, penyakit Tibi adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh kuman *Mycobacterium tuberculosis* dan merebak melalui **udara**. Tibi boleh menjangkiti sesiapa sahaja tanpa mengira usia. Tindakan pencegahan yang boleh dilakukan oleh masyarakat dalam menangani penyakit ini adalah:

- i. Jika mempunyai tanda dan gejala seperti batuk berpanjangan melebihi dua (2) minggu, demam, kurang selera makan dan turun berat badan, pesakit hendaklah segera melakukan pemeriksaan kesihatan dan saringan penyakit Tibi di fasiliti kesihatan Kerajaan atau swasta yang berhampiran; dan
- ii. Penyakit Tibi boleh sembuh dengan syarat pesakit perlu mematuhi jadual rawatan yang telah ditetapkan iaitu mengambil rawatan setiap hari selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan.

Bagi penyakit Kusta, Kementerian Kesihatan sedang memperluaskan perkhidmatan diagnosa dan rawatan kusta di fasiliti kesihatan yang terletak di lokaliti endemik. Ini amat penting untuk menjamin perkhidmatan yang mudahcapai dan secara langsung dapat mengurangkan kos perjalanan/pengangkutan oleh pesakit untuk pergi mendapatkan rawatan.

Strategi kawalan dan pencegahan yang dirancang adalah lebih fokus kepada kontak dan mereka yang berisiko tinggi. Kementerian Kesihatan telah mengenal pasti golongan-golongan berisiko yang mudah dijangkiti kusta. Selain dari kontak rapat kepada pesakit, mereka adalah dalam kalangan Orang Asli, Pribumi dan bukan warganegara. Aktiviti advokasi dipertingkatkan di lokaliti endemik bagi memberi kesedaran kepada komuniti mengenai beban kusta yang masih memberi masalah. Ini disertai dengan aktiviti saringan kulit bagi mengesan tanda-tanda kusta dalam kalangan penduduk kampung yang berisiko. Masyarakat yang berisiko dinasihatkan untuk mengenalpasti tanda-tanda kusta di peringkat awal agar terus mendapatkan ujian saringan kulit di klinik-klinik kesihatan yang berhampiran. Melalui saringan ini, ia dapat mengurangkan transmisi atau penularan kusta melalui pengesahan awal bagi pesakit yang telah dijangkiti. Pengesahan awal dan pemberian rawatan adalah langkah utama di dalam mengawal dan mencegah penularan kusta. Tanggungjawab keluarga dan komuniti sekeliling pula adalah memberi galakan kepada pesakit yang disahkan kusta untuk meneruskan rawatan yang diberi sehingga sembuh.

SOALAN : 77

KKM akan terus melakukam penambahbaikan dalam penyampaian bagi perkhidmatan sedia ada dan strategi dan aktiviti kawalan adalah lebih fokus kepada keperluan pesakit (*patient centered care*). KKM juga amat memerlukan kerjasama dari pelbagai agensi, badan bukan kerajaan (NGO) agar program-program yang dilaksanakan dapat memberi impak yang lebih tinggi dan manpan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' ONG CHONG
SWEN
TARIKH : 23 APRIL 2019

DATO' ONG CHONG SWEN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah undang-undang bagi menyelesaikan masalah "stalking" atau menghendap akan digubal kerana masalah ini sudah lama berlarutan.

SOALAN : 78

JAWAPAN : **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara sedang membuat kajian menyeluruh berhubung dengan kesalahan jenayah menghendap. Kerajaan akan mengambil kira input daripada pertubuhan bukan Kerajaan yang telah diberikan.
2. Memandangkan kajian menyeluruh sedang dilaksanakan, buat masa ini garis masa penggubalan undang-undang tersebut masih belum dapat ditetapkan dan hasil kajian juga tidak dapat diperincikan.
3. Kerajaan akan membuat pertimbangan selepas kajian menyeluruh tersebut dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB SENATOR DATIN RAHIMAH BINTI
HAJI MAHAMAD**
TARIKH : 23 APRIL 2019

Datin Rahimah Binti Haji Mahamad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah individu yang mengalami masalah kesihatan mental di seluruh negara dan apakah langkah yang diambil Kerajaan untuk menjaga kebajikan kumpulan ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Mengikut Kajian Kesihatan and Morbiditi Kebangsaan (NHMS) yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, pada tahun 2015 prevalen masalah kesihatan mental dalam kalangan orang dewasa berumur 16 tahun ke atas adalah 29.2% dan jumlah ini merangkumi sejumlah 4.2 juta rakyat negara ini .

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi menjaga kebajikan kumpulan ini adalah ;

1) Dari aspek promosi kesihatan mental

- (a) Aktiviti-aktiviti promosi kesihatan mental seperti Kempen Cara Hidup Sihat dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran awam tentang kesihatan mental. Kempen ini turut memfokuskan kepada langkah – langkah menangani Stres and cara mengatasi stigma kesihatan mental. Aktiviti-aktiviti promosi kesihatan mental seumpama ini juga meliputi kem-kem kesihatan, pameran, ceramah, dialog dan forum. Risalah dan poster berkaitan kesihatan mental dan penyakit mental juga diedarkan melalui klinik-klinik kesihatan. Kementerian juga telah mewujudkan laman web Portal MyHealth www.myhealth.gov.my. yang memuatkan maklumat tepat tentang topik-topik kesihatan mental; dan
- (b) Bagi mempertingkatkan kemahiran menangani stres di kalangan komuniti, usaha-usaha mempromosikan kesihatan

mental dan mencegah penyakit mental juga dilaksanakan melalui latihan kemahiran daya tindak dan aktiviti pemerkasaan komuniti di mana elemen menangani stres dimasukkan sebagai salah satu komponen dalam KOSPEN PLUS di Tempat Kerja.

2) Aspek pencegahan penyakit mental, pengesanan awal, rawatan

- (a) KKM juga memberi perkhidmatan psikiatri melalui empat (4) buah institusi mental dan 33 hospital Kerajaan di seluruh Malaysia. Di peringkat kesihatan primer, KKM menyediakan perkhidmatan kesihatan mental di 958 buah klinik-klinik kesihatan meliputi aktiviti promosi dan pengesanan awal melalui saringan untuk mengesan awal tahap stres, keresahan dan kemurungan dengan 298 orang Pakar Perubatan Keluarga bagi merawat gangguan mental dan pengurusan kes berkaitan cubaan bunuh diri; dan
- (b) Bagi meningkatkan kompetensi anggota kesihatan untuk mengenalpasti dan mengendalikan gangguan mental klien, KKM terus melatih anggota kesihatan secara berkala melalui modul-modul latihan kesihatan mental yang telah dibangunkan

3) Aspek Rehabilitasi

- (a) KKM telah membangunkan 25 Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) di seluruh negara bagi memberi perkhidmatan pengesanan awal dan pemulihan serta

rehabilitasi pesakit mental. Pesakit dilatih untuk berdikari seperti diajar kaedah penyediaan makanan manakala bagi pesakit mental yang telah stabil, cadangan penempatan pekerjaan juga disyorkan oleh pihak pengurusan rawatan.

4) Melalui kolaborasi antara agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan

- (a) KKM bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi melaksanakan Program Minda Sihat di kalangan murid sekolah di 2343 buah sekolah menengah di seluruh Negara. Program ini bertujuan untuk memperkasakan murid dalam menangani stres cabaran kehidupan sehari-hari dengan lebih berkesan. Impak daripada program ini, modul intervensi serta program pencegahan dihasilkan bagi meningkatkan kemahiran gaya daya tindak (*coping skill*) pelajar apabila berhadapan sesuatu masalah dan membantu menangani sikap agresif dan keceluaran minda termasuk kejadian buli; dan
- (b) KKM juga bekerjasama dalam mempromosikan perkhidmatan *The Befrienders*, iaitu satu badan NGO yang menawarkan perkhidmatan kaunseling melalui telefon dan e-mel, perkhidmatan perbincangan dan kaunseling secara tertutup melalui laman web www.facebook.com/BefriendersKL kepada individu termasuk wanita yang mempunyai masalah emosi, murung dan keinginan untuk membunuh diri.

SOALAN : 79

KKM amat mengalu-alukan kerjasama semua Kementerian untuk menangani isu permasalahan mental ini secara bersama. KKM juga berharap peruntukan dalam kesihatan mental dapat dipertingkatkan bagi memberi fokus dalam aspek pencegahan permasalahan mental dan promosi kesihatan mental.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN MOHD YUSMADI
BIN MOHD YUSOFF
TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Mohd Yusmadi Bin Mohd Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia akan mengambil tindakan undang-undang terhadap Goldman Sachs berkaitan dengan Skandal 1MDB.

JAWAPAN : **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peguam Negara telah memfailkan pertuduhan jenayah terhadap anak syarikat Goldman Sachs di Malaysia, dua bekas pekerja Bank Amerika Syarikat, Tim Leissner dan Ng Chong Hwa, bekas pekerja 1Malaysia Development Berhad, Jasmine Loo bersama ahli perniagaan, Low Taek Jho atas kesalahan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671].
2. Ng Chong Hwa telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 19 Disember 2018 dalam kes nombor WA-62SC-10-12/2018 dan WA-62SC-11-12/2018.
3. Saman untuk hadir ke Mahkamah telah dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Kuala Lumpur kepada Goldman Sachs International, Goldman Sachs (Asia) LLC dan Goldman Sachs (Singapore) Pte. pada 17 Disember 2018 masing-masing dalam kes nombor WA-85-12-12/2018, WA-85-13-12/2018 dan WA-85-14-12/2018. Tarikh sebutan akan datang adalah pada 18 Mac 2019. Saman telah diserahkan dengan sewajarnya kepada Goldman Sachs (Singapore) Pte. dan Pengarah Goldman Sachs (Singapore) Pte. telah hadir ke Mahkamah pada 18 Mac 2019. Saman terhadap Goldman Sachs International dan Goldman Sachs

SOALAN : 80

(Asia) LLC telah diserahkan melalui bantuan undang-undang bersama dengan negara asing. Tarikh sebutan akan datang adalah pada 24 Jun 2019.

4. Berhubung dengan Low Taek Jho, Loo Ai Swan dan Tim Leissner, waran tangkap telah dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Kuala Lumpur pada 17 Disember 2018 masing-masing dalam kes nombor WA-89-1136-12/2018, WA-89-1137-12/2018 dan WA-89-1138-12/2018. Waran tangkap telah diserah simpan dengan Interpol tidak lama selepas waran tangkap dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Kuala Lumpur. Sudah menjadi pengetahuan umum bahawa ketiga-tiga individu tersebut tidak berada di Malaysia. Kedudukan Low Taek Jho dan Loo Ai Swan masih belum diketahui, dan Tim Leissner berada di Amerika Syarikat menunggu hukuman.

5. Oleh yang demikian, Kerajaan pada masa ini belum berhasrat untuk memfailkan tuntutan saman atau apa-apa tindakan undang-undang di Amerika Syarikat sama ada terhadap bank pelaburan Goldman Sachs mahupun pihak lain yang terlibat bagi mendapatkan semula kerugian yang dialami melalui urus niaga dengan 1Malaysia Development Berhad kerana ingin memberi fokus kepada perbicaraan kes jenayah tersebut.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' ISA BIN AB.HAMID

TARIKH : 23 APRIL 2019

Dato' Isa Bin Ab. Hamid minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha Kementerian ini untuk menaik taraf perjawatan Perkhidmatan PGA Senoi Praq daripada SRP/PT3 kepada SPM supaya kerjaya ini lebih dinamik dengan cabaran keselamatan hari ini dan masa depan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Buat masa ini, tiada kajian untuk mengubah syarat-syarat pengambilan bagi skim perkhidmatan bagi jawatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli (Gred YP1) daripada PMR/PT3 ke Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kementerian berpandangan dengan menaikkan kelayakan pendidikan ini akan mengecilkan peluang dan secara tidak langsung memberikan keistimewaan kepada mereka untuk menyertai PDRM.

Namun begitu, mana-mana di kalangan mereka yang mempunyai kelayakan pendidikan yang lebih tinggi berpeluang untuk menyertai pengambilan di peringkat Konstabel (*Regular*), Sarjan dan Inspektor. Sekiranya di kalangan mereka menunjukkan prestasi yang cemerlang Suruhanjaya Pasukan Polis boleh mempertimbangkan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) mengikut syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 83

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN

TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Kamarudin Bin Abdun minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi peningkatan aktiviti gerombolan bot-bot nelayan dari negara Thailand dan Vietnam yang kerap kali dikesan menceroboh masuk ke perairan Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri memandang serius berhubung isu pencerobohan bot-bot nelayan asing ke perairan negara ini. Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (APMM) iaitu agensi yang baru diletakkan di bawah KDN sentiasa mengambil serius berkenaan isu pencerobohan bot nelayan asing di perairan Malaysia yang mengakibatkan Negara kehilangan hasil laut berbilion ringgit.

Pelbagai usaha dan langkah dijalankan bagi memastikan perairan Malaysia bebas daripada pencerobohan nelayan asing. Jumlah keseluruhan bot nelayan asing (BNA) yang ditahan oleh APMM adalah sebanyak 1,226 buah bot termasuk 44 bot nelayan asing yang ditahan sehingga April 2019 iaitu 35 buah bot (Vietnam), 3 buah bot (Indonesia), 6 buah bot (Thailand).

Antara usaha lain dalam menangani masalah pencerobohan nelayan asing di Zon Maritim Malaysia adalah:

- a) Melaksanakan rondaan rutin 24/7 di perairan negara oleh kapal dan bot Maritim Malaysia bagi mengesan kegiatan jenayah maritim dan isu pencerobohan bot nelayan asing (BNA) khususnya dari negara Vietnam dan Thailand;
- b) Pemantauan melalui Sistem Pengawasan Laut (SWASLA). 9 buah radar di Semenanjung Malaysia, 3 buah radar di Sabah dan 2 buah radar mudah alih digunakan bagi mengesan objek yang mencurigakan serta pencerobohan BNA yang akan

SOALAN : 83

disalurkan terus ke pusat operasi yang berdekatan supaya tindak balas pantas (*response time*) dapat dilaksanakan. Selain itu, pemasangan radar baru di Pulau Perak dan Pulau Jarak dijangka beroperasi penghujung April 2019;

- c) Pengoperasian dua (2) buah kapal kelas OPV (*Offshore Patrol Vessel*) KM PEKAN dan KM ARAU yang telah dioptimumkan sepenuhnya kerana kemampuannya untuk bertahan dalam tempoh yang lama di perairan Laut China Selatan (*endurance*). Selain itu, pembinaan 3 Kapal Peronda Luar pantai (OPV) dijangka siap pada Ogos 2020 dan ini akan memberi impak positif dalam menekan aktiviti haram di ZEE termasuk pencerobohan BNA;
- d) Pengawasan melalui aset udara dari semasa ke semasa akan terus dilaksanakan bagi mengesan pencerobohan bot nelayan asing yang memasuki perairan negara; dan
- e) Pemantauan RS3 (*Radar Surveillience, Safety, Security*) oleh pihak Petronas di perairan Sabah Timur. Proses pemasangan dan latihan terhadap sistem RS3 telah pun dilaksanakan. Sistem ini dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun ini. Sistem ini mampu mengesan BNA menggunakan Radar pada jarak 60KM dan pengawasan kamera pada jarak 23 KM. Maklumat lokasi BNA ini akan disalurkan kepada APMM untuk tindakan lanjut;

SOALAN : 83

APMM akan sentiasa meningkatkan rondaan dan penguatkuasaan undang-undang terutama di kawasan sempadan perairan negara bagi mengelak aktiviti pencerobohan haram terus berleluasa. Orang ramai diminta menyalurkan sebarang maklumat mengenai aktiviti pencerobohan nelayan asing atau kecemasan melalui talian kecemasan 24 jam MERS 999 dan menyalurkan terus maklumat ke pusat Operasi Maritim dan Zon Maritim yang terdekat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN ASMAK BINTI HUSIN
TARIKH SOALAN : 23 APRIL 2019

PUAN ASMAK BINTI HUSIN minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah bentuk sokongan yang disediakan untuk usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) yang ingin menaik taraf perusahaan mereka ke tahap yang lebih tinggi.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dengan kerjasama agensi di bawah Kementerian telah melaksanakan program khusus untuk membantu PKS meningkatkan keupayaan dan kapasiti. Selain program pembangunan kapasiti, bantuan turut disalurkan dari segi khidmat nasihat dan kewangan sama ada dalam bentuk geran atau pinjaman mudah. Antaranya program/bantuan tersebut adalah seperti berikut:-
 - (i) TEKUN telah menyediakan pembiayaan mudah dan menjalankan kerjasama bersama agensi kerajaan yang lain seperti SIRIM dan *Malaysian Design Development Centre* (DDEC) bagi memberi manfaat kepada para usahawan melalui program teknologi pembungkusan, pelabelan dan pembangunan produk;
 - (ii) MaGIC telah menyediakan peluang untuk akses pasaran luar negara, pemandanan perniagaan dan Program *Thematic Business Accelerators* melalui unit *Asean Center for Entrepreneurship* (ACE). MaGIC menjalankan pelbagai program yang menyasarkan impak dan inovasi seperti “*Pre Accelerator*” serta “*Global Accelerator Program (GAP)*” yang memberi fokus kepada Pembangunan Model Perniagaan yang berdaya saing serta mempunyai impak jangka panjang;
 - (iii) SME Corp. Malaysia pula menyediakan program *Business Accelerator (BAP)*. Sehingga Februari 2019, sebanyak 2,190 PKS telah diluluskan geran bersamaan (*matching grant*) berjumlah RM268.19 juta. Sebanyak 473 PKS lagi telah diluluskan pinjaman mudah berjumlah RM207.31 juta. Selain itu, program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) turut dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia bertujuan untuk meningkatkan daya saing PKS Bumiputera melalui bantuan yang komprehensif dan bersepada dengan pendekatan

SOALAN: 84

bimbingan termasuk mengukuhkan teras perniagaan, membina kapasiti dan keupayaan, meningkatkan produktiviti dan memudahkan akses kepada pembiayaan; dan

- (iv) SME Bank juga turut menganjurkan program '*Outreach 1st round*' yang telah dihadiri oleh 255 usahawan di tiga wilayah iaitu Wilayah Pantai Timur, Wilayah Utara dan Wilayah Selangor di mana melalui '*Biz Clinic*', usahawan telah berpeluang berjumpa dengan pegawai-pegawai Bank untuk mendapatkan informasi mengenai pembiayaan di SME Bank. Bagi tahun 2019, sebanyak 147 syarikat telah berminat untuk memohon pembiayaan yang berjumlah sekitar RM358.5 juta.
2. SME Corp juga telah menganjurkan program *ASEAN-Japan Women Entrepreneurs' Linkage* (AJWELP) dengan kerjasama ASEAN-Japan Centre (AJC) di Kuala Lumpur pada 27 - 30 Januari 2019. Program ini telah memanfaatkan 12 PKS khususnya usahawan wanita tempatan untuk meningkatkan pengetahuan dan memberi pendedahan tentang dunia keusahawanan.
3. Manakala program *Malaysia-Korea Technology Exchange Conference* yang telah diadakan pada 13 Mac 2019 telah memberi peluang mewujudkan rantaian perniagaan di antara PKS Malaysia dan Korea melalui kerjasama perniagaan (*business partnership*) dan pertukaran teknologi (*technology exchange*). Program ini telah berjaya membantu usahawan tempatan untuk menembusi pasaran Korea dan telah menghasilkan potensi jualan sebanyak RM10.24 juta melalui sesi pemadanan perniagaan dan juga perjanjian kontrak perniagaan.
4. Program *Groom Big* yang dilaksanakan oleh MED dengan kerjasama strategik bersama Agensi/Kementerian bertujuan untuk meningkatkan keupayaan usahawan PKS supaya lebih berdaya saing di pasaran terbuka dan eksport. Pendekatan pelaksanaan program adalah merangkumi tiga aspek iaitu pembangunan produk, pengembangan ilmu pengetahuan dan pemasaran dan promosi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI MUHAMAD BIN
MUSTAFA
TARIKH : 23 APRIL 2019

TUAN HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFA minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-

- a) sejauh manakah wawasan Malaysia untuk mencapai taraf negara maju pada tahun 2020 dapat direalisasikan di dalam keadaan negara yang dihimpit pelbagai masalah kini; dan
- b) apakah langkah-langkah baru yang diambil oleh Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penentuan status negara maju berpendapatan tinggi adalah berasaskan tahap minimum Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita yang ditetapkan oleh Bank Dunia pada tahun 2017, iaitu sebanyak AS\$12,056. Pendapatan per kapita Malaysia pada 2018 ialah RM42,627, iaitu bersamaan AS\$10,564. Paras ini merupakan 13.7 peratus berbanding anggaran paras pendapatan negara maju.
2. Di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan telah membuat semakan semula ke atas sasaran untuk mencapai tahap negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Semakan semula ini mendapati PNK per kapita negara pada tahun 2020 dijangka mencecah RM47,720 atau AS\$11,700, iaitu jurang dalam lingkungan 6% di bawah paras pendapatan minimum negara berpendapatan tinggi. Malaysia dijangka akan mencapai tahap negara maju dan berpendapatan tinggi hanya pada tahun 2024.
3. Walau bagaimanapun, usaha untuk mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi akan dapat direalisasikan lebih awal sekiranya keadaan pertumbuhan ekonomi bertambah baik melalui persekitaran ekonomi luaran yang lebih menggalakkan, pertumbuhan dalam negeri yang dinamik dan nilai ringgit yang lebih kukuh.

4. Matlamat untuk menjadi negara maju bukan sekadar mencapai tahap negara berpendapatan tinggi kerana pencapaian ini perlu diiringi dengan kuasa beli rakyat yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, aspirasi untuk menjadi negara maju memerlukan Malaysia turut maju dalam pelbagai dimensi lain, seperti ekonomi, politik, budaya, alam sekitar, psikologi, rohani dan sosial.
5. Oleh yang demikian, Kerajaan terus mengambil inisiatif bagi memastikan momentum pertumbuhan ekonomi sentiasa meningkat di samping menekankan aspek inklusiviti bagi mengurangkan jurang pendapatan dalam kalangan rakyat dan jurang pembangunan antara wilayah. Selain itu, aspek kemampuan alam sekitar turut diberi perhatian agar sumber negara dapat dimanfaat secara optimum.
6. Tumpuan akan diberi kepada pengukuhan asas-asas ekonomi melalui pelaksanaan strategi-strategi berikut:
 - a. Pertama: Memacu produktiviti pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif;
 - b. Kedua: Menggalakkan pelaburan berkualiti dengan menumpukan kepada pelaburan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi, yang menggunakan teknologi tinggi serta yang berintensifkan pengetahuan. Ini sekaligus dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran dengan gaji yang tinggi;

SOALAN : 85

- c. Ketiga: Melaksanakan inisiatif untuk beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi. Ini termasuklah melalui penumpuan kepada perkhidmatan berintensif pengetahuan dan pemodenan sektor pertanian;
 - d. Keempat: Mengukuhkan eksport dan mengurus import untuk menambah baikimbangan pembayaran; dan
 - e. Kelima: Memberi penekanan kepada langkah pengukuhan fiskal untuk memastikan kemampanan dalam jangka sederhana.
7. Kerajaan yakin bahawa langkah-langkah ini dapat menyumbang kepada pengukuhan dan kemampanan ekonomi negara sekaligus menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 86

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DR. YAAKOB BIN SAPARI
TARIKH : 23 APRIL 2019

Dr. Yaakob bin Sapari minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah bilangan wanita yang telah berdaftar dengan program i-Suri sehingga 30 Mac 2019.

SOALAN : 86

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah suri rumah dan wanita yang telah berdaftar di bawah program Caruman Sukarela Insentif Suri (i-Suri) Fasa 1 yang mula berkuat kuasa pada 15 Ogos 2018 sehingga 31 Mac 2019 adalah sebanyak 97,814 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN NGA HOCK CHEH

TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Nga Hock Cheh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penekanan (weightage) yang diberikan kepada kekananan Kehakiman (judicial seniority) dalam pemilihan hakim kepada Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan.

JAWAPAN : **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan hakim-hakim kepada Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan adalah berasaskan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dalam proses pemilihan sebagaimana yang terkandung dalam Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009, seksyen 23 (2). Antara kriteria pemilihan calon yang mesti diambil kira oleh Suruhanjaya ialah:

- (a) integriti, kompetensi dan pengalaman;
- (b) objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik
- (c) ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang;
- (d) kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik;
- (e) kesihatan fizikal dan mental.

Seksyen 23 (3) juga menetapkan bahawa hakim atau pesuruhjaya Kehakiman yang sedang berkhidmat tidak boleh dilantik jika dia mempunyai tiga penghakiman atau lebih yang belum selesai atau

SOALAN : 87

alasan penghakiman yang belum ditulis yang terlewat enam puluh hari atau lebih dari tarikh penghakiman atau alasan penghakiman itu disifatkan cukup tempoh. Oleh yang demikian, pemilihan hakim-hakim ke Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan adalah berdasarkan kepada merit dan prestasi serta tertakluk kepada kekosongan jawatan. Tiada weightage diberikan kepada kekananan Kehakiman (judicial seniority).

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 88

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI MOHD SUHAIMI
BIN ABDULLAH**

TARIKH : 23 APRIL 2019

Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat program-program menguruskan ahli keluarga yang terlibat dengan penagihan dadah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) selain menyediakan program-program intervensi kepada penagih, AADK turut menyediakan program-program kepada keluarga yang terlibat dengan penagihan dadah di bawah fokus Keluarga Bebas Dadah melalui program dikenali *Family On Alert* (FOA).

Program FOA merupakan program berbentuk kekeluargaan yang dilaksanakan kepada keluarga yang berisiko terlibat dengan permasalahan dadah. Tujuan program ini dilaksanakan adalah supaya keluarga dan penjaga dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi memastikan anak-anak tidak terjerumus dengan permasalahan dadah. Program ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2013 dan sehingga suku tahun 2019, sebanyak 316 siri program FOA telah dilaksanakan. Berdasarkan laporan suku tahun 2019 seramai 1,880 orang ahli keluarga telah mengikuti program FOA dengan majoriti peserta dari kawasan berisiko tinggi .

Objektif utama program ini adalah untuk memberi kesedaran dan pengetahuan kepada peserta mengenai kesan dadah terhadap kesihatan mental dan fizikal. Selain daripada itu, program ini turut memberi pengetahuan, kemahiran serta panduan cara gaya keibubapaan, pengurusan kewangan dan pengurusan tekanan untuk keluarga yang mempunyai ahli terlibat dadah.

SOALAN : 88

Kumpulan sasar bagi program ini adalah kepada keluarga yang menetap di kawasan berisiko (kadar jenayah tinggi, masalah sosial, jumlah penagih yang tinggi); berasal daripada keluarga bercerai-berai; ahli keluarga merupakan penagih dadah, ibu-bapa tunggal dan keluarga yang ahlinya terlibat dengan kes-kes Seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya, 1952.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN HAJAH RAHEMAH
BINTI IDRIS
TARIKH : 23 APRIL 2019

Puan Hajah Rahemah Binti Idris minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan berapa ramai pekebun kecil yang terkesan dengan kejatuhan harga komoditi sawit dan langkah yang sedang di ambil untuk menstabilkan harga sawit.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Berikutan penurunan harga minyak sawit bermula tahun 2018, tidak dinafikan ramai pekebun kecil turut menerima kesan kejatuhan harga komoditi tersebut. Namun, bagi meningkatkan dan menstabilkan kembali harga ke paras yang lebih kompetitif, Kementerian telah dan sedang melaksanakan beberapa langkah segera bagi meminimumkan impak kejatuhan harga terutamanya kepada pendapatan para pekebun kecil. Langkah-langkah yang telah pun dilaksanakan ialah meningkatkan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum dari Program B7 kepada Program B10 di sektor pengangkutan yang telah dimandatorikan bermula Februari 2019. Kerajaan juga akan melaksanakan Program B7 di sektor industri bermula Julai 2019 secara mandatori. Pelaksanaan program ini dijangka melibatkan pertambahan penggunaan minyak sawit untuk biodiesel sebanyak 761,000 tan setahun. Ini akan menyumbang kepada pengurangan stok minyak sawit tempatan dan seterusnya memperkuuhkan harga minyak sawit.

Langkah-langkah jangka sederhana dan panjang untuk memperkuuhkan harga sawit termasuk menjadikan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) mandatori pada Januari 2020; menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D); meningkatkan akses pasaran di negara-negara pengimport melalui perundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau serantau; dan bekerjasama dengan Indonesia dan Colombia melalui *Council of Palm Oil Producing Countries (CPOPC)*.

SOALAN : 89

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini, telah diadakan majlis pelancaran rasmi Kempen ‘Sayangi Sawitku’ pada 24 Mac 2019 oleh YAB Perdana Menteri. Selepas daripada majlis tersebut, didapati harga dan eksport minyak sawit telah mengalami *trend* peningkatan. Pada 25 Mac 2019, harga minyak sawit mentah (CPO) adalah RM1,885.50 se tan. Harga CPO ini sedang menunjukkan peningkatan di mana pada 11 April 2019 harga CPO adalah berada pada RM2,019.00 se tan. Bagi eksport pula, untuk tempoh Januari hingga Februari 2019, eksport minyak sawit telah meningkat hampir 4% kepada 2,725,119 tan berbanding 2,621,143 tan pada tempoh yang sama tahun 2018.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan berusaha untuk membentuk jalinan kerjasama perdagangan yang lebih erat dengan China, India dan Eropah bagi meningkatkan lagi eksport minyak sawit Malaysia ke negara-negara tersebut melalui memorandum persefahaman dan perjanjian perdagangan bebas. Terkini, empat (4) syarikat Malaysia telah menandatangani dokumen hasrat pembelian dengan tiga (3) syarikat dari China bagi mengeksport sebanyak 1.62 juta tan minyak sawit ke negara tersebut. Pemeteraian dokumen hasrat pembelian antara syarikat Malaysia dan China tersebut bernilai US\$891 juta (RM3.64 billion) berdasarkan harga semasa. Pembelian minyak sawit ini dijangka dapat mengurangkan stok minyak sawit Malaysia serta meningkatkan harga komoditi ini. Pemeteraian dokumen hasrat pembelian ini merupakan tindakan susulan kepada persetujuan yang dicapai semasa mesyuarat antara Kerajaan Malaysia dan China pada Ogos 2018 untuk meningkatkan pembelian minyak sawit Malaysia oleh negara China sebanyak 500,000 tan.

SOALAN : 89

Manakala bagi negara India, eksport minyak sawit ke negara tersebut dijangka meningkat pada tahun ini berikutan penurunan duti import minyak sawit oleh negara India melalui komitmennya di bawah perjanjian *Malaysia – India Comprehensive Economic Co-operation Agreement* (MICECA). Duti import minyak sawit mentah adalah 40% dan minyak sawit proses adalah 45% berbanding kadar di bawah MFN (*Most Favoured Nation*) iaitu 44% untuk minyak sawit mentah dan 54% untuk minyak sawit proses. Melalui pengurangan duti import di bawah MICECA ini, eksport minyak sawit Malaysia dijangka akan meningkat.

Sekian, terima kasih.

SOALAN: 90

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU
TARIKH : 23 APRIL 2019

Puan Raj Munni binti Sabu minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai pelan strategik bagi menambah jumlah pelajar yang mengikuti aliran sains di sekolah, seiring keperluan RI 4.0 negara. Jelaskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil langkah memperkenalkan Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dalam usaha menggalakkan murid mengikuti bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di peringkat menengah dan lepas menengah.

Sehubungan dengan itu, Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM dirancang dengan mengambil kira enam (6) aspirasi keberhasilan murid di samping menyediakan murid yang berkelayakan dan mencukupi dalam bidang STEM melalui tiga (3) langkah iaitu;

1. meningkatkan minat murid melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang baharu dan pemantapan kurikulum;
2. meningkatkan kemahiran dan kebolehan guru; dan
3. meningkatkan kesedaran murid dan orang awam.

Bagi meningkatkan minat murid dalam bidang STEM, pelbagai program dirancang dan dilaksanakan dalam inisiatif ini meliputi pendidikan formal dan bukan formal. Inisiatif dalam pendidikan formal antaranya ialah penekanan kepada aplikasi dunia sebenar dan pembelajaran amali atau *hands-on* dalam PdP. Aktiviti bukan formal termasuklah Karnival STEM, Program Mentor Mentee STEM, Penubuhan Kelab STEM+, Pertandingan School Lab, Gamifikasi STEM dan Rancangan TV Realiti Adiwira STEM.

SOALAN: 90

Bagi meningkatkan kompetensi guru pula, antara program yang dilaksanakan adalah *Inquiry Based Science Education* (IBSE) dan *Inquiry Based Mathematics Education* (IBME) untuk membantu guru menggunakan pendekatan inkuiiri dalam proses PdP. Selain itu program seperti Kolokium Pendidikan STEM, Persidangan Antarabangsa Pendidikan STEM dan program mentor mentee STEM turut dilaksanakan untuk membantu meningkatkan kemahiran guru STEM.

Pelan Tindakan Strategik STEM Nasional 2018 – 2025 telah dibangunkan secara bersama oleh KPM dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dengan matlamat untuk meningkatkan minat, kesedaran dan enrolmen pelajar dalam bidang STEM; menyediakan dan melengkapkan keperluan bakat bagi memenuhi permintaan industri dan pekerjaan pada masa hadapan; melahirkan modal insan yang kompeten dan membantu meningkatkan daya saing negara; serta menjadikan STEM sebagai sebahagian daripada gerakan sains kebangsaan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN KHAIRUL AZWAN
BIN HARUN
TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Khairul Azwan Bin Harun minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapakah bilangan pelajar yang menerima pinjaman pelajaran luar negara MARA dan berapakah peningkatan atau penurunan berbanding tahun-tahun yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, jumlah pengambilan pelajar baru ke luar negara dari tahun 2017 hingga 2019 adalah seperti berikut:

Tahun 2017 – 1,116 orang

Tahun 2018 – 1,004 orang

Tahun 2019 – 1,000 orang (sasaran)

Antara sebab pengurangan jumlah penerima pinjaman pelajaran MARA di luar negara disebabkan oleh beberapa faktor berikut:

- i. Kenaikan yuran pengajian;
- ii. Perubahan kadar mata wang;
- iii. Penghantaran pelajar hanya ke universiti terkemuka luar negara sahaja; dan
- iv. Fokus penajaan kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara bagi memantapkan industri pendidikan dan institusi pendidikan dalam negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN LIM HUI YING
TARIKH : 23 APRIL 2019

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah suri rumah yang berdaftar untuk Caruman Sukarela Insentif Suri (i-Suri), berapakah jumlah insentif yang sudah dibayar serta rancangan Kementerian untuk menggalakkan lebih ramai suri rumah menyertai skim tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah suri rumah dan wanita yang telah berdaftar di bawah program Caruman Sukarela Insentif Suri (i-Suri) Fasa 1 yang mula berkuat kuasa pada 15 Ogos 2018 sehingga 31 Mac 2019 adalah sebanyak 97,814 orang.

Bagi pelaksanaan i-Suri pada Ogos hingga Disember 2018, Kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah meluluskan RM9.51 juta bagi pembayaran insentif tahun 2018 untuk dikreditkan ke dalam akaun ahli i-Suri. Insentif Kerajaan telah dikreditkan ke akaun ahli pada 1 April 2019.

Bagi menggalakkan pendaftaran i-Suri dalam kalangan wanita dan suri rumah yang memenuhi kriteria kelayakan, Kementerian melalui Agensi Pelaksana dan Rakan Strategik termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) masih menggiatkan aktiviti promosi i-Suri melalui inisiatif *mobile team* dan siaran media. Inisiatif mempromosikan i-Suri melalui *Program Outreach* oleh JKM dan AIM dilihat amat membantu dalam memberikan pendedahan mengenai i-Suri kepada kumpulan sasar dan seterusnya meningkatkan jumlah pendaftaran dalam kalangan wanita yang layak dan memenuhi kriteria.

Kumpulan sasar yang layak memohon i-Suri juga telah diperluaskan bagi pelaksanaannya pada tahun 2019 iaitu meliputi wanita dan suri rumah yang berumur 18 tahun ke atas dan belum mencapai 60 tahun semasa pendaftaran dan berdaftar dengan eKasih sehingga 30 November 2019.

SOALAN: 93

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' DR. ANANTHAN A/L
SOMASUNDARAM**

TARIKH : 23 APRIL 2019

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian Pendidikan Malaysia bercadang untuk mewujudkan skim guru ganti di sekolah-sekolah untuk menggantikan guru-guru yang berkursus dan bercuti setiap hari.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa bagi memastikan pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas berlangsung dengan baik, KPM sememangnya telah melaksanakan skim Guru Ganti iaitu guru yang dibayar gaji hari yang ditempatkan di suatu sekolah atas dasar keperluan semasa bagi mengisi kekosongan sementara guru tetap disebabkan cuti bersalin, cuti sakit yang panjang, cuti haji, berkursus atau lain-lain hal yang dibenarkan. Pengambilan Guru Ganti dibuat berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2011 Dasar dan Prosedur Pengambilan Pekerja Sambilan Harian.

Individu-individu yang berminat untuk berkhidmat sebagai guru ganti perlu melengkapkan borang permohonan yang boleh didapati di pejabat pendidikan daerah (PPD) yang berdekatan. Borang yang telah lengkap diisi perlu dihantar ke Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk diproses. JPN akan memberi pertimbangan terhadap permohonan-permohonan yang diterima dengan mengambil kira kelulusan akademik pemohon terutamanya dalam bidang pendidikan dan pengalaman sebagai guru ganti. Jumlah guru ganti yang dikenal pasti di peringkat sekolah adalah berdasarkan bilangan guru yang mengambil cuti bersalin, cuti separuh gaji, cuti tanpa gaji dan cuti sakit barah sebelum dipanjangkan kepada pihak PPD dan JPN. Keperluan guru ganti di seluruh negara juga turut dipenuhi berdasarkan peruntukan kewangan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK MUSTAPA KAMAL BIN
MOHD YUSOFF**

TARIKH : 23 APRIL 2019

Datuk Mustapa Kamal Bin Mohd Yusoff minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan adakah trend harga minyak sawit dan jualannya mengalami peningkatan selepas pelancaran Kempen 'Sayangi Sawitku'.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Berikutan penurunan harga minyak sawit bermula tahun 2018, tidak dinafikan ramai pekebun kecil turut menerima kesan kejatuhan harga komoditi tersebut. Namun, bagi meningkatkan dan menstabilkan kembali harga ke paras yang lebih kompetitif, Kementerian telah dan sedang melaksanakan beberapa langkah segera bagi meminimumkan impak kejatuhan harga terutamanya kepada pendapatan para pekebun kecil. Langkah-langkah yang telah pun dilaksanakan ialah meningkatkan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum dari Program B7 kepada Program B10 di sektor pengangkutan yang telah dimandatorikan bermula Februari 2019. Kerajaan juga akan melaksanakan Program B7 di sektor industri bermula Julai 2019 secara mandatori. Pelaksanaan program ini dijangka melibatkan pertambahan penggunaan minyak sawit untuk biodiesel sebanyak 761,000 tan setahun. Ini akan menyumbang kepada pengurangan stok minyak sawit tempatan dan seterusnya memperkuuhkan harga minyak sawit.

Langkah-langkah jangka sederhana dan panjang untuk memperkuuhkan harga sawit termasuk menjadikan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) mandatori pada Januari 2020; menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D); meningkatkan akses pasaran di negara-negara pengimport melalui perundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau serantau; dan bekerjasama dengan Indonesia dan Colombia melalui *Council of Palm Oil Producing Countries (CPOPC)*.

SOALAN : 94

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini, telah diadakan majlis pelancaran rasmi Kempen ‘Sayangi Sawitku’ pada 24 Mac 2019 oleh YAB Perdana Menteri. Selepas daripada majlis tersebut, didapati harga dan eksport minyak sawit telah mengalami *trend* peningkatan. Pada 25 Mac 2019, harga minyak sawit mentah (CPO) adalah RM1,885.50 se tan. Harga CPO ini sedang menunjukkan peningkatan di mana pada 11 April 2019 harga CPO adalah berada pada RM2,019.00 se tan. Bagi eksport pula, untuk tempoh Januari hingga Februari 2019, eksport minyak sawit telah meningkat hampir 4% kepada 2,725,119 tan berbanding 2,621,143 tan pada tempoh yang sama tahun 2018.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan berusaha untuk membentuk jalinan kerjasama perdagangan yang lebih erat dengan China, India dan Eropah bagi meningkatkan lagi eksport minyak sawit Malaysia ke negara-negara tersebut melalui memorandum persefahaman dan perjanjian perdagangan bebas. Terkini, empat (4) syarikat Malaysia telah menandatangani dokumen hasrat pembelian dengan tiga (3) syarikat dari China bagi mengeksport sebanyak 1.62 juta tan minyak sawit ke negara tersebut. Pemeteraian dokumen hasrat pembelian antara syarikat Malaysia dan China tersebut bernilai US\$891 juta (RM3.64 billion) berdasarkan harga semasa. Pembelian minyak sawit ini dijangka dapat mengurangkan stok minyak sawit Malaysia serta meningkatkan harga komoditi ini. Pemeteraian dokumen hasrat pembelian ini merupakan tindakan susulan kepada persetujuan yang dicapai semasa mesyuarat antara Kerajaan Malaysia dan China pada Ogos 2018 untuk meningkatkan pembelian minyak sawit Malaysia oleh negara China sebanyak 500,000 tan.

SOALAN : 94

Manakala bagi negara India, eksport minyak sawit ke negara tersebut dijangka meningkat pada tahun ini berikutan penurunan duti import minyak sawit oleh negara India melalui komitmennya di bawah perjanjian *Malaysia – India Comprehensive Economic Co-operation Agreement* (MICECA). Duti import minyak sawit mentah adalah 40% dan minyak sawit proses adalah 45% berbanding kadar di bawah MFN (*Most Favoured Nation*) iaitu 44% untuk minyak sawit mentah dan 54% untuk minyak sawit proses. Melalui pengurangan duti import di bawah MICECA ini, eksport minyak sawit Malaysia dijangka akan meningkat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN KAMARUDIN
BIN ABDUN
TARIKH : 23 APRIL 2019

Tuan Kamarudin Bin Abdun minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status peruntukan projek yang telah disalurkan untuk Negeri Perlis di bawah Kementerian seperti membaiki rumah, menaikkan taraf jalan kampung, menaikkan taraf longkang kampung-kampung, lampu-lampu jalan kampung.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sepanjang Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dari tahun 2016 sehingga 2019, Negeri Perlis menerima peruntukan sebanyak RM100.2 juta di bawah Kementerian ini bagi pelaksanaan pelbagai projek pembangunan luar bandar. Bagi tahun 2020, Kementerian telah memohon peruntukan sejumlah RM35.1 juta bagi pelaksanaan sebanyak 18 program/ projek di Negeri Perlis. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM61.61 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan projek infrastruktur dan utiliti seperti Program Bantuan Rumah (PBR), Jalan Luar Bandar (JALB), Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan Program Ameniti Sosial (PAMS). Pecahan program/ projek adalah seperti berikut

Bil	Nama Projek /Program	Kategori Projek	Peruntukan Tahun 2016 - 2020 (RM juta)	Kos Keseluruhan Projek (RM juta)
1	Program Bantuan Rumah (PBR) – Bina Baru	Sambungan	4.63	5.09
2	Program Bantuan Rumah (PBR) – Baik Pulih	Sambungan	6.48	6.48
3	Jalan Luar Bandar (JALB)	Sambungan	27.40	108.00
4	Jalan Perhubungan Desa (JPD)	Sambungan	14.85	14.85
5	Program Ameniti Sosial (PAMS)	Sambungan	8.25	10.00
JUMLAH KESELURUHAN			61.61	144.42